

K a e d a h

Memahami Hadis-hadis

M u s y k i l .

Hafiz Firdaus Abdullah.

Judul:
Kaedah Memahami Hadis-Hadis Musykil.

Penulis:
Hafiz Firdaus bin Abdullah
hafizfirdaus@hotmail.com
www.hafizfirdaus.com
SMS: 019-384 8467

© Hafiz Firdaus Abdullah.

Dianjurkan membuat salinan untuk tujuan pengajian ilmu. Tidak dibenarkan mengulang cetak atau menyalin dengan apa cara jua untuk tujuan komersil tanpa keizinan bertulis daripada penulis.

Cetakan Pertama: 2003
Cetakan Kedua: 2012 (edisi dikemas kini)

Penerbit:
Perniagaan Jahabersa
15, Jalan Dataran 3/3, Taman Kempas,
81200 Johor Bahru,
Johor Darul Takzim,
Malaysia.

Tel: 07-235 1602, 235 1605
Fax: 07-235 1603
<http://www.jahabersa.com.my>

Sabda Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*:

نَصَرَ اللَّهُ امْرًا سَمِعَ مِنَا حَدِيثًا فَحَفَظَهُ حَتَّى يُبَلِّغَهُ غَيْرُهُ، فَرُبَّ حَامِلٍ فِيهِ إِلَى مَنْ هُوَ أَفْقَهُ مِنْهُ، وَرُبَّ حَامِلٍ فِيهِ لَيْسَ بِفَقِيهٍ.

Semoga Allah mengurniakan pencerahan (hikmah dan hidayah) kepada orang yang mendengar suatu hadis daripada aku lalu dia memeliharanya sehingga disampaikannya kepada orang lain.

Boleh jadi seseorang membawa ilmu kepada orang yang lebih faham daripadanya, dan boleh jadi ada orang yang membawa ilmu tetapi dia tidak memahaminya.

[*Sahih Sunan al-Tirmizi – no: 2656*]

<i>Kata Pengantar</i>	8
-----------------------	---

**A: HADIS-HADIS MUSYKIL DARI
SUDUT ILMU SAINS.** 14

<i>Pengenalan dan kaedah memahaminya.</i>	
Matahari sujud di bawah Arasy di malam hari.	18
Peringkat Perkembangan Embrio.	33
Demam panas adalah daripada api neraka.	48
Orang kafir memiliki 7 usus.	53

**B: HADIS-HADIS MUSYKIL DARI
SUDUT ILMU PERUBATAN MODEN.** 59

<i>Pengenalan dan kaedah memahaminya.</i>	
Tiada penyakit berjangkit.	63
Kencing unta sebagai ubat.	69
Habbatus-Saudah ubat bagi segala penyakit.	72
Makan kurma terpelihara dari sihir.	77

Hadis al-‘Ain.	80
Pandangan Ular boleh menyebabkan seorang ibu keguguran.	85
Di sebelah sayap lalat terdapat ubat penawarnya.	88

C: HADIS-HADIS MUSYKIL TENTANG WANITA.

<i>Pengenalan dan kaedah memahaminya.</i>	
Kecelakaan itu ada pada 3 perkara:	
Wanita, rumah dan kuda.	96
Aku melihat dalam neraka dan kebanyakannya adalah wanita.	100
Wanita belum mencapai kesempurnaan seperti lelaki.	106
Batal solat apabila anjing atau wanita melintas di hadapan.	109
Babi berlumuran lumpur adalah lebih baik daripada wanita.	113

D: HADIS-HADIS MUSYKIL DARI SUDUT LOGIKA DAN NORMA-NORMA AGAMA. 118

Pengenalan dan kaedah memahaminya.

Nabi Musa menampar Malaikat Maut.	124
Nabi Musa mandi bertelanjang.	135
Sesiapa akhir ucapannya <i>La ilaha illaLlah</i> akan masuk syurga.	142
Perangilah manusia sehingga semuanya mengucap <i>La ilaha illaLlah</i> .	146
Sampaikan hadis Bani Israil.	153
Sesiapa menghafal 99 nama Allah akan masuk syurga.	158
Muka manusia adalah daripada imej Allah.	162
Seseorang masuk syurga hanya kerana rahmat Allah dan bukan amalannya.	166
Anak kecil yang ditanam hidup-hidup akan masuk neraka.	171
Umat terbaik ialah yang hidup bersendirian di lereng gunung.	177

Nabi bersanggama dengan semua isterinya pada satu malam.	182
Allah “turun” ke langit dunia.	191

E: HADIS-HADIS YANG MUSYKIL

TENTANG AKHIR ZAMAN.	198
<i>Pengenalan dan kaedah memahaminya.</i>	
Masa depan umat kian bertambah buruk.	201
Umat terbaik hanyalah pada 3 kurun pertama.	204
Islam bermula sebagai asing dan akan berakhir sebagai asing.	207
Umat Islam akan berpecah menjadi 73 kumpulan.	210
<i>Kata Penutup</i>	223

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan nama Allah yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, tempat kami memohon petunjuk, pertolongan dan keampunan. Kami berlindung kepada-Nya daripada segala kejahatan jiwa kami dan perbuatan kami. Selawat dan salam ke atas Rasul-Nya: Muhammad bin Abdullah, juga ke atas ahli keluarga, para sahabat dan setiap yang mengikuti risalah yang disampaikannya.

Adakalanya apabila kita membaca hadis-hadis Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*, kita akan menemui beberapa hadis yang menggusarkan fikiran. Hadis-hadis tersebut kelihatan aneh lagi pelik apabila diukur dengan sains, ilmu perubatan moden, tamadun mutakhir dan logika biasa. Hadis-hadis inilah yang dimaksudkan sebagai *Hadis-Hadis Musykil*.

Hadis-hadis musykil ini adakalanya memberi kesan yang negatif kepada umat. Ada sebahagian umat menjadi ragu akan kebenaran hadis-hadis tersebut manakala sebahagian lain

pula menjadikannya salah satu faktor untuk menolak hadis secara keseluruhan dari syari‘at Islam.

Sebenarnya kemosykilan yang timbul dari hadis-hadis seperti ini hanyalah merupakan perspektif awal seseorang. Ia bukanlah sesuatu yang hakiki. Musykil atau tidak sesuatu hadis itu amat bergantung kepada arah perspektif seseorang dan kadar ilmu yang digunakannya sebagai bahan ukuran. Bukankah kemosykilan itu sendiri sesuatu yang relatif, di mana ada perkara yang dianggap musykil oleh seseorang dianggap benar oleh orang lain dan yang dianggap musykil pada satu ketika dianggap benar pada ketika yang lain?

Demikianlah juga dengan hadis-hadis Rasulullah *shallallahu ‘alaihi wasallam*. Adakalanya sesebuah hadis dianggap musykil dari sudut sains padahal hadis tersebut tidak ada kena mengena dengan ilmu sains atau ilmu sains itu sendiri yang belum mantap. Adakalanya sesebuah hadis dianggap musykil dari sudut ilmu perubatan moden padahal ilmu perubatan itu sendiri adalah sesuatu yang sentiasa dinamik selari dengan peradaban manusia. Ada kaedah perubatan yang tepat di zaman dahulu tetapi dianggap salah di masa kini dan ada kaedah perubatan yang dianggap tepat pada

masa kini tetapi mungkin akan dianggap aneh di masa akan datang. Ada hadis yang dianggap musykil dari sudut tamadun mutakhir padahal yang sebenarnya memusykilan adalah tamadun itu sendiri – siapakah yang memiliki kuasa untuk menentukan kebenaran atau kebatilannya – manusia atau syari‘at Allah? Ada hadis yang dianggap musykil jika difikirkan dengan logik padahal logik itu sendiri seluas mana sekalipun, tidak akan sekali-kali dapat mengatasi kebenaran wahyu dan kehendak Illahi.

Insya-Allah dalam buku ini akan dikemukakan sejumlah hadis yang pada zahirnya kelihatan musykil. Sesetengahnya biasa kita temui dipersoalkan oleh individu mahupun kumpulan tertentu dalam media cetak, elektronik dan dunia siber. Hadis-hadis musykil ini penulis himpun dalam beberapa kategori tertentu dengan setiap kategori penulis gariskan kaedah bagi mengatasi kemasykilan yang timbul.

Apa yang penting dalam hal ini bukanlah menjelaskan semua hadis yang kelihatan musykil tetapi menggariskan kaedah bagi mengatasi kemasykilan tersebut. Ini kerana jumlah hadis yang musykil adalah relatif manakala kaedahnya

adalah tetap. Dengan adanya kaedah yang benar, tidak akan wujud lagi hadis yang dianggap musykil. Umpama kata pepatah: *Jika kamu memberi saya ikan saya akan memakannya untuk satu hari tetapi jika kamu mengajar saya cara menangkap ikan saya akan memakannya seumur hidup.*

Semoga buku ini mencapai tujuannya dalam memberi kaedah dan ilmu kepada para pembaca apabila berhadapan dengan hadis-hadis yang kelihatan musykil. Didoakan juga agar buku ini dapat mengembalikan keyakinan seseorang terhadap hadis-hadis Rasulullah *shallallahu ‘alaihi wasallam* terutamanya kepada mereka yang meragui hadis-hadis secara keseluruhannya.

Sebenarnya buku ini adalah merupakan siri ke 3 dalam beberapa buku yang penulis susun khas bagi menangani salah faham yang wujud di kalangan umat dalam bidang hadis. Dua buah buku yang telah diterbitkan dalam siri ini ialah:

1. *20 Hujah Golongan Anti Hadis dan Jawapannya* (Jahabersa 2002).
2. *Kaedah Memahami Hadis-hadis yang Saling Bercanggah* (Jahabersa 2002).

Setiap satu siri buku di atas adalah cabang daripada

ilmu hadis yang sangat luas. Buku yang pertama mewakili ilmu yang paling dasar yang menetapkan *hadis* sebagai salah satu sumber syari‘at Islam yang baku. Buku kedua mewakili *Ilmu mukhtalaf al-hadis*, iaitu satu ilmu khas yang membicarakan cara-cara berinteraksi dengan hadis-hadis yang kelihatan bercanggah antara satu sama lain. Buku yang ketiga, yakni yang berada di tangan para pembaca sekarang ini, khas mewakili *Ilmu musykil al-hadis*, iaitu satu ilmu khas yang membicarakan cara-cara berinteraksi dengan hadis-hadis yang kelihatan aneh dan pelik.

Sebelum mengundur diri dari *Kata Pengantar* ini, ingin penulis mengucapkan ribuan terima kasih kepada rakan-rakan yang sudi menyemak dan memberi kata dua demi kebaikan buku ini khasnya Azimah binti Othman, Ghafarullahhuddin bin Hj. Din, Heizal Hezry bin Omar, Maryati binti Mat Nasir, Najah Nadiah binti Amran, Siti Hasnor binti Khamis dan lain-lain. Semoga Allah *Subhanahu wa Ta‘ala* melimpahi mereka dengan ganjaran yang sebaik-baiknya. Penulis mengalu-alukan sebarang bentuk pembetulan dan maklumbalas dari para pembaca, sama ada melalui e-mel atau surat menyurat yang dialamatkan kepada penerbit.

Diakui bahawa buku ini masih memiliki kekurangan dari beberapa segi dan tiada cara yang lebih baik untuk memperbaikinya melainkan dengan bantuan ikhlas para pembaca.

Wassalamu 'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Hafiz Firdaus Abdullah

Edisi Pertama: 4 Oktober 2002

Edisi Kedua yang dikemas kini: 30 April 2012.

A

HADIS-HADIS MUSYKIL DARI SUDUT ILMU SAINS.

Pengenalan Dan Kaedah Memahaminya.

Hadis-hadis yang musykil dari sudut ilmu sains ialah hadis-hadis yang memberi maksud atau pengajaran yang tidak selari dengan penemuan dan fakta sains masa kini. Ada di antara hadis-hadis ini yang terasing dengan sains, ada yang bertentangan dengan sains dan ada yang dibuktikan salah oleh sains.

Sebenarnya hadis-hadis yang dianggap musykil ini hanyalah merupakan sesuatu yang wujud pada pandangan zahir seseorang. Sebenarnya tidak akan wujud sebarang pertentangan antara hadis-hadis Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* dan alam kehidupan ini (yakni sains) kerana kedua-duanya adalah wahyu dan penciptaan yang berasal daripada sumber yang sama iaitu Allah '*Azza wa Jalla*.

Justeru apabila seseorang itu menemui satu hadis yang kelihatan musykil dari sudut sains, ia bukanlah kemosykilan yang hakiki. Kemosykilan wujud kerana kegagalan seseorang

itu untuk mencermati beberapa faktor berikut:

[1] Adakah hadis yang dianggap bertentangan tersebut *sahih sanadnya* dan benar-benar berasal daripada Rasulullah *shallallahu ‘alaihi wasallam*? Tidak sedikit kita menemui sesebuah hadis yang dianggap berasal daripada Rasulullah tetapi ia memiliki *sanad* yang sangat *dha‘if* atau *maudhu‘*, atau mungkin juga ia hanyalah merupakan sebutan sahabat atau generasi selepas mereka.

[2] Adakah hadis yang dianggap bertentangan tersebut telah diterjemahkan atau difahami dengan tepat?

[3] Adakah fakta sains tersebut sesuatu yang nyata (*established fact*) atau hanya teori yang belum dipersetujui secara jumhur oleh para ahlinya? Sekalipun ia adalah sesuatu yang dipersetujui jumhur, perlu diingatkan bahawa ilmu sains bersifat dinamik, apa yang dipersetujui seratus tahun dahulu mungkin akan diperselisihkan pada masa kini dan apa yang dipersetujui pada masa kini mungkin akan dipersoalkan semula pada masa akan datang. Oleh itu hendaklah ditetapkan secara pasti sesebuah fakta sains sebelum ia dianggap bertentangan dengan sesebuah hadis.

[4] Apakah sudah dipertimbangkan kemungkinan bahawa hadis musykil tersebut sebenarnya menerangkan sesuatu yang

pada hakikatnya masih belum dijangkau ilmunya? Hadis-hadis seperti ini sering kali ditolak sebagai ketinggalan padahal mungkin sahaja ia memiliki petunjuk sains yang jauh ke hadapan, ke satu tahap yang buat masa ini belum tercapai oleh sains dan sekaligus menjadi cabaran bagi para ahlinya.

[5] Adakah hadis yang dianggap bertentangan tersebut asalnya disampaikan oleh Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* sebagai satu ilmu sains atau hanya sekadar apa yang sesuai dengan suasana masyarakat di sekeliling baginda?

Yang terakhir di atas amat perlu diberi perhatian kerana ada sesetengah pihak yang menganggap keseluruhan ucapan, perbuatan dan persetujuan Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* adalah daripada sumber wahyu. Sebenarnya para ilmuan Islam telah bertindak cemerlang dalam hal ini, di mana mereka telah membezakan ucapan, perbuatan dan persetujuan baginda (yakni sunnah baginda) kepada beberapa jenis:

[1] Sunnah yang termasuk dalam urusan syari'at seperti akidah, ibadah dan sebagainya. Dalam sunnah yang pertama ini wahyu bersifat memerintah manakala Rasulullah hanyalah sebagai penyampainya.

[2] Sunnah yang termasuk dalam urusan ijtihad baginda

sebagai seorang pemimpin seperti kaedah kepimpinan negara, strategi peperangan dan pengurusan masyarakat. Dalam sunnah yang kedua ini wahyu bersifat membimbing dengan memberi beberapa petunjuk asas agar tidak terkeluar dari batas yang diredhui syari‘at.

[3] Sunnah yang termasuk dalam urusan harian baginda sebagai seorang manusia seperti cara tidur, menyikat rambut, berpakaian dan sebagainya. Dalam sunnah ini wahyu bersifat memerhati dan menegur agar setiap perbuatan harian ini termasuk dalam lingkungan *teladan hasanah* yang dapat dicontohi oleh umat baginda.

Oleh kerana itu perlu dibezakan antara sunnah-sunnah Rasulullah *shallallahu ‘alaihi wasallam* agar kita dapat meletakkan setiap hadis baginda pada tempatnya yang sebenar.

Berikut dikemukakan 4 contoh hadis yang dianggap terasing, bertentangan dan batil dengan sains moden diikuti dengan penjelasannya yang sebenar.¹

¹ Hampir semua hadis-hadis musykil dalam kategori *Dari Sudut Ilmu Sains* (Bab A) dan *Dari Sudut Ilmu Perubatan* (Bab B) penulis ambil dari buku Maurice Bucaille yang berjudul *The Bible, The Qur'an and Science* (A.S. Noordeen, Kuala Lumpur 1989) dalam sebuah bab khusus yang berjudul *The Qur'an, Hadith and Modern Science* (ms 242-248) di mana dalam bab ini pengarang telah mengemukakan sejumlah hadis dalam kitab *Sahih al-Bukhari* yang memusykilkan beliau.

CONTOH 1:

Matahari Sujud Di Bawah Arasy Di Malam Hari.

Berkata Abu Dzar *radhiyallahu anhu*, Rasulullah *shallallahu alaihi wasallam* telah bertanya kepada dia tentang hal tenggelamnya matahari:

أَتَدْرِي أَيْنَ تَذَهَّبُ ؟ قُلْتُ: اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَعْلَمُ . قَالَ: فَإِنَّهَا تَذَهَّبُ حَتَّى تَسْجُدَ تَحْتَ الْعَرْشِ فَتَسْتَأْذِنَ فَيُؤْذَنُ لَهَا وَيُوْشِكُ أَنْ تَسْجُدَ فَلَا يُقْبَلُ مِنْهَا . وَتَسْتَأْذِنَ فَلَا يُؤْذَنُ لَهَا . يُقَالُ لَهَا إِرْجَعِي مِنْ حَيْثُ جِئْتِ فَتَطْلُعُ مِنْ مَعْرِبِهَا . فَذَلِكَ قَوْلُهُ تَعَالَى : ((وَالشَّمْسُ بَخْرِي لِمُسْتَقَرٍ لَهَا ذَلِكَ تَقْدِيرُ الْعَزِيزِ الْعَلِيمِ)) .

“Tahukah kamu ke mana perginya (matahari di malam hari)?” Saya (Abu Dzar) menjawab: “Allah dan Rasul-Nya yang lebih mengetahui.” Lalu Rasulullah bersabda:

“Sesungguhnya ia pergi sehingga sujud di bawah Arasy. Ia meminta izin maka diizinkannya. Lalu ia segera untuk bersujud lagi tetapi tidak diterima darinya, lalu ia meminta izin lagi namun ia tidak diperkenankan. Dikatakan kepada ia: Kembalilah dari mana kamu datang. Maka ia

muncul (terbit) dari tempat ia tenggelam (terbenam).

Inilah yang dimaksudkan oleh Allah Ta‘ala dalam firman-Nya: Dan matahari, ia beredar ke tempat yang ditetapkan baginya; itu adalah takdir Tuhan yang Maha Kuasa, lagi Maha Mengetahui.” [Yasin 36:38]²

Kemusykilan:

Ada beberapa kemusykilan yang timbul dari hadis ini:

- [1] Dalam hadis ini disebutkan bahawa matahari *pergi* untuk bersujud, menunjukkan bahawa yang bergerak adalah matahari. Bukankah ini menyalahi fakta sains di mana yang bergerak sebenarnya adalah bumi?
- [2] Berdasarkan ilmu sains, kita sama-sama tahu di mana kedudukan matahari di malam hari. Kenapa pula dalam hadis ini dikatakan matahari *pergi* bersujud di bawah Arasy?
- [3] Lebih aneh, bagaimana pula matahari akan terbit di tempat terbenamnya, yakni di sebelah Barat?
- [4] Di akhir hadis ini, dibacakan ayat al-Qur'an bahawa

² **Sahih:** Hadis dikeluarkan oleh al-Bukhari, Muslim dan lain-lain, lihat *Sahih al-Bukhari* (terj: Mahmoud Matraji; Dar al-Fikr, Beirut 1993), no: 3199 (*Kitab Awal Penciptaan, Bab Sifat Matahari dan Bulan*).

matahari beredar ke tempat yang ditetapkan baginya. Dalam kuliah-kuliah Zakir Naik³, diterangkan bahawa maksud ayat ini bukanlah untuk menunjukkan bahawa matahari itu bergerak dalam orbitnya yang tersendiri atau bergerak mengelilingi bumi tetapi ia menunjukkan bahawa matahari berpusing di atas paksinya dengan setiap pusingan mengambil masa kira-kira 25 hari. Ini juga telah dibuktikan oleh sains mutakhir. Maka sekali lagi terdapat percanggahan antara hadis ini dengan al-Qur'an dan sains.

Penjelasannya:

Sebelum dijelaskan satu persatu kemosykilan di atas, perlu diingatkan bahawa tujuan Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* membicarakan perihal matahari bukanlah untuk mengajar umat pada zamannya ilmu sains tetapi adalah untuk menghubungkan antara ciptaan-ciptaan alam dan Penciptanya agar dengan pengamatan dan pemerhatian tersebut, keimanan

³ Beliau adalah seorang tokoh da'i dari India yang terkenal di seluruh dunia. Dalam beberapa kuliahnya, dikaitkan antara ayat al-Qur'an dan penemuan sains yang jelas agar dengan itu terbukti kebenaran al-Qur'an sebagai sebuah kitab wahyu. Beliau juga adalah seorang pakar dalam bab Perbandingan Agama dan Isu-isu semasa. Sangat dianjurkan kepada para pembaca untuk menimba ilmu dari kuliah-kuliah beliau. Kuliah-kuliah ini telah dirakam dan diedarkan dalam bentuk Video CD oleh Saba Islamic Media, Kuala Lumpur. (<http://www.saba-islamic-media.com>)

dan keyakinan umat bertambah teguh dan mantap.

Ini adalah sepetimana firman Allah *Subhanahu wa Ta 'ala* dalam al-Qur'an:

إِنَّ فِي خَلْقِ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَاحْتِلَافِ اللَّيلِ وَالنَّهَارِ
لَا يَعْلَمُهُمْ بِأَوْلَى الْأَلْبَابِ。 الَّذِينَ يَذْكُرُونَ اللَّهَ قِيَامًا وَقُعُودًا وَعَلَى
جُنُوبِهِمْ وَيَتَفَكَّرُونَ فِي خَلْقِ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ رَبَّنَا مَا خَلَقْتَ هَذَا
بَاطِلًا سُبْحَانَكَ فَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi, dan pada pertukaran malam dan siang, ada tanda-tanda (kekuasaan, kebijaksanaan, dan keluasan rahmat Allah) bagi orang-orang yang berakal;

(Iaitu) orang-orang yang menyebut dan mengingati Allah semasa mereka berdiri dan duduk dan semasa mereka berbaring mengiring, dan mereka pula memikirkan tentang kejadian langit dan bumi (sambil berkata): “Wahai Tuhan kami! Tidaklah Engkau menjadikan benda-benda ini dengan sia-sia, Maha Suci Engkau, maka peliharalah kami dari azab neraka.” [‘Ali Imran 3:190-191]

Kaedah pengamatan dan pemerhatian tersebut

mungkin sahaja berbeza bergantung kepada individu, tahap ilmu dan suasana zaman kehidupannya. Dalam kes ini Rasulullah *shallallahu ‘alaihi wasallam* memberikan tumpuan kepada umatnya di zaman yang masih belum dikuasai sepenuhnya oleh ilmu sains. Sekalipun Rasulullah mengetahui ilmu sains secara tepat berdasarkan wahyu pengajaran dari Allah ‘Azza wa Jalla, baginda tidak mungkin akan mengajarnya kerana melakukan sedemikian tidaklah termasuk dalam kaedah dakwah yang berhikmah di saat itu.

Namun dengan berubahnya zaman dan peradaban manusia, maka berubahlah juga kaedah dakwah. Apa yang dianggap sebagai tidak berhikmah di zaman dahulu kini berubah menjadi kaedah yang berhikmah manakala apa yang dianggap berhikmah di zaman dahulu mungkin sahaja tidak lagi tepat di zaman kini.

Ini umpama apabila seorang anak kecil berumur 3 tahun yang bertanya kepada kedua ibubapanya dari manakah dia datang. Adakah kedua ibubapanya akan menjelaskan kepada dia setiap perincian, dari pemulaan hubungan seks, peringkat-peringkat perkembangan embrio sehingga ke proses kelahiran; atau mereka akan mencari jalan lain untuk menjelaskan secara mudah dan mengaitkannya kepada

Allah agar si anak dapat memahaminya dan mula mengenal siapakah Penciptanya? Pasti sahaja jawapan kedua ibubapa akan berbeza apabila yang bertanya adalah seorang anak yang telah mencapai umur dewasa belasan tahun, di mana dijelaskan dari sudut sains biologi dan dikaitkan dengan sifat Allah yang Maha Agung lagi Maha Mengetahui.

Oleh itu jika kita perhatikan benar-benar hadis perihal matahari di atas, kita akan dapati ianya penuh dengan petunjuk dan isyarat yang mengaitkan matahari dengan Penciptanya. Hadis ini tidak bercanggah dengan sains malah ia adalah satu cabaran kepada ilmu sains yang mutakhir mahupun yang akan datang.

Berikut dijelaskan satu persatu kemosykilan yang timbul daripada hadis di atas:

Kemosykilan Pertama:

Matahari pergi untuk bersujud, menunjukkan bahawa yang bergerak adalah matahari.

Penjelasan:

Perkataan Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*:
“Sesungguhnya ia (matahari) pergi sehingga.....”
sebenarnya adalah ungkapan dari segi bahasa, bukan sains.

Bukankah kita juga apabila merujuk kepada matahari menggunakan ungkapan seolah-olah matahari yang bergerak? Dalam bahasa Melayu dikatakan “*Matahari sedang terbit*” di pagi hari, “*Matahari telah tergelincir*” di siang hari dan “*Matahari terbenam*” di waktu Maghrib. Semuanya menunjukkan seolah-olah yang bergerak adalah matahari. Begitu juga dalam bahasa Inggeris iaitu *bahasa para ahli sains*, di mana dikatakan “*The Sun rises*” dan “*The Sun sets*”, kedua-duanya menunjukkan seolah-olah matahari yang bergerak.

Justeru diulangi bahawa sebutan: “*Sesungguhnya ia (matahari) pergi sehingga.....*” sebenarnya adalah ungkapan dari segi bahasa, bukan sains.

Kemusykilan Kedua:

Matahari pergi bersujud di bawah Arasy.

Penjelasan:

Yang dimaksudkan bersujud dalam hadis di atas bukanlah bersujud sepertimana perbuatan solat tetapi adalah sujud dalam ertikata ia mentaati perintah dan ketetapan Allah ke atasnya. Perhatikan firman Allah *Subhanahu wa Ta‘ala*

dalam dua ayat berikut:

وَلِلَّهِ يَسْجُدُ مَنْ فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ طَوْعًا وَكُرْهًا
وَظِلَالُهُمْ بِالْعُدُوِّ وَالْأَصَالِ.

Dan kepada Allah jualah sekalian makhluk yang ada di langit dan di bumi sujud (tunduk menurut), sama ada dengan sukarela atau dengan terpaksa; dan (demikian juga) bayang-bayang mereka; pada waktu pagi dan petang. [al-Ra'd 13:15]

أَلَمْ تَرَ أَنَّ اللَّهَ يَسْجُدُ لَهُ مَنْ فِي السَّمَاوَاتِ وَمَنْ فِي الْأَرْضِ
وَالشَّمْسُ وَالقَمَرُ وَالنُّجُومُ وَالجِبَالُ وَالشَّجَرُ وَالدَّوَابُ وَكَثِيرٌ مِنَ
النَّاسِ.

Tidakkah engkau mengetahui bahawa segala yang ada di langit dan di bumi tunduk sujud kepada Allah, dan matahari dan bulan, dan bintang-bintang, dan gunung-ganang, dan pokok-pokok kayu, dan binatang-binatang, serta sebahagian besar dari manusia? [al-Hajj 22:18]

Sujud dalam dua ayat di atas ertinya ia mengikuti segala undang-undang dan peraturan yang telah Allah tetapkan bagi ia. Ini dikenali sebagai *sunnatuLlah*. Hal ini

diperincikan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam ayat berikut:

إِنَّ رَبَّكُمُ اللَّهُ الَّذِي خَلَقَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ فِي سِتَّةِ أَيَّامٍ
ثُمَّ اسْتَوَى عَلَى الْعَرْشِ يُغْشِي اللَّيْلَ النَّهَارَ يَطْلُبُهُ حَتَّىٰ وَالشَّمْسَ
وَالْقَمَرُ وَالنُّجُومُ مُسَخَّرَاتٍ بِإِمْرِهِ أَلَا لَهُ الْخَلْقُ وَالْأَمْرُ تَبَارَكَ اللَّهُ رَبُّ
الْعَالَمِينَ.

Sesungguhnya Tuhan kamu ialah Allah yang menciptakan langit dan bumi dalam enam masa lalu Ia bersemayam di atas Arasy; Ia melindungi malam dengan siang yang mengiringinya dengan deras (silih berganti) dan matahari dan bulan serta bintang-bintang, (semuanya) tunduk kepada perintah-Nya. Ingatlah, kepada Allah jualah tertentu urusan menciptakan (sekalian makhluk) dan urusan pemerintahan. Maha Suci Allah yang mencipta dan mentadbirkan sekalian alam. [al-A'raaf 7:54]

Justeru sama ada matahari atau bulan atau planet-planet lain, sama ada ia berorbit atau berputar pada paksinya atau kedua-duanya, itu semua adalah perintah, peraturan dan ketetapan Allah bagi mereka.

Maka apabila dikatakan matahari setelah terbenam pergi bersujud kepada Allah, ertinya ia tunduk kepada perintah dan peraturan Allah terhadapnya. Matahari tetap berada pada peraturannya, ia tidak hilang tetapi akan terbit kembali pada esok paginya. Terbit dan terbenamnya matahari yang disaksikan kerana pergerakan bumi adalah kerana aturan dan ketetapan Allah '*Azza wa Jalla* terhadap mereka.

Hal ini telahpun dibuktikan oleh sains akan tetapi sains masih belum dapat menemui kenapa dan bagaimana matahari dan bumi dapat berputar dan/atau berorbit dalam satu peraturan yang begitu seragam sehingga ia tidak bertembung mahupun lari dari ketetapannya. Begitu juga dengan sistem cakerawala yang lain, planet-planet, bulan, meteor dan bintang. Sains telah menemui peraturan gerakan mereka tetapi sains belum menemui siapakah yang mengurnya. Atau mungkin sudah ditemui tetapi keberatan untuk mengakui atau mengumumkannya.

Inilah yang penulis maksudkan bahawa hadis ini bukan sahaja tidak bercanggah dengan sains malah ia adalah satu cabaran kepada ilmu sains yang mutakhir mahupun yang akan datang.

Kemusykilan Ketiga:

Matahari akan terbit di tempat terbenamnya.

Penjelasan:

Keterangan Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bahawa matahari kemudiannya disuruh terbit di tempat terbenamnya sebenarnya merujuk kepada suasana akhir zaman beberapa ketika sebelum Kiamat. Terdapat beberapa hadis lain di mana Rasulullah menerangkan bahawa menjelang Hari Kiamat, matahari akan terbit di tempat terbenamnya.⁴ Di saat ini matahari tidak lagi mengikuti peraturan yang sudah sekian lama diperintahkan kepadanya.

Di dalam al-Qur'anul Karim, terdapat beberapa ayat yang menerangkan bahawa matahari hanya akan mengikuti peraturan yang ditetapkan baginya untuk satu tempoh tertentu. Salah satu dari ayat tersebut ialah:

خَلَقَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ بِالْحُقْقِ يُكَوِّرُ اللَّيْلَ عَلَى النَّهَارِ

⁴ Lebih lanjut silalah mengkaji buku Amin Muhammad Jamaluddin yang amat menarik, berjudul *Umur Umat Islam, Kedatangan Imam Mahdi dan Munculnya Dajjal* (terj: H.Akel; Cendekia Sentra Muslim, Jakarta 2000). Bagi hadis-hadis yang menerangkan matahari bakal terbit di tempat terbenamnya, lihat mukasurat 136-138.

وَيُكَوِّرُ النَّهَارَ عَلَى الْلَّيْلِ وَسَخَّرَ الشَّمْسَ وَالْقَمَرَ كُلُّ يَجْرِي لِأَجْلٍ
مُسَمَّى أَلَا هُوَ الْعَزِيزُ الْعَمَّارُ.

Ia (Allah) menciptakan langit dan bumi dengan ada faedah dan gunanya yang sebenar; Ia pula menjadikan malam melingkari siang (dengan gelapnya), dan menjadikan siang melingkari malam (dengan cahayanya); dan Ia menjadikan matahari dan bulan beredar menurut perintahnya, - tiap-tiap satu dari keduanya, beredar untuk suatu masa yang telah ditetapkan. Ingatlah! Dia lah Yang Maha Kuasa, lagi Yang sentiasa Mengampuni. [al-Zumar 39:05, lihat juga Fatir 35:13, Luqman 31:29 dan al-Ra'd 13:02]

Sebelum tempoh yang ditetapkan itu, peraturan terhadap matahari adalah sepetimana dalam ayat berikut:

لَا الشَّمْسُ يَنْبَغِي لَهَا أَنْ تُدْرِكَ الْقَمَرَ وَلَا اللَّيْلُ سَابِقُ النَّهَارِ
وَكُلُّ فِي فَلَكٍ يَسْبَحُونَ.

Matahari tidak mungkin baginya mengejar bulan, dan malam pula tidak dapat mendahului siang; kerana tiap-tiap satunya beredar terapung-apung di tempat edarannya

masing-masing. [Yasin 36:40]

Namun setelah tempoh yang ditetapkan yakni menjelang Hari Kiamat, matahari dan bulan akan berhimpun bersama sepetimana yang dikhabarkan oleh ayat berikut:

يَسْأَلُ أَيَّانَ يَوْمِ الْقِيَامَةِ. فَإِذَا بَرَقَ الْبَصَرُ. وَخَسَفَ الْقَمَرُ.
وَجُمِعَ الشَّمْسُ وَالْقَمَرُ.

Dia bertanya (secara mengejek): “Bilakah datangnya hari kiamat itu?” Maka (jawabnya: Hari Kiamat akan datang) apabila pemandangan menjadi terpendar-pendar (kerana gerun takut), Dan bulan hilang cahayanya, Dan matahari serta bulan dihimpunkan bersama. [al-Qiyamah 75:6-9]

Malah matahari sendiri akan digulung:

إِذَا الشَّمْسُ كُوَرَثٌ

Apabila matahari digulung. [al-Takwir 81:01]⁵ Yakni apabila matahari dilipat, dicantumkan sebahagian dengan sebahagian yang lain seperti melipat kain serban,

⁵ Terjemahan ayat berdasar edisi *Tafsir al-Munir* yang diterjemahkan oleh panel penterjemah kelolaan Persatuan Ulama’ Malaysia.

menghimpunkan pakaian dengan pakaian lain, kemudian dibuang, hilang cahayanya sebagai tanda alam ini akan binasa.⁶

Menjelangnya Hari Kiamat, peraturan matahari sangat berbeza dan berlainan, *mungkin sahaja* yang pertama ia terbit dari Barat, kemudian berhimpun dengan bulan lalu akhirnya ia menggulung sehingga hilang cahayanya. Allah sahaja yang lebih mengetahui.

Kemusykilan Keempat:

Matahari beredar ke tempat yang ditetapkan baginya.

Penjelasannya:

Nukilan Rasulullah *shallallahu ‘alaihi wasallam* akan ayat 36 surah Yasin: “**Dan matahari, ia beredar ke tempat yang ditetapkan baginya; itu adalah takdir Tuhan yang Maha Kuasa, lagi Maha Mengetahui.**” tidaklah bertujuan untuk menafikan sains mahupun membenarkannya.

Tujuan baginda hanyalah untuk menerangkan bahawa

⁶ Wahbah Zuhaili – *Tafsir al-Munir* (PUM & IMAP, Kuala Lumpur 2001), juz ‘Amma, ms 76.

urusan peredaran matahari, apa dan bagaimana dari awal hingga ke saat menjelang Kiamat, semuanya di bawah pengetahuan dan kekuasaan Allah ‘Azza wa Jalla.

Penjelasan Tambahan:

Di kalangan ilmuan Islam, ada yang berpendapat bahawa bukan bumi yang mengelilingi matahari tetapi matahari yang mengelilingi bumi.

Pendapat ini mereka dasarkan kepada pelbagai ayat al-Qur'an dan hadis sahih, di mana semuanya menerangkan matahari yang bergerak, bukan bumi yang bergerak.

Ada pun dakwaan sains yang menyatakan bumi mengelilingi matahari, kita umat Islam tidak tahu sejauh mana kebenarannya kerana kita tidak menguasai ilmu ini.

Secara umumnya ilmu ini pada masa kini dikuasai oleh umat bukan Islam. Apa yang diajar tentang peredaran bumi mengelilingi matahari, semuanya berasal daripada umat bukan Islam. Mungkin mereka tersilap atau mungkin mereka menyembunyikan kebenaran kerana enggan mengakui kebenaran Islam. Allah sahaja yang lebih mengetahui.

CONTOH 2:

Peringkat Perkembangan Embrio.

Sabda Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*:

إِنَّ أَحَدَكُمْ يُجْمَعُ خَلْقُهُ فِي بَطْنِ أُمِّهِ أَرْبَعِينَ يَوْمًا نُطْفَةً، ثُمَّ
يَكُونُ عَلَقَةً مِثْلَ ذَلِكَ، ثُمَّ يَكُونُ مُضْعَةً مِثْلَ ذَلِكَ، ثُمَّ يُرْسَلُ
الْمَلَكُ ...

Sesungguhnya setiap seorang daripada kamu dikumpulkan kejadiannya di dalam perut ibunya (selama) 40 hari (sebagai) nutfah, kemudian ia menjadi ‘alaqah seperti sedemikian itu (40 hari), kemudian ia menjadi mudghah seperti sedemikian (40 hari), kemudian diturunkan malaikat⁷

Penjelasan Istilah:

[1] ***Nutfah***: Ertinya setitik cecair atau setitik sperma sepertimana firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam ayat berikut:

⁷ **Sahih**: Sebahagian hadis daripada ‘Abdullah bin Mas‘ud *radhiyallahu anhu*, dikeluarkan oleh al-Bukhari, Muslim dan lain-lain, namun di atas adalah dengan lafadz al-Nawawi dalam *Kitab al-Arba‘ain* – no: 04. Perbezaan lafadz akan dikemukakan seterusnya.

وَأَنَّهُ خَلَقَ الزَّوْجَيْنِ الذَّكَرَ وَالْأُنْثَىٰ . مِنْ نُطْفَةٍ إِذَا تُمْتَنَّىٰ .

Dan bahawa sesungguhnya, Dia-lah yang menciptakan pasangan - lelaki dan perempuan, dari setitis air mani ketika dipancarkan (ke dalam rahim). [al-Najm 53:45-46]

إِنَّا خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ مِنْ نُطْفَةٍ أَمْشَاجٍ .

Sesungguhnya Kami telah aturkan cara mencipta manusia bermula dari air mani yang bercampur (dari pati benih lelaki dan perempuan). [al-Insan 76:02]

Dalam hadis di atas diterangkan bahawa **nutfah** lelaki dan perempuan bercampur di dalam rahim ibu.⁸

[2] ‘**Alaqah**: Ertinya sesuatu yang berpaut (*something that clings*) atau melekat kepada sesuatu yang lain. Ia juga diertikan sebagai lintah yakni haiwan yang berpaut kepada

⁸ Muhammad ‘Ali Albar - *Human Development as Revealed in the Holy Qur'an and Hadith* (Saudi Publishing and Distributing House, Jeddah 1989), ms 57. Untuk gambar peringkat-peringkat ini, lihat:

[1] Keith L. Moore – *The Developing Human: Clinically Oriented Embryology (with Islamic Additions: Correlation Studies with al-Qur'an and Hadith by 'Abdul Majeed Azzindani)* (3rd ed, W.B. Saunders, Philadelphia 1982 & Dar al-Qiblah, Jeddah 1983), mukasurat pertama selepas muka buku.

[2] T.W. Sadler – *Langman's Medical Embryology* (Williams & Wilkins, Baltimore 1985), ms i.

haiwan lain untuk menyedut darahnya. Dalam hadis ini ia bererti embrio tersebut (ovum yang telah disenyawakan) berpaut kepada rahim ibu.⁹

[3] **Mudghah:** Ertinya ketulan atau gumpalan yang rupanya seolah-olah sesuatu yang dikunyah sehingga kelihatan kesan gigi di atasnya.¹⁰

Ketiga-tiga peringkat ini juga telah disebut oleh al-Qur'an:

وَلَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ مِنْ سُلَالَةٍ مِّنْ طِينٍ. ثُمَّ جَعَلْنَاهُ نُطْفَةً فِي قَرَارٍ مَكِينٍ. ثُمَّ خَلَقْنَا النُّطْفَةَ عَلَقَةً فَخَلَقْنَا الْعَلَقَةَ مُضْعَعَةً فَخَلَقْنَا الْمُضْعَعَةَ عِظَامًا فَكَسَوْنَا الْعِظَامَ لَحْمًا ثُمَّ أَنْشَأْنَاهُ حَلْقًا آخَرَ فَتَبَارَكَ اللَّهُ أَكْبَرُ الْحَالِقِينَ.

Dan sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dari pati (yang berasal) dari tanah; Kemudian Kami jadikan “pati” itu (setitis) air benih (nutfah) pada

⁹ Muhammad ‘Ali Albar - *Human Development as Revealed in the Holy Qur'an and Hadith*, ms 67; Keith Moore, *The Developing Human*, ms 55-57 dan Sadler, *Langman's Medical Embryology*, ms 55.

¹⁰ Muhammad ‘Ali Albar - *Human Development as Revealed in the Holy Qur'an and Hadith*, ms 71 dan seterusnya; Keith Moore, *The Developing Human*, ms 79-81 dan Sadler, *Langman's Medical Embryology*, ms 58 dan seterusnya.

penetapan yang kukuh; Kemudian Kami ciptakan air benih itu menjadi ‘alaqah; lalu Kami ciptakan ‘alaqah itu menjadi mudghah; kemudian Kami ciptakan mudghah itu menjadi beberapa tulang; kemudian Kami balut tulang-tulang itu dengan daging. Setelah sempurna kejadian itu Kami bentuk dia menjadi makhluk yang lain sifat keadaannya. Maka nyatalah kelebihan dan ketinggian Allah sebagai sebaik-baik Pencipta. [al-Mu’minun 23:12-14]

Kemusykilan:

Dalam hadis di atas, diterangkan bahawa peringkat perkembangan embrio, daripada *nutfah* ke ‘*alaqah* ke *mudghah* mengambil masa 120 hari ($40 + 40 + 40$). Hal ini bertentangan dengan penemuan sains moden, di mana semua peringkat perkembangan tersebut sebenarnya mengambil masa 42 hari sahaja. Oleh itu berkata Maurice Bucaille dalam bukunya *The Bible, The Qur'an and Science* setelah menyebut hadis di atas: *Penjelasan tentang peringkat perkembangan embrio ini tidak selari dengan penemuan (sains) masa kini.*¹¹

¹¹ (A.S. Noordeen, Kuala Lumpur 1989), ms 245. (alih bahasa oleh penulis).

Penjelasannya:

Wujudnya kemosykilan ini adalah kerana dua sebab, pertama adalah nukilan lafaz hadis yang tidak tepat dan kedua adalah pemahaman perkataan Arab yang tidak tepat. Berikut diperincikan:

Pertama: Teks hadis yang sebenar.

Perkataan ***nutfah*** dalam lafaz hadis di atas sebenarnya tidak terdapat dalam lafaz asal yang dirujuk dalam kitab-kitab hadis. Berikut adalah lafaz asal bagi bahagian pertama hadis tersebut:

إِنَّ أَحَدَكُمْ يُجْمَعُ فِي بَطْنِ أُمِّهِ أَرْبَعِينَ يَوْمًا، ثُمَّ يَكُونُ
..... عَلَقَةً

Sesungguhnya setiap seorang daripada kamu dikumpulkan di dalam perut ibunya (selama) 40 hari, kemudian ia menjadi ‘alaqah

Demikianlah lafaz ini, tidak terdapat perkataan ***nutfah*** selepas **40 hari**. Teks ini dikeluarkan oleh al-Bukhari, Muslim, Abu Daud, al-Tirmizi, al-Nasa'e, Ibn Majah¹² dan

¹² Lihat:

lain-lain¹³. Adapun tambahan perkataan ***nutfah***, ia hanya

-
- [1] *Sahih al-Bukhari – no: 6594 (Kitab al-Qadr).*
 - [2] *Sahih Muslim* (terj: Mahmoud Matraji; Dar al-Fikr, Beirut 1993), *no: 2643 (Kitab al-Qadar).*
 - [3] *Sunan Abu Daud* (terj: Bey Arifin; Victory Agencie, Kuala Lumpur 1993), *no: 4544 (Kitab al-Sunnah, Bab Tentang al-Qadar).*
 - [4] *Sunan al-Tirmizi* (terj: M. Zuhri; Victory Agencie, Kuala Lumpur 1993), *no: 2220 (Kitab al-Qadar, Bab Amal ditentukan oleh perbuatan terakhir).*
 - [5] *Sunan al-Nasa'i al-Kabir (tahqiq: 'Abdul Ghafar Sulaiman & Sa'id Kasrwi Hasan; Dar al-Kutub al-Ilmiah, Beirut 1991), no: 11246.*
 - [6] *Sunan Ibn Majah* (terj: 'Abdullah Shonhaji; CV. Asy-Syifa', Semarang 1992), *no: 76 (Bab Tentang al-Qadar).*

¹³ Antaranya:

- [1] 'Abdul Razzaq – *al-Musannaf (tahqiq & takhrij)*: Habib al-Rahman al-'Azami; Maktabah al-Islami, Beirut 1983), *no: 20093.*
- [2] Ahmad bin Hanbal – *al-Musnad (tahqiq & takhrij)*: Ahmad Syakir & Hamzah Zain; Dar al-Hadith, Cairo 1995), *no: 3624, 3934 & 4091* (dua yang terakhir dengan lafadz *40 malam*)
- [3] al-Bazzar – *al-Musnad (tahqiq & takhrij)*: Mahfuz al-Rahman Zain Allah; Muasasah 'Ulum al-Qur'an, Beirut & Maktabah al-Ulum wa Hukum, Madinah 1409H), *no: 1551 & 1766.*
- [4] Abu Ya'la – *al-Musnad (tahqiq & takhrij)*: Husain Salim Asad; Dar al-Ma'mun li al-Turath, Damsyik 1984), *no: 5157.*
- [5] al-Thabarani – *al-Mu'jam al-Sagheir (tahqiq: Syamsul Haq Abadi; Dar al-Kutub al-Ilmiah, Beirut (tp thn)), jld 1, ms 84 & al-Mu'jam al-Ausath (tahqiq & takhrij: Mahmud Hasan Ismail; Dar al Fikr, Jordan 1999), no: 1717* (dgn lafadz *40 malam*).
- [6] al-Baihaqi – *al-Sunan al-Kubra (tahqiq: M. 'Abdul Qadir 'Atha; Dar al-Kutub al-Ilmiah, Beirut 1999), no: 15421 & 21280; Syu'abu al-Iman (tahqiq: Muhammad Sa'id Basuwni Zaghlul; Dar al-Kutub al-Ilmiah, Beirut 1999), no: 187 & Kitab al-I'tiqad wa al-Hidayah ila Sabil al-Rasyad (tahqiq & takhrij: 'Abd al-Razaq 'Afifi, 'Abdul Rahman al-Mahmud & 'Abdul Rahman al-Saleh; Dar Ibn Hazm, Beirut 1999), ms 152-153.*
- [7] Abu al-Husain al-Saidawi – *Mu'jam al-Shaikh (tahqiq & takhrij): 'Umar 'Abd al-Salam; Muasasah al-Risalah, Beirut 1405H), ms 60;*
- [8] Abu Bakar al-Humaidi – *al-Musnad (tahqiq: Habib al-Rahman al-'Azami; Dar al-Kutub al-Ilmiah, Beirut & Maktabah al-Matnabi, Kaherah (tp thn)*

dikeluarkan oleh Abu Uwanah¹⁴ dan Abu Bakar al-Ismaili¹⁵.

Perkataan ***nutfah*** ini kemungkinan besar ditambah oleh salah seorang perawi untuk menjelaskan lagi maksud hadis sepetimana yang dijelaskan oleh al-Qur'an dalam surah al-Mu'minun 23:12-14. Tambahan ini lama-kelamaan diambil terus dan dianggap sebagai sebahagian daripada hadis Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*.¹⁶

Hadis dengan tambahan ini telah dinukil oleh al-

), no: 126;

[9] Abu Daud al-Tayalisi – *al-Musnad* (Dar Ma'refah, Beirut (tp thn)), ms 28 (dgn lafadz 40 malam);

[10] Ibn Ja'ud al-Jauhari al-Baghdadi – *al-Musnad* (*tahqiq*: 'Amar bin Ahmad Haidar; Muasasah al-Nadr, Beirut 1990), no: 2594.

[11] Abu al-Shaikh al-Asbahani – *Kitab al-'Azomah* (*tahqiq & takhrij*: Ridha-u-Allah bin Muhammad; Dar al-'Asomah, Riyadh 1998), no: 1077.

[12] Abu Bakar al-Khalil – *Kitab al-Sunnah* (*tahqiq & takhrij*): 'Athiyah al-Zahzani; Dar al-Rayah, Riyadh 1410), no: 890.

[13] Ibn Abi 'Ashim – *Kitab al-Sunnah* (*tahqiq & takhrij*): Nasr al-Din al-Albani, Maktabah al-Islami, Beirut 1993), no:175.

[14] Abu Nu'aim – *Hilyah al-Auliya* (Dar al-Kitab al-'Arabi, Beirut 1405), jld 7, ms 365.

¹⁴ Sepetimana yang diterangkan oleh Ibn Hajar al-Asqalani dalam *Fath al-Bari* (*tahqiq*: 'Abdul 'Aziz bin Baz, Dar al-Fikr, Beirut 2000), jld 13, ms 314 (*Kitab al-Qadar, hadis no: 6594*).

¹⁵ *Mu'jam Shaikh Abu Bakar al-Ismaili* (*tahqiq*: Zayad Muhammad Mansur, Maktabah al-'Ulum wa al-Hukum, Madinah 1410), no:130.

¹⁶ Sharf al-Qaadhaah – *Asbab al-Ta'addud al-Riyayat fi al-Hadith al-Nabawi al-Shariff*, ms 25-26, CF. Jamal al-Din M. Zarabozo – *Commentary on the Forty Hadith of al-Nawawi* (al-Basheer, Boulder 1999), vol 1, ms 389-390.

Nawawi dalam kitabnya *al-Adzkar*¹⁷, *Riyadh al-Salihin*¹⁸ dan *Matan al-Arba'in (Hadis 40)*. Tambahan ini diikuti oleh beberapa tokoh selepas beliau seperti al-Suyuti dalam *Jamii' al-Sagheir*¹⁹ dan al-Hindi dalam *Kanz al-Ummal*²⁰.

Tambahan ini membawa perbezaan maksud yang besar. Berikut dikemukakan lafaz asal berbanding teks yang memiliki tambahan:

Lafaz asal: *Sesungguhnya setiap seseorang daripada kamu dikumpulkan di dalam perut ibunya (selama) 40 hari.*

Lafaz dengan tambahan: *Sesungguhnya setiap seseorang daripada kamu dikumpulkan kejadiannya di dalam perut ibunya (selama) 40 hari (sebagai) nutfah.*

Lafaz tambahan ini memberi maksud bahawa peringkat **nutfah** sesebuah embrio di dalam rahim ibunya memiliki tempoh 40 hari. Ini jelas bertentangan dengan fakta

¹⁷ *Kitab al-Adzkar* (Dar al-Hadith, Kaherah; edisi cdrom: al-Muhaddith v8.65), no: 1065.

¹⁸ *Riyadh al-Salihin (tahqiq & takhrij: Syu'aib al-Arna'uth; Maktabah al-Ma'mun, Jeddah 1996)*, no: 396.

¹⁹ *al-Jamii' al-Sagheir* (terj: Nadjih Ahmad; Pt Bina Ilmu, Surabaya 1995), no: 2179.

²⁰ *Kanz al-Ummal fi Sunan al-Aqwal wa al-Af'al (tahqiq: 'Umar al-Rumiyati; Dar al-Kutub al-Ilmiyah, Beirut 1998)*, no: 520 & 572.

sains masa kini di mana tempoh peringkat ***nutfah*** sebenarnya lebih kurang 7 hari. Adapun lafaz asal hadis ini, ia hanya menerangkan tempoh peringkat perkembangan embrio selama 40 hari di dalam rahim tanpa memperincikan bahawa ia adalah dalam peringkat ***nutfah*** sahaja. Perbezaan ini seterusnya membawa kita kepada penjelasan kedua pula:

Kedua: Pemahaman hadis yang sebenar.

Jelas kepada kita bahawa lafaz hadis yang sebenar ialah:

إِنَّ أَحَدَكُمْ يُجْمَعُ فِي بَطْنِ أُمِّهِ أَرْبَعِينَ يَوْمًا، ثُمَّ عَلَقَةً مِثْلَ ذَلِكَ، ثُمَّ يَكُونُ مُضْغَةً مِثْلَ ذَلِكَ، ثُمَّ يَبْعَثُ اللَّهُ مَلَكًا.....

Sesungguhnya setiap seseorang daripada kamu dikumpulkan di dalam perut ibunya (selama) 40 hari, kemudian ia menjadi ‘alaqah seperti sedemikian itu, kemudian ia menjadi mudghah seperti sedemikian, kemudian Allah menurunkan malaikat.....

Kini perlu kita kaji pula maksud sabda Rasulullah *shallallahu ‘alaihi wasallam*:

ثُمَّ عَلَقَةً مِثْلَ ذَلِكَ

Sabda Rasulullah ini boleh difahami dengan dua cara, yang pertama adalah sepertimana yang lazim di mana perkataan (ثم) yang ertiannya “*kemudian*” merujuk kepada tempoh 40 hari. Maka maksud hadis ini adalah: *Selepas 40 hari, ia menjadi ‘alaqah seperti sedemikian itu.*

Cara pemahaman kedua adalah perkataan (ثم) merujuk kepada peringkat perkembangan embrio, bukan tempoh 40 hari. Maka maksud hadis ini adalah: *Selepas pengumpulan air mani lelaki dan perempuan dalam perut (rahim) ibunya, ia “kemudian” berubah ke peringkat ‘alaqah.*

Perubahan ini tetap berlaku dalam tempoh 40 hari tersebut dan tidak di luarnya. Inilah yang dimaksudkan dengan (مثل ذلك) yang ertiannya “*seperti sedemikian*”, bermaksud ia berlaku dalam tempoh masa yang sama tersebut.

Pemahaman kedua ini adalah jelas bertepatan dengan fakta sains masa kini. Maka terjemahan tepat hadis ini adalah: ***Kemudian dalam tempoh yang sama itu, ia berubah menjadi ‘alaqah.***

Demikian juga dengan sabda Rasulullah *shallallahu*

‘alaihi wasallam yang seterusnya:

ثُمَّ يَكُونُ مُضْعَةً مِثْلَ ذَلِكَ

di mana terjemahannya yang tepat adalah sepetimana cara pemahaman yang kedua, iaitu: **Kemudian dalam tempoh yang sama itu, ia berubah menjadi mudghah.**

Maka terjemahan sebenar bagi keseluruhan hadis ini adalah: *Sesungguhnya setiap seseorang daripada kamu dikumpulkan di dalam perut ibunya (selama) 40 hari, kemudian dalam tempoh yang sama itu ia berubah menjadi ‘alaqah, kemudian dalam tempoh yang sama itu ia berubah menjadi mudghah.*

Maka dengan itu seluruh peringkat perkembangan embrio, sejak dari peringkat pengumpulan dalam rahim ke peringkat ‘alaqah ke peringkat mudghah, semuanya berlaku dalam tempoh masa 40 hari. Ini bertepatan dengan penemuan sains masa kini dan dengan itu hilanglah kemusykilan terhadap hadis ini.

Penjelasan Tambahan.

Dengan pemahaman yang baru terhadap hadis di atas, perlu dikaji semula hukum fiqh yang berkaitan dengan

pengguguran janin. Umumnya para fuqaha sebelum ini menetapkan tempoh 120 hari bagi membezakan hukum pengguguran janin. Jika umur janin adalah sebelum 120 hari, maka ia boleh digugurkan. Jika umur janin melebihi 120 hari, ia haram digugurkan kecuali dalam suasana darurat kerana pada saat ini roh telah ditiup kepadanya dan ia dikira sebagai makhluk yang bernyawa.²¹

Walaubagaimanapun dengan pemahaman yang baru terhadap hadis di atas dan diperkuatkan dengan penemuan sains mutakhir, tempoh yang sebenar bagi membezakan hukum pengguguran janin ialah 40 hari.

Selain itu perlu diingatkan beberapa perkara yang penting dalam hal ini:

- [1] Tidak dinafikan bahawa terdapat perbezaan hukum antara menggugurkan janin yang belum ditiupkan roh dan yang telah ditiupkan roh kepadanya. Tidak diyakini sama sekali bahawa Allah *Subhanahu wa Ta’ala* menerangkan kepada kita saat peniupan roh ke dalam janin tanpa sebarang

²¹ Untuk perincian pendapat para imam mazhab, lihat Muhammad Nu‘aim Yasin – *Fikih Kedokteran* (terj: Munirul Abidin; Pustaka al-Kautsar, Jakarta 2001), ms 197-215.

hikmah di dalamnya.

Adapun bagi mereka yang tidak mahu membezakan antara fasa sebelum dan selepas peniupan roh, mereka sebenarnya menyalahi petunjuk nas dan akal. Mereka ialah umpama orang yang menyamakan hukum antara lelaki dan wanita yang berpelukan dengan lelaki dan wanita yang berzina.

[2] Apa yang tepat tentang hukum menggugurkan janin adalah ia haram sekalipun pada fasa sebelum peniupan roh. Ini adalah kerana janin tersebut tetap dipandang sebagai sebuah objek dan hukum merosakkan sesebuah objek berbeza-beza selari dengan manfaat atau mudarat yang dimiliki oleh objek tersebut.

Jika sesebuah objek itu akan membawa kemudaratan kepada manusia, maka disunatkan atau diwajibkan memusnahkan objek tersebut selari dengan kadar kemudaratan yang bakal dibawanya. Jika sesebuah objek itu akan membawa manfaat, maka dimakruhkan atau diharamkan memusnahkan objek tersebut selari dengan kadar kemanfaatan yang bakal dibawanya.

Contohnya, disunatkan memusnahkan gambar-gambar

majalah yang tidak senonoh manakala diwajibkan memusnahkan arak dan dadah. Dimakruhkan memusnahkan pakaian dan perkakas harian manakala diharamkan memusnahkan buku-buku ilmiah dan makanan yang halal.

Janin adalah satu objek hidupan yang memiliki manfaat yang sangat besar kepada agama dan masyarakat sehingga memusnahkannya jatuh pada hukum haram. Merosakkan janin adalah umpama seseorang yang merosakkan salah satu daripada anggota badannya dan ini jelas adalah perbuatan yang diharamkan syari‘at.²²

Oleh itu tidak boleh menggugurkan janin sebelum atau selepas 40 hari atas apa-apa alasan kecuali darurat, seperti:

[2-A] Disahkan oleh minimum dua orang doktor pakar bahawa janin tersebut memiliki kecacatan yang hakiki yang

²² Hal ini berbeza hukumnya dengan tindakan perancangan keluarga yang menghalang percampuran antara air mani lelaki dan wanita, seperti penggunaan kondom, pil pencegah kehamilan, suntikan hormon, IUD dan lain-lain cara yang ada. Ini adalah kerana kaedah ini tidak memusnahkan janin tetapi sekadar mengelak kemungkinan persenyawaan antara sperma lelaki dan wanita yang bakal melahirkan janin. Persenyawaan adalah umpama akad jual beli. Seseorang itu tidak dibolehkan memecahkan akad jika ia telah dipersetujuinya bersama pihak yang lain. Berbeza halnya jika tidak ada akad antara dua pihak. Perancangan keluarga sudah wujud di zaman Rasulullah *shallallahu ‘alaihi wasallam* dan baginda tidak mengharamkannya. Perkara ini telah penulis huraikan dalam buku *Kaedah Memahami Hadis-hadis yang Saling Bercanggah* (Jahabersa, Johor Bahru 2002).

akan membawa beban kepada dia dan kedua ibubapanya apabila dilahirkan nanti. Sains masa kini membolehkan kesihatan janin ditetapkan pada saat-saat awal dan dipastikan kesihatannya apabila ia membesar nanti.

[2-B] Janin tersebut diperolehi oleh seorang wanita melalui jalan paksa seperti rogol dan penganiayaan. Maka dalam kes seperti ini dibolehkan menggugurkan janin tersebut untuk mengelakkan beban psikologi yang bakal menimpa anak dan ibu satu hari nanti. Akan tetapi jika ibu rela menerima anak tersebut, maka tidak menggugurkan janin adalah pilihan yang lebih baik.

CONTOH 3:

Demam Panas Adalah Daripada Api Neraka.

Sabda Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*:

الْحُمَّى مِنْ فَيْحَ جَهَنَّمْ فَأَبْرُدُوهَا بِالْمَاءِ.

*Demam panas adalah daripada serpihan neraka,
maka sejukkanlah ia dengan air.²³*

Kemusykilan:

Kita sama-sama tahu bahawa suhu badan yang naik ketika demam adalah kerana tindakan daya tahanan badan manusia yang ingin melawan virus-virus yang menyerangnya. Akan tetapi dalam hadis ini diterangkan pula bahawa kepanasan tersebut adalah merupakan serpihan daripada api neraka. Bagaimana mungkin demam panas ada mempunyai kaitan dengan api neraka?

Penjelasan:

Ada dua tafsiran terhadap hadis di atas:

²³ **Sahih:** Hadis daripada Ibn Abbas, Ibn 'Umar, Rafi' bin Khadij dan A'isyah *radhiallahu 'anhm* dengan beberapa lafaz yang sedikit berbeza, dikeluarkan oleh al-Bukhari, Muslim dan lain-lain, di atas dengan lafaz al-Bukhari, lihat *Sahih al-Bukhari* – no: 3261 (*Kitab Permulaan ciptaan, Bab Sifat neraka.....*).

Tafsiran Pertama:

Dikaitkan antara demam panas dan api neraka sebagai peringatan dan iktibar kepada orang yang sedang demam. Peringatan sedemikian adalah supaya seseorang itu tidak leka antara kehidupannya di dunia dan balasannya di Hari Akhirat. Orang yang demam merasai kepanasan badannya, lalu diingatkan bahawa api neraka adalah jauh lebih panas daripada itu. Moga dia dapat mengambil iktibar dan segera mengingatkan dirinya akan hal-hal yang telah atau akan dilakukannya, yang mungkin mengakibatkan dirinya dihumban ke dalam neraka yang jauh lebih panas.

Dalam beberapa hadis lain, Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* telah mengaitkan suasana panas yang dialami di mukabumi ini dengan api neraka sebagai peringatan dan iktibar kepada umatnya. Perhatikan dua hadis berikut:

أَبِرُّدُوا بِالصَّلَاةِ فَإِنَّ شَدَّةَ الْحَرَّ مِنْ فَيْحَ جَهَنَّمَ.

Tangguhlah solat (zuhur ketika cuaca amat panas)
kerana sesungguhnya kepanasan itu adalah daripada

*serpihan neraka.*²⁴

إِشْتَكَثُ النَّارُ إِلَى رَبِّهَا. فَقَالَتْ رَبُّ أَكَلَ بَعْضِي بَعْضًا.
فَأَذِنَ لَهَا بِنَفْسِيْنِ نَفْسٍ فِي الشَّتَاءِ وَنَفْسٍ فِي الصَّيفِ. فَأَشَدُّ مَا
بَحِدُونَ مِنْ الْحَرَّ وَأَشَدُّ مَا تَجَدُونَ مِنْ الزَّمْهَرِ.

*Neraka mengadu kepada Tuhan-Nya: “Wahai Tuhanku, sebahagian aku memakan sebahagian yang lain.” Maka diizinkan bagi ia dengan dua nafas, nafas di musim sejuk dan nafas di musim panas. Justeru kerana itulah terdapatnya kepanasan dan kesejukan (dalam cuaca).*²⁵

Tafsiran Kedua:

Rasulullah *shallallahu ‘alaihi wasallam* mengaitkan suasana kepanasan yang dialami manusia dengan neraka bagi mengisyaratkan bahawa sumber kepanasan atau tenaga haba yang kita alami ini semuanya berasal dari neraka.

²⁴ **Sahih:** Hadis daripada Abu Dzar dan Abu Sa‘id al-Khudri *radhiyallahu ‘anhma*, dikeluarkan oleh Ahmad, al-Bukhari dan lain-lain, lihat *Sahih al-Bukhari* – no: 3259 (*Kitab Permulaan ciptaan, Bab Sifat neraka*.....).

²⁵ **Sahih:** Hadis daripada Abu Hurairah *radhiyallahu ‘anh*, dikeluarkan oleh al-Bukhari, Muslim dan lain-lain, lihat *Sahih al-Bukhari* – no: 3260 (*Kitab Permulaan ciptaan, Bab Sifat neraka*.....).

Neraka adalah salah satu ciptaan Allah ‘Azza wa Jalla yang terawal dan dari neraka itu diambil sebahagian kecil daripada tenaga habanya lalu disebarkan ke alam ini. Semua bentuk tenaga haba yang kita alami asalnya adalah dari neraka.

Justeru hadis di atas dan beberapa hadis lain yang menyusulinya bukan bertujuan menerangkan sebab kepanasan tetapi adalah bagi mengisyaratkan asal usul kepanasan itu sendiri. Hadis ini secara tersendirinya menjadi cabaran bagi para ahli sains, di mana mereka semua sedia mengetahui tentang tenaga haba tetapi mereka masih gagal untuk mencari sumber asal tenaga haba.

Sebahagian mereka berpendapat bahawa sumber asal tenaga haba ialah matahari. Ini mungkin benar tetapi hadis-hadis Rasulullah ini menunjukkan bahawa tenaga haba memiliki sumber asal yang lebih terdahulu daripada matahari, malah matahari itu sendiri dipersoalkan – dari manakah ia memperolehi tenaga habanya?

al-Imam al-Bukhari sedia mengetahui maksud yang tersirat di dalam hadis-hadis ini maka kerana itulah beliau menyusun hadis-hadis ini dalam kitab *Sahihnya* dalam bab

Kitab Permulaan Ciptaan, iaitu satu bab khusus yang menerangkan perkara-perkara pertama yang dicipta oleh Allah *Tabaraka wa Ta’ala* di alam ini.

Sabda Rasulullah *shallallahu ‘alaihi wasallam*: ***Demam panas adalah daripada serpihan neraka, maka sejukkanlah ia dengan air*** tetap memiliki nilai perubatan yang benar di dalamnya. Sehingga kini di zaman perubatan serba moden, kaedah paling berkesan untuk meredakan suhu badan yang tinggi kerana demam panas adalah dengan air, malah adakalanya direndamkan seluruh badan pesakit ke dalam kolam yang berisi ais jika didapati suhu badannya terlalu tinggi.

CONTOH 4:

Orang Kafir Memiliki Tujuh Usus.

Sabda Rasulullah *shallallahu ‘alaihi wasallam*:

الْمُؤْمِنُ يَأْكُلُ فِي مِعَيٍّ وَاحِدٍ وَالْكَافِرُ يَأْكُلُ فِي سَبْعَةٍ أَمْعَاءٍ.

*Orang mukmin makan dengan satu usus manakala orang kafir makan dengan tujuh usus.*²⁶

Kemusykilan:

Disepakati oleh semua doktor bahawa semua manusia, tanpa mengira Muslim atau kafir, memiliki sistem usus yang sama. Maka bagaimana mungkin hadis di atas menerangkan bahawa orang Islam ada satu usus manakala orang kafir ada tujuh usus?

Penjelasan:

Hadis ini asalnya disampaikan oleh Rasulullah *shallallahu ‘alaihi wasallam* ketika seorang bukan Islam yang hadir atas jemputan baginda dihidang dengan perahan susu

²⁶ **Sahih:** Hadis daripada ‘Abdullah ibn ‘Umar, Abu Musa dan Abu Hurairah *radhiyallahu ‘anhm*, dikeluarkan oleh al-Bukhari, Muslim dan lain-lain, lihat *Sahih al-Bukhari* – no: 5393 (*Kitab Makanan, Bab Seorang mukmin dia makan.....*).

kambing. Tetamu tersebut minum perahan itu lalu meminta tambah, lalu diperahkan lagi untuknya. Dia minum dan meminta tambah lagi, begitulah seterusnya sehingga perahan ke tujuh. Pada keesokan harinya dia memeluk Islam lalu Rasulullah menjamu dia dengan perahan susu kambing. Dia minum sehingga habis namun apabila di jamu dengan perahan kedua, dia tidak meminumnya. Melihat itu Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda: ***Orang mukmin makan dengan satu usus manakala orang kafir makan dengan tujuh usus.***²⁷

Kisah di atas tidaklah membatasi maksud hadis kerana mengikut kaedah, sesuatu hadis yang memiliki lafaz umum tidak terikat dengan sebab-sebab yang melahirkannya. Justeru sabda Rasulullah: ***Orang mukmin, dia makan dengan satu usus manakala orang kafir dia makan dengan tujuh usus*** tidaklah terikat kepada tetamu yang minum tujuh perahan susu kambing di atas.

Maksud Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* membezakan antara satu dan tujuh usus bukanlah bertujuan

²⁷ **Sahih:** Ringkasan hadis daripada Abu Hurairah *radhiyallahu 'anh*, dikeluarkan oleh Ahmad, Muslim, al-Tirmizi dan lain-lain, lihat *Sahih Muslim* – no: 2063 (*Kitab Minuman, Bab Seorang mukmin dia makan.....*).

memberi pengertian dari sudut sains biologi tetapi adalah satu kiasan (*majaz*) bahawa orang Islam makan sedikit manakala orang bukan Islam makan banyak.

Angka tujuh atau tujuh puluh lazimnya digunakan oleh masyarakat Arab bagi menunjukkan satu jumlah yang banyak. Perhatikan tiga contoh berikut dari al-Qur'an:

مَثَلُ الدِّينِ يُفْقِدُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثَلٍ حَبَّةٍ أَنْبَتَتْ
سَبْعَ سَنَابِلَ فِي كُلِّ سُنْبُلَةٍ مِائَةً حَبَّةً وَاللَّهُ يُضَاعِفُ لِمَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ
وَاسِعٌ عَلَيْهِمْ.

Bandingan (derma) orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Dan (ingatlah), Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya, dan Allah Maha Luas (rahmat) kurnia-Nya, lagi Meliputi ilmu pengetahuan-Nya.
[al-Baqarah 2:261]

وَلَوْ أَنَّمَا فِي الْأَرْضِ مِنْ شَجَرَةٍ أَقْلَامٌ وَالْبَحْرُ يَمْدُدُهُ مِنْ بَعْدِهِ
سَبْعَةُ أَبْخُرٍ مَا نَفِدَتْ كَلِمَاتُ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ.

Dan sekiranya segala pohon yang ada di bumi menjadi pena, dan segala lautan (menjadi tinta), dengan dibantu kepadanya tujuh lautan lagi sesudah itu, nescaya tidak akan habis Kalimah-kalimah Allah itu ditulis. Sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.

[Luqman 31:27]

اسْتَغْفِرْ لَهُمْ أَوْ لَا تَسْتَغْفِرْ لَهُمْ إِنْ تَسْتَغْفِرْ لَهُمْ سَبْعِينَ مَرَّةً
فَلَنْ يَعْفِرَ اللَّهُ لَهُمْ ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ كَفَرُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ وَاللَّهُ لَا يَهْدِي
الْقَوْمَ الْفَاسِقِينَ.

(Orang-orang munafik itu) sama sahaja (sama ada) engkau meminta ampun untuk mereka atau engkau tidak meminta ampun bagi mereka. Jika engkau (wahai Muhammad) meminta ampun bagi mereka tujuh puluh kali (sekalipun) maka Allah tidak sekali-kali mengampunkan mereka; yang demikian itu kerana mereka telah kufur kepada Allah dan Rasul-Nya; dan Allah tidak akan memberi hidayah petunjuk kepada kaum yang fasik. [al-Taubah 9:80]

Oleh itu hadis di atas bukanlah bermaksud bahawa orang bukan Islam memiliki tujuh buah usus tetapi ia

bermaksud bahawa orang bukan Islam makan dan minum dalam jumlah yang banyak. Berbeza halnya dengan orang mukmin, mereka makan dan minum dengan penuh hemat dan disiplin. Mereka makan hanya apabila lapar dan berhenti sebelum kenyang. Mereka juga memberi keutamaan untuk berkongsi makanan dan tidak mengadu akan apa-apa yang tidak mereka suka selain berdiam sahaja.

Berikut dua buah ayat al-Qur'an tentang adab-adab pemakanan:

يَا بَنِي آدَمَ خُذُوا مِنْ كُلِّ مَسْجِدٍ وَكُلُوا وَاشْرُبُوا وَلَا
تُسْرِفُوا إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُسْرِفِينَ.

Wahai anak-anak Adam! Pakailah pakaian kamu yang indah berhias pada tiap-tiap kali kamu ke tempat ibadat (atau mengerjakan sembahyang), dan makanlah serta minumlah, dan jangan pula kamu melampaui; sesungguhnya Allah tidak suka akan orang-orang yang melampaui batas. [al-A'raaf 7:31]

إِنَّ اللَّهَ يُدْخِلُ الَّذِينَ آتَوْا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ جَنَّاتٍ تَجْرِي
مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ وَالَّذِينَ كَفَرُوا يَتَمَّتَّعُونَ وَيَأْكُلُونَ كَمَا تَأْكُلُ الْأَنْعَامُ

وَالنَّارُ مَثْوَىٰ لَهُمْ.

Sesungguhnya Allah akan memasukkan orang-orang yang beriman serta mengerjakan amal-amal yang soleh - ke dalam Syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai; dan (sebaliknya) orang-orang yang kafir menikmati kesenangan di dunia serta mereka makan minum sebagaimana binatang-binatang ternak makan minum, sedang nerakalah menjadi tempat tinggal mereka.

[Muhammad 47:12]

B

HADIS-HADIS MUSYKIL DARI SUDUT ILMU PERUBATAN MODEN.

Pengenalan Dan Kaedah Memahaminya.

Terdapat banyak hadis yang menerangkan kaedah perubatan Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*. Akan tetapi pada masa kini sesetengah kaedah perubatan tersebut dipandang tidak sesuai malah boleh mengakibatkan mudarat kepada pesakitnya.

Ketahuilah bahawa kemusykilan terhadap kaedah perubatan Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* dapat dijawab dengan memerhatikan beberapa hal berikut:

- [1] Adakah hadis-hadis yang menerangkan kaedah perubatan tersebut benar-benar berasal daripada Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*? Adakah hadis yang menghabarkannya bertaraf *sahih*?
- [2] Kaedah perubatan adalah sesuatu yang sentiasa berubah-ubah mengikut tamadun manusia. Ada kaedah

perubatan yang tepat pada zaman dahulu tetapi dianggap salah pada masa kini dan ada kaedah perubatan yang dianggap tepat pada masa kini mungkin akan dianggap aneh pada masa akan datang.

Kaedah perubatan yang dilakukan oleh Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* adalah sesuatu yang sesuai dengan suasana masyarakat pada zamannya. Ia adalah sesuatu yang diterima dan terbukti berkesan. Setakat ini tidak kita temui sebuah hadis *sahih* yang menerangkan kes kematian pesakit hasil diagnosa Rasulullah. Hal ini jauh berbeza dengan kaedah perubatan masa kini di mana penggunaan beberapa jenis ubat yang berasaskan *steroid* dan rawatan tertentu memiliki kesan sampingan negatif termasuk kematian.

Oleh itu perlu dipertimbangkan semula kaedah perubatan siapakah yang memusyikikan?

[3] Adakah hadis-hadis tersebut diterjemah dan difahami dengan tepat?

[4] Menjadi perbincangan di kalangan ilmuan adakah kaedah perubatan Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersumber dari wahyu atau ijтиhad baginda sendiri? Penulis berpendapat, kaedah perubatan Rasulullah adalah merupakan

ijtihad baginda sendiri di bawah pengawasan wahyu. Antara bukti terkuat dalam hal ini ialah hadis berikut:

Sa‘ad bin Abi Waqas radhiallahu ‘anh berkata, saya pernah terkena sakit yang berat, lalu Rasulullah shallallahu ‘alaihi wasallam datang menziarah aku. Baginda meletakkan tangannya di dada aku sehingga terasa kesejukan ke hatiku. Kemudian baginda bersabda:

إِنَّكَ رَجُلٌ مَفْوُودٌ، إِنْتَ الْحَارِثُ بْنُ كَلْدَةَ أَنَّهَا ثَقِيفٌ فَإِنَّهُ رَجُلٌ يَتَطَبَّبُ.

*Sesungguhnya engkau seorang lelaki yang dihinggap penyakit dada, pergilah kepada al-Harith bin Khaldah, warga Thaqif. Dia seorang yang boleh mengubati (kamu).*²⁸

Diperselisihkan sama ada al-Harith bin Khaldah telah

²⁸ **Hasan:** Dikeluarkan oleh Abu Daud (3727) dari jalan Mujahid, daripada Sa‘id bin Abi Waqas, bahawa..... *Isnad* ini terputus kerana Mujahid tidak pernah mendengar daripada Sa‘id bin Abi Waqas. Berkata Abu Hatim al-Razi, Mujahid sebenarnya menerima hadis ini daripada Mas‘ab bin Sa‘id, daripada Sa‘id bin Abi Waqas. Demikian ulas al-Munziri sebagaimana nukil Syamsul Haq Abadi dalam *Aunul Ma‘bud Syarah Sunan Abu Daud* (Dar al-Fikr, Beirut 1995), *jld 10, ms 276*. Justeru *isnad* hadis ini dinilai baik (*jayyid*) oleh Syu‘aib al-Arna’uth dalam *Zaad al-Ma‘ad* (Maktabah al-‘Asriyyah, Beirut 2000), *jld 6, ms 144* manakala dinilai *sahih* oleh Nasr al-Din al-Albani dalam *Sahih Sunan Abu Daud* (Maktabah al-Ma‘rif, Riyadh 2000) – no: 3876 (*Kitab Tibb, Bab Tentang kurma Ajwa*).

masuk Islam atau tidak ketika Rasulullah *shallallahu ‘alaihi wasallam* menyarankan beliau sebagai doktor.²⁹ Namun hadis ini menjadi dalil bahawa Rasulullah tidak diutuskan oleh Allah kepada umat sebagai doktor kerana jika inilah halnya, pasti baginda sendiri yang akan merawat Sa‘ad bin Abi Waqas.

Berikut dikemukakan beberapa hadis tentang prinsip dan kaedah perubatan Rasulullah *shallallahu ‘alaihi wasallam* yang dianggap memusyikilan.

²⁹ Antara lain lihat Ibn Abi Hatim al-Razi – *Jarh wa al-Ta’wil* (Dar al-Fikr, Beirut 1952) – no: 401; Ibn Abd al-Bar – *al-Isti‘ab fi Ma’rifat al-Ashab* (Dar al-Kutub al-Ilmiah, Beirut 1995) – no: 404 dan Ibn Hajar al-Asqalani – *al-Isabah fi Tamyiz al-Sahabah* (Dar al-Kutub al-Ilmiah, Beirut 1995) – no: 1480.

CONTOH NO: 1

Tidak Ada Penyakit Berjangkit.

Sabda Rasulullah *shallallahu-alaihi-wasallam*:

لَا عَدُوٍّ وَلَا طِيرَةٌ، وَلَا هَامَةٌ وَلَا صَفَرٌ، وَفَرَّ مِنْ الْمَجْدُورِ
كَمَا تَفَرَّ مِنِ الْأَسَدِ.

Tidak boleh menjangkitkan penyakit, dan tidak boleh mempercayai kesialan,³⁰ dan tidak boleh mempercayai Hama³¹, dan tidak boleh (mempercayai kecelakaan) pada bulan Safar, dan larilah kamu dari penyakit kusta sebagaimana kamu lari dari seekor singa.³²

³⁰ Masyarakat Arab ketika itu mempercayai sesetengah perkara atau haiwan boleh membawa kesialan kepada manusia. Contohnya ialah burung-burung dan arah penerbangan mereka di angkasa. Terjemahan di atas adalah yang lebih tepat berbanding terjemahan yang penulis berikan sebelum ini dalam buku *20 Hujah Golongan Anti Hadis dan Jawapannya* (Jahabersa 2002), ms 155.

³¹ *Hama* berasal dari satu adat Jahiliyah yang mempercayai ruh seseorang yang mati dibunuh akan keluar dari kuburnya dalam bentuk jelmaan manusia atau burung dan ia akan mencela tuannya yang mati terbunuh itu. Demikian terang Mahmoud Matraji dalam *Sahih Muslim* yang beliau terjemahkan, jld 3B, ms 465.

³² **Sahih:** Hadis dari Abu Hurairah *radhiallahu 'anh*, lafaz di atas dikeluarkan oleh al-Bukhari sahaja secara *muallaq*, lihat *Sahih al-Bukhari – no: 5707. (Kitab al-Tibb, Bab (Penyakit) Kusta)*. Bagi jalan-jalan periyawatan yang lengkap, lihat keterangan Ibn Hajar al-Asqalani dalam *Fath al-Bari, jld 11, ms 307 (syarah bagi hadis no: 5707)* dan *Taghliq al-Ta'liq* (*tahqiq: Sa'id 'Abdul Rahman; Maktabah al-Islami, Beirut & Dar al-Amman, Amman 1405H*), *jld 5, ms 45*. Jalan-jalan ini mensahihkan hadis *muallaq* ini sepertimana terang al-'Aini dalam *Umdat al-Qari Syarah Sahih al-Bukhari* (*tahqiq: Siddiq Jamil; Dar al-Fikr*

Kemusykilan:

Di manakah letak kebenaran hadis ini kerana merupakan kesepakatan para doktor bahawa sesetengah penyakit boleh berjangkit daripada seorang ke seorang yang lain.

Penjelasannya:

Perkataan *Laa* ‘Adwa (لا عدوی) biasanya diterjemahkan sebagai *tiada penyakit berjangkit* atau *tidak ada penyakit berjangkit*. Akan tetapi dalam kaedah bahasa Arab, perkataan *Laa* (لا) boleh memiliki dua erti, yang pertama sebagai “peniadaan” (*nafyun*) dan yang kedua sebagai “larangan” (*nahyun*). Kaedah bahasa Arab ini boleh juga kita lihat dalam ayat al-Qur'an berikut:

الْحُجَّ أَشْهُرٌ مَعْلُومَاتٌ فَمَنْ فَرَضَ فِيهِنَّ الْحُجَّ فَلَا رَفَثَ وَلَا
فُسُوقٌ وَلَا جِدَالٌ فِي الْحُجَّ.

(Masa untuk mengerjakan ibadat) Haji itu ialah beberapa bulan yang termaklum. Oleh yang demikian

1998), jld 14, ms 692 (syarah bagi hadis no: 5707). Hadis seumpama juga diriwayatkan oleh ‘Abdullah ibn ‘Umar dan Anas bin Malik *radhiyallahu ‘anhuma* dan dikeluarkan oleh Malik, Ahmad, al-Bukhari, Muslim dan ramai lagi.

sesiapa yang telah mewajibkan dirinya (dengan niat mengerjakan) ibadat haji itu, maka tidak boleh mencampuri isteri, dan tidak boleh membuat maksiat, dan tidak boleh bertengkar dalam masa mengerjakan ibadat haji. [al-Baqarah 2:197]

Firman Allah *Subhanahu waTa'ala* di atas bukanlah bermaksud satu *peniadaan* seperti tidak ada persetubuhan, tidak ada kemaksiatan dan tidak ada pertengkaran kerana tiga perkara ini memang sentiasa wujud dan tidak boleh dihapuskan begitu sahaja. Akan tetapi yang dimaksudkan adalah *larangan* iaitu jangan bersetubuh, jangan melakukan maksiat dan jangan bertengkar.

Perhatikan pula sabda Rasulullah shallallahu-alaihi-wasallam dalam hadis berikut:

لَا ضَرَرَ وَلَا ضَرَارٌ.

*Tidak boleh membuat mudarat dan tidak boleh memudaratkan.*³³ Perkataan *Laa* tidak bermaksud *peniadaan*

³³ **Sahih:** Hadis mutawatir dikeluarkan oleh Ahmad, al-Daruquthni, Ibn Majah dan lain-lain, dinukil dan dinilai *hasan* oleh al-Suyuti dalam *al-Jamii' al-Sagheer* – no: 9899 manakala dinilai *sahih* oleh Nasr al-Din al-Albani dalam *Irwa' al-Ghaleel* (Maktabah al-Islami, Beirut 1985) no: 896.

kerana unsur mudarat memang sentiasa wujud. Yang dimaksudkan adalah *larangan* iaitu jangan melakukan sesuatu yang memudaratkan diri sendiri dan jangan pula melakukan sesuatu yang memudaratkan orang lain.

Kembali kepada hadis asal di atas, yang dimaksudkan oleh Rasulullah *shallallahu alaihi wasallam* ialah tidak boleh membiarkan penyakit menjangkit, membiak, menjalar, menular dan merebak.³⁴ Hadis tersebut tidak bererti bahawa penyakit berjangkit tidak wujud. Bukankah di penghujung hadis sedia terdapat petunjuk bahawa wujudnya penyakit yang berjangkit, iaitu apabila Rasulullah menyuruh kita menjauhkan diri dari penyakit kusta? Perhatikan juga hadis-hadis di bawah ini sebagai penyokong kepada keterangan penulis di atas, bahawa yang sebenarnya dimaksudkan oleh Rasulullah ialah jangan membiarkan sesuatu penyakit itu menjangkit, merebak dan menular.

لَا يُورَدَنَ مُرْضٌ عَلَى مُصِحٍّ.

Janganlah orang yang sakit mengunjungi orang

³⁴ ‘Abdullah bin ‘Ali al-Najdy al-Qushaimy – *Memahami Hadits-hadits Musykil* (terj: Kathur Suhardi; Pustaka Mantiq, Solo 1993), ms 101-107.

*yang sihat.*³⁵

إِذَا سَمِعْتُم بِالظَّاعُونِ بِأَرْضٍ فَلَا تَدْخُلُوهَا. وَإِذَا وَقَعَ بِأَرْضٍ
وَأَنْتُم بِكَا فَلَا تَخْرُجُوا مِنْهَا.

*Apabila kamu mendengar satu wabak penyakit berjangkit di sesuatu daerah maka janganlah memasuki ia (daerah tersebut). Dan apabila kamu berada dalam daerah yang sedang dilanda wabak penyakit berjangkit maka janganlah kamu keluar darinya.*³⁶

Penjelasan Tambahan:

Terdapat penjelasan lain untuk hadis di atas, iaitu dari aspek taqdir. Hampir semua penyakit boleh berjangkit, namun kepada siapa ia berjangkit dan apakah orang tersebut akan benar-benar sakit terpulang kepada taqdir Allah.

Oleh itulah kita dapati apabila satu orang yang demam

³⁵ **Sahih:** Hadis dari Abu Hurairah *radhiyallahu anhu*, dikeluarkan oleh al-Bukhari dan Abu Daud, lihat *Sahih al-Bukhari* – no: 5771 & 5774. (*Kitab al-Tibb, Bab Tidak boleh menjangkitkan penyakit*).

³⁶ **Sahih:** Hadis dari ‘Abdurrahman bin ‘Auf dan Sa‘ad *radhiyallahu anhuma*, dikeluarkan oleh Ahmad, Abu Uwanah, al-Bukhari, Muslim dan lain-lain, lihat *Sahih al-Bukhari* – no: 5728 & 5729. (*Kitab al-Tibb, Bab Apa yang diperkatakan tentang wabak penyakit*).

selsema berada bersama beberapa orang yang sihat, sebahagian orang ada yang menjangkiti demam selsema tersebut manakala sebahagian lagi tidak. Terserah kepada taqdir Allah siapa yang akan turut demam selsema, siapa yang tetap sihat.

Justeru hadis di atas diterjemahkan sebagai: ***Tidak ada penyakit berjangkit***, dengan pengertian apabila seseorang itu sakit, ia bukanlah kerana jangkitan tetapi kerana taqdir Allah.

Berdasarkan terjemahan dan penjelasan ini, apabila seseorang itu terkena suatu penyakit, dia tidak akan mudah menuduh orang lain sebagai punca penyakitnya. Sebaliknya dia akan redha bahawa penyakit tersebut adalah taqdir Allah yang tentu memiliki hikmah di sebaliknya.

Ada pun bahagian akhir hadis: ...*dan larilah kamu dari penyakit kusta sebagaimana kamu lari dari seekor singa*, maka ia disebabkan dahsyatnya keadaan pesakit kusta sehingga menggerunkan orang yang melihatnya. Maka hadis ini menganjurkan untuk menjauhi pesakit kusta melainkan bagi orang yang sudah biasa atau cukup kuat untuk melihatnya.

CONTOH NO: 2

Kencing Unta Sebagai Ubat.

Anas bin Malik *radhiyallahu ‘anh* berkata:

أَنَّ نَاسًاٌ إِجْتَهَوْا فِي الْمَدِينَةِ فَأَمْرَهُمُ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ يَلْحِفُوا بِرَاعِيهِ يَعْنِيهِ الْإِبَلَ فَيَشْرُبُوا مِنْ أَبْيَانِهَا وَأَبْوَاهَا. فَلَحِفُوا بِرَاعِيهِ فَشَرُبُوا مِنْ أَبْيَانِهَا وَأَبْوَاهَا حَتَّى صَلَحْتُ أَبْدَانُهُمْ.

Cuaca Madinah tidak sesuai untuk beberapa orang, maka Nabi shallallahu ‘alaihi wasallam menyuruh mereka mengikut pengembala untanya dan untuk mereka minum susu dan kencing unta tersebut.

*Maka mereka mengikut pengembala itu dan minum susu serta kencing unta sehingga menjadi sihat semula badan mereka.*³⁷

Kemusykilan:

Bagaimana mungkin Rasulullah *shallallahu ‘alaihi*

³⁷ **Sahih:** Hadis dikeluarkan oleh Ahmad, al-Bukhari, Muslim, al-Tirmizi, al-Nasa'i, Ibn Majah dan lain-lain dengan lafaz yang sedikit berbeza-beza tetapi dengan pengajaran yang sama, iaitu disuruh minum susu dan air kencing unta sebagai ubat. Di atas adalah lafaz al-Bukhari, lihat *Sahih al-Bukhari* – no: 5686 (*Kitab Tibb, Bab Berubat dengan air kencing unta*).

wasallam mendiagnosa pesakitnya dengan air kencing unta yang sebenarnya adalah najis?

Penjelasan:

Memang pada zahirnya kelihatan aneh apabila baginda Nabi mendiagnosa pesakit dengan air kencing unta. Akan tetapi perhatikanlah penghujung hadis tersebut di mana Anas bin Malik menerangkan bahawa dengan meminum air kencing unta dan susunya, pesakit-pesakit tersebut kembali sembuh. Di sini terdapat bukti bahawa air kencing unta dan susunya dapat menjadi ubat untuk penyakit tertentu.

Ini adalah satu contoh kaedah perubatan yang dilakukan oleh Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* yang sesuai dengan suasana masyarakat di zamannya. Ia adalah sesuatu yang diterima dan terbukti berkesan. Orang ramai pada ketika itu tidak menolaknya, malah mereka menerimanya sebagai sejenis ubat yang mujarab. Ia hanya dipandang aneh oleh masyarakat pada zaman kebelakangan kerana tidak biasa dengannya.

Perlu diingatkan bahawa apabila Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* menetapkan jenis-jenis ubat, ia bukanlah sesuatu yang diteka atau dipilih secara rambang

tetapi ia adalah berdasarkan ilmu yang benar, sama ada merupakan ijihad baginda atau pembelajaran baginda daripada suasana di sekelilingnya. Semua ini berada di bawah pengawasan wahyu. Hal ini baginda lakukan dengan penuh tanggungjawab dan baginda juga berpesan kepada orang lain agar melakukannya juga dengan penuh tanggungjawab. Sabda baginda:

مَنْ تَطَبَّبَ، وَلَمْ يُعْلَمْ مِنْهُ طِبٌ قَبْلَ ذَلِكَ، فَهُوَ ضَامِنٌ.

Sesiapa yang menjadi doktor padahal dia tidak ada ilmu dalam bidang perubatan sebelum itu, maka dia dipertanggungjawabkan (atas apa-apa risiko yang akan timbul).³⁸

Adapun persoalan tentang najisnya kencing unta, para ahli fiqh mengatakan bahawa berdasarkan hadis di atas, dibolehkan minum air kencing daripada binatang yang halal dimakan dagingnya. Ia tidak lagi dipandang sebagai najis.³⁹

³⁸ **Hasan:** Hadis daripada Syu'bah, daripada datuknya, dikeluarkan oleh Abu Daud, Al-Nasa'i, Ibn Majah, al-Hakim, al-Dar al-Quthni dan lain-lain. Isnadnya dinilai *hasan* oleh Mujaddidi bin Mansur al-Shuri dalam *Sunan al-Dar al-Quthni* (Dar al-Kutub al-Ilmiyah, Beirut 1996) – no: 4452 dan oleh Mahmud Muhammad Mahmud dalam *Sunan Ibn Majah* (Dar al-Kutub al-Ilmiyah, Beirut 1998) – no: 3466 (*Kitab Tibb, Bab Sesiapa yang berubat tanpa ilmu perubatan*).

³⁹ Dalam bab ini ada beberapa pendapat dan semuanya telah dikupas oleh al-Syaukani dalam *Nail al-Authar* (terj: Hadimulyo & K. Suhardi; CV. asy-Syifa', Semarang 1994), jld 1, ms 101-108.

CONTOH NO: 3

Habbatus Saudah Penyembuh Semua Penyakit.

A'isyah *radiallahu 'anha* berkata, aku mendengar Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

إِنَّ هَذِهِ الْحُجَّةَ السَّوْدَاءَ شِفَاءٌ مِّنْ كُلِّ دَاءٍ إِلَّا مِنْ السَّامِ .

Sesungguhnya al-Habbatus Saudah penyembuh bagi semua penyakit kecuali al-Samu. A'isyah bertanya: *Apakah al-Samu?* Nabi menjawab:

الْمَوْتُ.

Mati.⁴⁰

Kemusykilan:

Jika hadis ini benar maka kenapakah masih terdapat banyak penyakit yang tidak dapat diubati?

Penjelasan:

Terdapat dua penjelasan terhadap hadis ini:

Pertama:

Nilai pengubatan *Habbatus Saudah* dalam hadis di

⁴⁰ **Sahih:** Dikeluarkan oleh Ahmad, al-Bukhari, Muslim, al-Tirmizi, Ibn Majah dan lain-lain, di atas dengan lafaz al-Bukhari, lihat *Sahih al-Bukhari – no: 5687 (Kitab Tibb, Bab al-Habbatus Saudah)*.

atas adalah berdasarkan berkat pengkhususan Rasulullah *shallallahu ‘alaihi wasallam* ke atasnya. *Habbatus Saudah* pada asalnya merupakan salah satu kaedah perubatan masyarakat ketika itu, namun berdasarkan berkat pengkhususan dan petunjuk baginda ke atasnya, menjadilah ia sejenis ubat yang mampu mengubati semua jenis penyakit.

Akan tetapi perlu diingatkan bahawa semua keberkatan asalnya daripada Allah ‘Azza wa Jalla termasuklah juga *Habbatus Saudah*. Demikian juga semua kesembuhan berasal dari Allah manakala *Habbatus Saudah* hanyalah satu cara dan ikhtiar ke arah kesembuhan.

Justeru kesembuhan seseorang itu tetap bergantung kepada kehendak dan izin Allah. Jika Allah mengkehendaki kesembuhan, maka sembulah penyakit itu walau seberat mana sekalipun. Sebaliknya jika Allah tidak mengkehendaki kesembuhan, maka penyakit itu tidak akan sembuh sehingga galah si pesakit menemui maut.

Firman Allah *Subhanahu wa Ta‘ala* melalui lisan Nabi Ibrahim ‘alaihi salam:

وَإِذَا مَرْضَتُ فَهُوَ يَشْفِينِ.

Dan apabila aku sakit, maka Dia-lah yang menyembuhkan penyakitku [al-Syu'ara 26:80]

Sabda Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*:

لِكُلِّ دَاءٍ دَوَاءٌ. فَإِذَا أُصِيبَ دَوَاءُ الدَّاءِ بَرَأً بِإِذْنِ اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ.

*Setiap penyakit ada ubatnya. Maka apabila diperoleh ubat penyakit tersebut, akan sembuhlah ia dengan izin Allah 'Azza wa Jalla.*⁴¹

Kedua:

Sabda Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* sebenarnya bermaksud menganjurkan *Habbatus Saudah* sebagai sejenis ubat yang bersifat umum lagi luas manfaatnya. Dalamnya terkandung sejumlah zat dan khasiat yang dapat mencegah dan menyembuh beberapa penyakit biasa.

Hadis di atas tidak bermaksud untuk menetapkan *Habbatus Saudah* sebagai satu-satunya ubat bagi semua jenis penyakit. Antara petunjuk kepada fahaman ini adalah sabda

⁴¹ **Sahih:** Hadis daripada Jabir bin 'Abdullah *radhiyallahu 'anh*, dikeluarkan oleh Ahmad, Muslim dan lain-lain, lihat *Sahih Muslim* – no: 2204 (*Kitab Salam, Bab Setiap penyakit ada ubatnya.....*).

Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* dalam sebuah hadis yang lain:

مَا أَنْزَلَ اللَّهُ دَاءً إِلَّا قَدْ أَنْزَلَ لَهُ شِفَاءً عَلِمَهُ مَنْ عَلِمَهُ
وَجَهَلَهُ مَنْ جَهَلَهُ (إِلَّا السَّامِ). قَيْلٌ: وَمَا السَّامِ؟ قَالَ: الْمَوْتُ.

Tidaklah Allah menurunkan satu penyakit kecuali diturunkan juga baginya ubatnya, diketahui oleh mereka yang mengetahuinya dan tidak diketahui oleh mereka yang tidak mengetahuinya⁴² kecuali al-Samu.

Ditanya: Apakah itu al-Samu? Baginda menjawab: (Ia adalah) kematian.⁴³

Hadir ini menerangkan bahawa bagi setiap penyakit Allah telah menyediakan ubatnya. Untuk mengetahui apakah ubat itu, hendaklah seseorang itu mengkaji dan membuat eksperimen kerana ubat itu hanya akan diketahui oleh mereka

⁴² **Sahih:** Hadis daripada 'Abdullah ibn Mas'ud *radhiallahu 'anh*, dikeluarkan oleh Ahmad, Abu Ya'la, al-Baihaqi (*al-Kubra*), al-Thabarani (*Ausath & Kabir*), al-Hakim dan lain-lain, dinilai *sahih* oleh Ahmad Syakir dalam *Musnad Ahmad* – no: 3578 (*Musnad 'Abdullah Ibn Mas'ud, hadathana Sufyan 'an 'Atha'*.....).

⁴³ **Hasan:** Tambahan dalam kurungan dikeluarkan oleh al-Hakim dalam *al-Mustadrak (tahqiq: Mustafa A.Q. 'Atha'*; Dar al-Kutub al-Ilmiah, Beirut 1990) – no: 8220 dan al-Thabarani dalam *al-Mu'jam al-Ausath* – no: 2534. *Isnad* ini dinilai *hasan* oleh penyemak *al-Mu'jam al-Ausath*: Mahmud Hasan Ismail.

yang ingin mengetahuinya dan tidak akan diketahui oleh mereka yang enggan.

Hadis ini menunjukkan bahawa *Habbatus Saudah* bukanlah ubat bagi semua penyakit kerana jika itu adalah kesnya, pasti akan disebut: “*Tidaklah Allah menurunkan satu penyakit melainkan Habbatus Saudah adalah ubat baginya*”.

Selain itu jika dirujuk kepada sejumlah hadis Rasulullah *shallallahu ‘alaihi wasallam* yang lain, akan ditemui bahawa baginda mendiagnosa pelbagai penyakit yang berlainan dengan ubat yang berlainan, tidak dengan *Habbatus Saudah* sahaja.

Justeru dapat difahami bahawa yang dimaksudkan oleh Rasulullah *shallallahu ‘alaihi wasallam* tentang *Habbatus Saudah* adalah ia sejenis ubat yang umum manfaatnya. Ia tidak khusus kepada sesuatu penyakit tertentu.

CONTOH NO: 4

Makan Kurma Terpelihara Dari Sihir.

Sabda Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*:

مَنْ تَصَبَّحَ كُلَّ يَوْمٍ سَبْعَ تَمَرَاتٍ عَجْوَةً لَمْ يَضُرِّهُ فِي ذَلِكَ
الْيَوْمِ سُمٌّ وَلَا سِحْرٌ.

*Sesiapa makan tujuh biji kurma ‘Ajwa setiap pagi maka terpeliharalah dia pada hari itu dari racun atau sihir.*⁴⁴

Kemusykilan:

Seorang rakan saya telah disihir dan saya telah mengesyorkan dia kurma ‘Ajwa tetapi sehingga kini dia masih belum sembah. Bagaimanakah sepatutnya diamalkan hadis kurma ajwa di atas?

Penjelasan:

Keistimewaan kurma ‘Ajwa dibandingkan dengan lain-lain jenis kurma adalah kerana berkat petunjuk dan

⁴⁴ **Sahih:** Hadis daripada Sa‘ad bin Abi Waqas *radhiallahu ‘anh*, dikeluarkan oleh Ahmad, al-Bukhari, Muslim, Abu Daud dan lain-lain, lihat *Sahih al-Bukhari* – no: 5769 (*Kitab Tibb, Bab Pengubatan sihir dengan kurma ajwa*).

pengkhususan Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* ke atasnya. Demikian juga sebagaimana baginda telah mengkhususkan jumlah tujuh biji pada setiap pagi. Keberkatan juga mungkin berasal dari keistimewaan tanah Madinah yang menjadi tempat khas pokok-pokok kurma ‘Ajwa.

Berkesan atau tidak kurma ‘Ajwa ke atas racun dan sihir bergantung kepada Allah *Subhanahu wa Ta‘ala* sebagaimana berkesan atau tidaknya sesuatu sihir itu adalah dengan izin Allah jua. Firman Allah:

فَيَتَعَلَّمُونَ مِنْهُمَا مَا يُفَرِّقُونَ بِهِ بَيْنَ الْمَرْءَ وَزَوْجِهِ وَمَا هُنْ
بِضَارٍ بِهِ مِنْ أَحَدٍ إِلَّا بِإِذْنِ اللَّهِ.

Dalam pada itu ada juga orang-orang mempelajari dari mereka berdua: ilmu sihir yang boleh menceraikan antara seorang suami dengan isterinya, padahal mereka tidak akan dapat sama sekali memberi mudarat (atau membahayakan) dengan sihir itu seseorang pun melainkan dengan izin Allah. [al-Baqarah 2:102].

Oleh itu bagi mengamalkan hadis di atas hendaklah seseorang itu memakan kurma ‘Ajwa dengan perasaan penuh

harapan akan kurniaan Allah, rendah diri akan kekuasaan Allah untuk memelihara dan menyembuh, dan bertawakal sepenuhnya akan keputusan Allah terhadap dirinya.

Adakalanya kurma ‘Ajwa tidak berkesan kepada orang yang memakannya kerana terdapat bisikan kecil di dalam hatinya yang ingin menguji dan mencabar sama ada benar atau tidak sabda Rasulullah *shallallahu ‘alaihi wasallam*. Bisikan inilah yang sebenarnya menghilangkan keistimewaan kurma ‘Ajwa.

CONTOH NO: 5

Hadis al-‘Ain.

Sabda Rasulullah *shallallahu ‘alaihi wasallam*:

الْعَيْنُ حَقٌّ.

al-‘Ain adalah benar.⁴⁵

Kemusykilan:

Apakah sebenarnya *al-‘Ain*? Benarkah ia boleh menyebabkan sihir dan penyakit hanya apabila dua orang saling memandang? Saya mendapati ini sukar untuk diterima.

Penjelasan:

al-‘Ain adalah tilik mata yang dengannya seseorang itu boleh menyebabkan orang lain yang dipandang matanya menjadi sakit, lemah atau disihir. *al-‘Ain* berlaku kerana kejahatan segelintir manusia yang memiliki tenaga telepati yang tinggi⁴⁶ dan juga kerana kejahatan jin dan syaitan. Sabda Rasulullah *shallallahu ‘alaihi wasallam*:

⁴⁵ **Sahih:** Sebahagian hadis daripada Abu Hurairah *radhiyallahu ‘anh*, dikeluarkan oleh Ahmad, al-Bukhari, Muslim dan lain-lain, lihat *Sahih al-Bukhari* – no: 5740 (*Kitab Tibb, Bab al-‘Ain adalah benar*).

⁴⁶ Lihat penjelasan Ibn al-Qayyim dalam *Zaad al-Ma‘ad, jld 6, ms 244-247*.

الْعَيْنُ حَقٌّ وَيَخْضُرُ بِهَا الشَّيْطَانُ وَحَسَدُ ابْنِ آدَمَ.

Al-'Ain adalah benar, syaitan dan manusia yang dengki mengganggu kamu dengannya.⁴⁷

Syaitan mengganggu manusia melalui beberapa cara dan salah satu darinya adalah seperti hadis di atas, iaitu melalui pandangan mata. Dalam kes ini mungkin sahaja syaitan menjelma menjadi makhluk dan dengan pandangannya dia berjaya menilik mata seseorang dan memberi gangguan kepadanya, sama ada gangguan jasmani atau rohani.

Gangguan manusia juga tidak dapat kita nafikan. Ia lahir dari sifat dengki dan cemburu seseorang kepada orang yang lain. Disebabkan tahap kedengkian dan kecemburuannya yang amat tinggi, mungkin sahaja ia dapat disalurkan melalui matanya hingga memberi pengaruh buruk kepada mata orang lain yang dipandangnya. Oleh kerana itulah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* pernah mengingatkan kita:

⁴⁷ **Sahih:** Hadis daripada Abu Hurairah *radhiallahu 'anh*, dikeluarkan oleh Ahmad dan dinilai *sahih* oleh Hamzah Ahmad Zain dalam *Musnad Ahmad* – no: 9631 (*Musnad Abu Hurairah, hadathana Ibn Numair*.....).

إِذَا رَأَى أَحَدُكُمْ مِنْ نَفْسِهِ أَوْ مَالِهِ أَوْ مِنْ أَخِيهِ مَا يُعْجِبُهُ
فَلْيَدْعُ لَهُ بِالْبَرَّةِ، فَإِنَّ الْعَيْنَ حَقٌّ.

Apabila seseorang kamu melihat terhadap dirinya atau hartanya atau tentang saudaranya apa yang mengagumkannya, maka doakanlah baginya keberkatan, kerana sesungguhnya al-‘Ain adalah sesuatu yang benar.⁴⁸

Makhluk jin juga boleh mengganggu manusia melalui al-‘Ain. Umm Salamah *radiallahu ‘anha* menerangkan bahawa pada satu ketika pernah seorang budak kerja wanita di rumahnya yang warna mukanya berbeza dari kebiasaan. Melihat itu baginda bersabda:

اسْتَرْقُوا لَهَا فَإِنَّ بَهَا النَّظْرَةَ.

Jampikanlah untuk dia sebab dia terkena al-Nazrah.⁴⁹

⁴⁸ **Hasan:** Hadis daripada ‘Amr bin Rabi‘ah *radhiallahu ‘anh*, dikeluarkan oleh Abu Ya’la, al-Hakim dan al-Thabarani, *isnadnya* dinilai baik (*jayyid*) oleh Husain Salim Asad dalam *Musnad Abu Ya’la* – no: 7195 (*Musnad hadis ‘Amr bin Rabi‘ah, hadathana Abu Bakar bin Abi Syaibah.....*). al-Suyuti menukilnya dalam *al-Jamii’ al-Sagheir* – no: 622 dan beliau mensahihkannya dan ini dipersetujui oleh Nasr al-Din al-Albani dalam *Sahih al-Jamii’ al-Sagheir* – no: 556.

⁴⁹ **Sahih:** Sebahagian hadis yang dikeluarkan oleh Ahmad, al-Bukhari, Muslim dan lain-lain, di atas dengan lafaz al-Bukhari, lihat *Sahih al-Bukhari* – no:

Al-Nazrah maksudnya adalah sesuatu yang berasal daripada jin. Justeru maksudnya ia terkena *al-'Ain* lantaran pandangan jin yang menusuk dari mata lembing.⁵⁰ Dalam hadis di atas Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* menyuruh pesakit *al-'Ain* diubati dengan jampi-jampian. Jampi yang dimaksudkan ialah membaca dua surah terakhir dalam al-Qur'an. Abu Sa'id al-Khudri *radhiallahu 'anh* menerangkan:

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَتَعَوَّذُ مِنْ عَيْنِ
الْجَحَّانِ. ثُمَّ أَعْيُنَ الْإِنْسِ. فَلَمَّا نَزَّلَ الْمُعْوَذَاتِ، أَخْذَهُمَا وَتَرَكَ مَا
سَوَى ذَلِكَ.

*Adalah Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam berta'awuz (berdoa meminta perlindungan Allah) daripada 'ain Jin, kemudian 'ain manusia. Setelah turunnya surah al-Mu'awwizatani, baginda mengambil (mengamalkan) keduanya dan meninggalkan yang selain dari itu.*⁵¹

5739 (*Kitab Tibb, Bab Ruqyah al-'Ain*).

⁵⁰ Al-Baghawi – *Syarah al-Sunnah (tahqiq & takhrij Syu'aib al-Arna'uth, Maktabah Islami, Beirut 1983), jld 12, ms 163.*

⁵¹ **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Tirmizi, al-Nasa'i (*Sunan & Kabir*), Ibn Majah, al-Baihaqi (*al-Kubra & al-Imran*) dan lain-lain, dinilai *sahih* oleh Nasr al-Din al-Albani dalam *Sahih Sunan al-Nasa'i* (Maktabah al-Ma'arif, Riyadh 1998) –

Demikian penjelasan tentang *al-'Ain*. Benar atau tidak, memang sukar diukur dengan daya nalar kerana ia adalah sesuatu yang berada di luar jangkauannya. Oleh kerana itu Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda: **al-'Ain adalah benar** – bertujuan untuk menyedarkan umatnya tentang kebenaran perkara ini dan bahayanya yang tinggi.

Oleh itu hendaklah setiap orang berwaspada tentangnya kerana ia termasuk dalam perkara ghaib sepetimana gangguan syaitan, jin dan sihir yang semuanya sukar dikesan oleh mata kasar. Hendaklah selalu membaca dua surah terakhir al-Qur'an, iaitu surah yang dikenali sebagai *al-Mu'awwizatan* sebagai pelindung daripada *al-'Ain*.

no: 5509 (*Kitab Memohon perlindungan, Bab Perlindungan dari 'ain jin*).

CONTOH NO: 6

Pandangan Ular Boleh Menyebabkan Seorang Ibu Keguguran.

Sabda Rasulullah *shallallahu ‘alaihi wasallam*:

أُفْتَلُوا الْحَيَّاتِ وَأُفْتَلُوا ذَا الْطُّفَيْتَينِ وَالْأَبْتَرَ فِإِنَّهُمَا يَطْمِسَانِ
الْبَصَرَ وَيَسْتَسْقِطَانِ الْحَبَلَ.

Bunuhlah ular dan bunuhlah “Za al-Thufayatain” (ular yang memiliki dua garis putih di belakangnya) dan “al-Abtar” (ular yang pendek ekornya) kerana keduanya boleh merosakkan pandangan dan menyebabkan keguguran (kepada ibu mengandung yang memandangnya).⁵²

Kemosyikan:

Bagaimanakah ular boleh merosakkan pandangan kita dan boleh menyebabkan ibu keguguran kandungannya? Pernah saya lihat seorang ibu yang mengandung melihat ular

⁵² **Sahih:** Hadis daripada ‘Abdullah ibn ‘Umar *radhiyallahu ‘anhuma*, dikeluarkan oleh Ahmad, al-Bukhari, Muslim dan lain-lain, di atas dengan lafadz al-Bukhari, lihat *Sahih al-Bukhari* no: 3297 (*Kitab Awal Ciptaan, Bab Firman Allah.....2:164*)

yang berada di dalam kurungan tetapi tidak ada apa-apa kemudaran yang menimpanya seperti yang didakwa oleh hadis di atas.

Penjelasan:

Ada dua penjelasan tentang hadis di atas:

Pertama:

Apa yang dikhawatirkan oleh Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* ialah *al-'Ain* yang mungkin menimpa seseorang kerana memandang mata ular. Tidak dinafikan bahawa makhluk jin dan syaitan boleh menjelma dalam bentuk ular dan mereka mampu mengakibatkan *al-'Ain* kepada orang yang memandangnya.

Kedua:

Apabila seseorang itu saling berpandangan dengan seekor ular, bererti jarak antara dia dan ular tersebut adalah dekat. Jarak ini membolehkan ular itu menyambang dengan tiba-tiba sehingga jika yang disambang adalah mata seseorang, ia akan menyebabkan kerosakan matanya. Jika ia menyambang seorang ibu yang sedang mengandung, ia boleh menyebabkan keguguran kerana terkejut dan ketakutan yang amat sangat.

Jika ular itu adalah dari spesis yang berbisa, maka sudah tentu ia akan mengakibatkan kemudaratan yang lebih besar.

Ada juga beberapa spesis ular tertentu yang boleh “meludahkan” bisanya tanpa perlu menggigit mangsanya. Ini boleh dilakukannya dalam jarak tertentu dengan mangsanya, iaitu satu jarak yang membolehkan mata saling bertentangan antara satu sama lain.

Oleh itu hadis ini tidak bertujuan untuk menetapkan kemudaratan setiap kali seseorang itu berhadapan dengan ular tetapi memberi peringatan akan kemudaratan yang mungkin menimpa dalam suasana tertentu.

CONTOH NO: 7

Di Sebelah Sayap Lalat Terdapat Ubat Penawarnya.

Sabda Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*:

إِذَا وَقَعَ الدُّبَابُ فِي إِنَاءٍ أَحْدِكُمْ فَلْيَغْمِسْهُ كُلَّهُ ثُمَّ لِيَطْرُحْهُ
فَإِنَّ فِي أَحَدِ جَنَاحَيْهِ شِفَاءً وَفِي الْآخِرِ دَاءً.

Jika seekor lalat jatuh ke dalam minuman seseorang kalian, maka benamkanlah (lalat itu sepenuhnya dalam minuman itu) dan kemudian buanglah (lalat) itu. Ini kerana sesungguhnya pada sebelah sayapnya terdapat penyembuh manakala pada sebelah yang lain terdapat penyakit.⁵³

Kemusykilan:

Hadis ini benar-benar aneh, bagaimana mungkin lalat yang dikenali sebagai binatang pengotor dapat dikatakan “ubat”?

Penjelasan:

Lalat memang dikenali sebagai binatang pengotor dan pembawa penyakit. Hal ini sepertimana yang telah

⁵³ **Sahih:** Hadis daripada Abu Hurairah *radhiyallahu 'anh*, dikeluarkan oleh Ahmad, al-Bukhari, Abu Daud, al-Nasa'i, Ibn Majah dan lain-lain, lihat *Sahih al-Bukhari* – no: 5782 (*Kitab Tibb, Bab Apabila lalat jatuh.....*).

diterangkan dalam hadis di atas:*sesungguhnya pada sebelah sayapnya terdapat penyakit*..... . Namun perlu difikirkan kenapakah kekotoran, yakni pelbagai jenis bakteria yang terdapat pada tubuh badan lalat tidak mengakibatkan penyakit kepada lalat itu sendiri? Jawapannya adalah kerana lalat memiliki daya tahanan semulajadi yang menghasilkan sejenis toksin yang bertindak sebagai penawar (*antidote*) bagi memelihara dirinya daripada bahaya bakteria-bakteria tersebut. Hal inilah yang diisyaratkan oleh Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* sebagai: *manakala pada sebelah yang lain terdapat penyembuh*.

Toksin inilah juga yang akan bertindak sebagai penawar terhadap bakteria yang dibawa oleh lalat yang terjatuh dalam minuman itu tadi. Untuk memperoleh manfaat yang sepenuhnya daripada toksin ini, hendaklah dibenamkan lalat itu seluruhnya ke dalam minuman tersebut. Tindakan ini memang akan menyebabkan minuman itu terdedah kepada lebih banyak bakteria lalat tetapi pada waktu yang sama toksin lalat tersebut akan membunuh bakteria yang dibawanya.

Hadis di atas tidaklah aneh tetapi ia memiliki nilai perubatan yang sangat tinggi di dalamnya. Pada masa kini kita dapati banyak ahli biologi dan ahli sains yang mengkaji toksin

pelbagai binatang yang berbisa seperti kala jengking, lipan, labah-labah *Tarantula*, ular dan sebagainya untuk dijadikan ubat penawar pelbagai penyakit. Hal ini juga telah didahului oleh para tabib cina sejak beberapa kurun yang lampau. Prinsip kajian ini sama sahaja, iaitu jika toksin binatang-binatang berbisa tersebut mampu menjaga diri tuannya daripada bahaya bisa (*venom*) yang dibawanya, sudah tentu toksin tersebut juga mampu menjadi penawar kepada pelbagai penyakit manusia.

Oleh itu hadis di atas dari sudut ukuran perubatan adalah benar lagi sahih.

Demikianlah beberapa hadis tentang kaedah perubatan Rasulullah *shallallahu ‘alaihi wasallam* yang masyhur dipertikaikan. Ada beberapa lagi yang mungkin dipersoalkan juga namun adalah mencukupi tujuh contoh di atas sebagai asas yang dapat membentuk kaedah bagi memahami hadis-hadis baginda dalam bab ini. Ingatlah bahawa Rasulullah *shallallahu ‘alaihi wasallam* tidak sekali-kali akan mendiagnosakan sesuatu penyakit dengan kaedah perubatan yang salah atau memudaratkan. Sabda baginda:

مَنْ تَطَبَّبَ، وَلَمْ يُعْلَمْ مِنْهُ طِبْ قَبْلَ ذَلِكَ، فَهُوَ ضَامِنٌ.

Sesiapa yang menjadi doktor padahal dia tidak ada ilmu dalam bidang perubatan sebelum itu, maka dia dipertanggungjawabkan (atas apa-apa risiko yang akan timbul).⁵⁴

⁵⁴ **Hasan:** Hadis daripada Syu’bah, daripada datuknya, dikeluarkan oleh Abu Daud, al-Nasa’i, Ibn Majah, al-Hakim, al-Daruquthni dan lain-lain. Isnadnya dinilai *hasan* oleh Mujaddi bin Mansur al-Shuri dalam *Sunan al-Daruquthni* (Dar al-Kutub al-Ilmiyah, Beirut 1996) – no: 4452 dan oleh Mahmud Muhammad Mahmud dalam *Sunan Ibn Majah* (Dar al-Kutub al-Ilmiyah, Beirut 1998) – no: 3466 (*Kitab Tibb, Bab Sesiapa yang berubat tanpa ilmu perubatan*).

C

HADIS-HADIS MUSYKIL TENTANG WANITA

Pengenalan Dan Kaedah Memahaminya.

Apa yang dimaksudkan sebagai hadis-hadis musykil tentang wanita ialah beberapa hadis Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* yang pada zahirnya kelihatan merendah-rendahkan dan menghina wanita. Hadis-hadis seperti ini masyhur digunakan oleh para orientalis untuk mengkritik Islam dan oleh para modernis untuk mengkritik hadis *Nabawiyah* secara sebahagian atau keseluruhan.

Penulis tidak bercadang untuk membahas kedudukan wanita dalam Islam kerana telah banyak bahan-bahan bertulis yang sedia ada tentangnya⁵⁵. Di sini penulis hanya akan

⁵⁵ Antara yang penulis syorkan ialah:

- [1] *Wanita Sempurna Menurut Pandangan Islam* oleh Muhammad Imran (terj: Fathilah M. Alipiah; Dar al-Alami, Kuala Lumpur 1993).
- [2] *Women in Shari'ah (Islamic Law)* oleh 'Abdul Rahman I. Doi (A.S. Noordeen, Kuala Lumpur 1990).
- [3] *Woman in Islamic Syari'ah* oleh Wahiduddin Khan (The Islamic Centre, Delhi 1995).

memberikan tumpuan kepada hadis-hadis yang dianggap musykil tentang wanita. Kemosyikilan hadis-hadis ini dapat dihilangkan dengan:

- [1] Mengkaji *isnad* hadis tersebut, adakah ianya *sahih* atau *dha'if*. Sebahagian besar hadis-hadis yang musykil tentang wanita adalah sangat *dha'if*, palsu atau tidak memiliki asal usulnya, seperti:
- (a) *Kalau bukan kerana wanita nescaya Allah disembah dengan sebenar-benarnya.*⁵⁶
- (b) *Bermusyawarahlah kalian (lelaki) dengan mereka (wanita) dan (kemudian) tentanglah pendapat mereka.*⁵⁷
- (c) *Tentanglah oleh kamu pendapat kaum wanita kerana*

[4] *Jatidiri Wanita Muslimah* oleh M. ‘Ali al-Hasyimy (terj: ‘Abdul Ghoffar; al-Kautsar, Jakarta 2000).

[5] *Menggugat Sejarah Perempuan: Mewujudkan Idealisme Gender Sesuai Tuntutan Islam* oleh Fatima ‘Umar Nasif (terj: B. Wirasubrata & Kundan Nuryakien; Cendekia Sentra Muslim, Jakarta 2001).

[6] *Kebebasan Wanita* oleh ‘Abdul Halim Abu Syuqqah (terj: Chairul Halim; Gema Insani, Jakarta 1997). Telah juga diterbit di Malaysia oleh Jahabersa, lihat <http://www.jahabersa.com.my/store/My/productdetail.asp?ISBN=983-077-430-9>

[7] *Wanita Menurut Syari‘at Islam dan Peradaban Moden* oleh Mustafa al-Sibai’ (terj: Halimuddin; Pustaka Antara 1986).

⁵⁶ Lihat Nasr al-Din al-Albani – *Silsilah Hadits Dha'if dan Maudhu'* (terj: A.M. Basalamah; Gema Insani, Jakarta 1995) – no: 56.

⁵⁷ *Silsilah Hadits Dha'if dan Maudhu'* – no: 430.

*dalam menentang pendapat mereka terdapat keberkatan.*⁵⁸

- (d) *Mematuhi wanita bererti penyelasalan.*⁵⁹
- (e) *Celakalah kaum lelaki ketika mereka mentaati kaum wanita.*⁶⁰
- (f) *Tidak boleh kahwin dengan wanita kecuali yang sedarjat.*⁶¹
- (g) *Janganlah kamu kahwin dengan wanita yang bodoh kerana berkahwin dengannya adalah satu bala manakala anak keturunannya adalah sia-sia.*⁶²
- (h) *Memandang ke wajah wanita yang cantik dan sesuatu yang hijau akan menambah kesegaran mata.*⁶³
- (i) *Jika tidak kerana wanita kaum lelaki pasti masuk syurga.*⁶⁴
- (j) *Janganlah kamu memberi tempat kepada mereka*

⁵⁸ *Silsilah Hadits Dha'if dan Maudhu'* – no: 430.

⁵⁹ *Silsilah Hadits Dha'if dan Maudhu'* – no: 435.

⁶⁰ *Silsilah Hadits Dha'if dan Maudhu'* – no: 436.

⁶¹ Lihat A. Yazid dan Qasim Koho – *Himpunan Hadits-hadits Lemah dan Palsu* (Bina Ilmu, Surabaya 2000) – no: 317.

⁶² *Himpunan Hadits-hadits Lemah dan Palsu* – no: 318.

⁶³ *Himpunan Hadits-hadits Lemah dan Palsu* – no: 440.

⁶⁴ *Himpunan Hadits-hadits Lemah dan Palsu* – no: 513.

(wanita) di dalam kamar-kamar dan jangan kamu ajar mereka menulis, tetapi ajarlah mereka bagaimana memintal benang dan surah al-Nur.⁶⁵

[2] Menggandingkan hadis tersebut dengan lain-lain hadis sehingga dapat difahami apakah maksud sebenar Rasulullah *shallallahu ‘alaihi wasallam*.

[3] Mengkaji latar belakang dan suasana persekitaran Rasulullah *shallallahu ‘alaihi wasallam* ketika menyampaikannya sehingga dapat dikenal pasti adakah hadis tersebut umum untuk semua sepanjang zaman atau khusus untuk seseorang individu pada satu ketika.

Berikut dikemukakan beberapa hadis muyskil yang masyhur dipersoalkan.

⁶⁵ *Himpunan Hadits-hadits Lemah dan Palsu – no: 514.*

CONTOH NO: 1

Kecelakaan Itu Ada Pada Tiga Perkara: Wanita, Rumah Dan Kuda.

Sabda Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*:

الشُّرُّومُ فِي الْمَرْأَةِ وَالدَّارِ وَالْفَرَسِ.

*Petanda buruk (evil omen) terdapat pada wanita,
rumah dan kuda.*⁶⁶

Kemusykilan:

Kenapakah dikatakan pada wanita ada petanda buruk, malah sehingga disamakan dengan kuda dan rumah? Bukankah ini sebuah hadis yang jelas mendiskriminasikan wanita?

Penjelasan:

Maksud sebenar Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* dalam hadis di atas dapat difahami dengan merujuk kepada hadis berikut:

⁶⁶ **Sahih:** Hadis daripada 'Abdullah ibn 'Umar *radhiyallahu anhu*, dikeluarkan oleh Ahmad, al-Bukhari, Muslim, Abu Daud, al-Tirmizi, al-Nasa'i, Ibn Majah dan lain-lain, di atas dengan lafadz al-Bukhari, lihat *Sahih al-Bukhari* – no: 5093 (*Kitab Nikah, Bab Petanda buruk pada wanita yang perlu disingkirkan*).

أَرْبَعٌ مِّنِ السَّعَادَةِ: الْمَرْأَةُ الصَّالِحَةُ وَالْمَسْكُنُ الْوَاسِعُ وَالْجَاهُ
 الصَّالِحُ وَالْمَرْكُبُ الْهَيِّءُ . وَأَرْبَعٌ مِّنِ الشَّقاوةِ: الْجَاهُ السُّوءُ وَالْمَرْأَةُ
 السُّوءُ وَالْمَسْكُنُ الضَّيقُ وَالْمَرْكُبُ السُّوءُ.

Empat perkara termasuk unsur kebahagiaan seseorang: wanita (isteri) yang saleh, kediaman (rumah) yang luas, jiran tetangga yang baik dan kenderaan yang selesa. Dan empat perkara termasuk unsur penderitaan seseorang: jiran tetangga yang tercela, wanita yang tercela (buruk akhlaknya), tempat kediaman yang sempit dan kenderaan yang tercela.⁶⁷

Berdasarkan hadis di atas dapat difahami bahawa sabda Rasulullah *shallallahu ‘alaihi wasallam* di dalam hadis: *Petanda buruk (evil omen) terdapat pada wanita, rumah dan kuda* sebenarnya dalam rangka menerangkan beberapa asas yang penting dalam kehidupan seseorang sehingga memerlukan perhatian yang sewajarnya. Jika diberi perhatian

⁶⁷ **Sahih:** Hadis daripada Sa‘ad bin Abi Waqqas *radhiallahu ‘anh*, dikeluarkan oleh Ibn Hibban, al-Khatib al-Baghdadi (*al-Tarikh*) dan Abu Nu‘aim (*Hilyatul Auliya’*), dinilai *sahih* oleh Syu‘aib al-Arna’uth dalam *Sahih Ibn Hibban* (Muasasah al-Risalah, Beirut 1997) – no: 4032. Juga dinilai *sahih* oleh Nasr al-Din al-Albani dalam *Silsilah Hadits Shahih* (terj: Qodirun Nur, Pustaka Mantiq, Solo 1996) – no: 282.

maka perkara-perkara ini akan membahagiakannya, jika tidak ia akan menyulitkannya. Antara perkara-perkara asas tersebut ialah pasangan hidup, tempat hidup (jiran tetangga), rumah kediaman dan kenderaan.

Hadis ini tidak bertujuan mendiskriminasikan wanita. Ia sebenarnya bertujuan untuk memperingatkan lelaki agar mereka mencari wanita yang solehah atau yang mahu menjadi solehah sebagai pasangan supaya kehidupan lelaki itu tidak akan menjadi sengsara. Demikian juga jika diambil dari umum pengajaran hadis, hendaklah juga wanita mencari pasangan lelaki yang soleh atau yang mahu menjadi soleh supaya hidupnya menjadi bahagia juga.

Penghargaan Islam kepada wanita solehah dapat direnung dalam hadis berikut:

الَّذِي مَنَعَ وَخَيْرٌ مَتَاعُ الدُّنْيَا الْمَرْأَةُ الصَّالِحَةُ.

Dunia adalah sebaik-baik tempat dan sebaik-baik tempat di dalam dunia adalah wanita yang solehah.⁶⁸

Hadis-hadis dalam bab ini memberikan satu

⁶⁸ **Sahih:** Hadis daripada ‘Abdullah ibn ‘Umar *radhiyallahu ‘anh*, dikeluarkan oleh Muslim, Ibn Majah dan lain-lain, di atas adalah lafaz Muslim, lihat *Sahih Muslim* – no: 1467 (*Kitab al-Ridho*, Bab Sebaik-baik tempat.....).

pengajaran penting kepada kita, iaitu Islam tidak memandang hina terhadap urusan-urusan duniawi. Ia memberi perhatian kepadanya dan menyuruh umatnya mencari yang terbaik agar hidup mereka di dunia ini bahagia dan selesa.

Islam mendahului dengan mengenal pasti beberapa asas yang penting dalam kehidupan dan menyuruh umatnya berusaha demi mencapai yang terbaik dalam asas-asas tersebut asalkan tidak melampaui batas atau sehingga berlaku pembaziran.

CONTOH NO: 2

Aku Melihat Dalam Neraka Dan Kebanyakannya Adalah Wanita.

Sabda Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*:

إِطْلَعْتُ فِي الْجَنَّةِ فَرَأَيْتُ أَكْثَرَ أَهْلِهَا الْفُقَرَاءِ وَاطْلَعْتُ فِي
النَّارِ فَرَأَيْتُ أَكْثَرَ أَهْلِهَا النِّسَاءَ.

*Aku menjenguk dalam syurga dan aku melihat kebanyakan penghuninya adalah orang miskin dan aku menjenguk dalam neraka dan aku melihat kebanyakan penghuninya adalah wanita.*⁶⁹

Kemusykilan:

Mengapakah di dalam neraka terdapat banyak wanita?

Penjelasan:

Hadis ini termasuk dalam bab *al-Targhib wa al-Tarhib*, iaitu memberi anjuran dan ancaman terhadap sesuatu perkara. Dalam hadis di atas Rasulullah *shallallahu 'alaihi*

⁶⁹ **Sahih:** Hadis daripada Imran bin Husain *radhiallahu 'anh*, dikeluarkan oleh Ahmad, al-Bukhari, Muslim, al-Tirmizi dan lain-lain, lihat *Sahih al-Bukhari* – no: 5198 (*Kitab Nikah, Bab tidak berterima kasih kepada al-'Ashir*.....).

wasallam memberi peringatan bahawa neraka berkemungkinan akan dipenuhi dengan wanita. Sebab-sebabnya telah diterangkan baginda dalam beberapa hadis yang lain, antaranya:

Abdullah ibnu Abbas *radhiallahu 'anh* berkata, Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

وَرَأَيْتُ النَّارَ فَلَمْ أَرِ كَالْيَوْمِ مَنْظَرًا قَطُّ وَرَأَيْتُ أَكْثَرَ أَهْلِهَا نِسَاءً. قَالُوا: لَمْ يَا رَسُولَ اللَّهِ؟ قَالَ: بِكُفْرِهِنَّ. قَيْلَ: يَكُفُّرُنَّ بِاللَّهِ؟ قَالَ: يَكُفُّرُنَ الْعَشِيرَ وَيَكُفُّرُنَ الْإِحْسَانَ لَوْ أَحْسَنْتَ إِلَى إِحْدَاهُنَّ الدَّهْرَ ثُمَّ رَأَيْتَ مِنْكَ شَيْئًا قَالَتْ مَا رَأَيْتُ مِنْكَ خَيْرًا قَطُّ.

“Kemudian aku lihat neraka, dan tidak sebelum ini aku melihat sesuatu yang sangat menggerunkan, dan aku nampak kebanyakan ahli neraka adalah wanita.” Para sahabat bertanya: “Wahai Rasulullah, apakah sebabnya?” Rasulullah menjawab: “Kerana mereka kufur.” Ditanya lagi: “Adakah mereka kufur kepada Allah?” Baginda menjawab:

“Mereka kufur (yakni tidak berterima kasih) kepada suami mereka dan kufur (tidak bersyukur) ke atas kebaikan

yang telah diberi kepada mereka (oleh para suami). Sekalipun dibuat baik kepada seseorang mereka sepanjang hayat, apabila dia (isteri) melihat sesuatu (keburukan) pada kamu, dia akan berkata: Saya tidak pernah melihat sebarang kebaikan pada anda.”⁷⁰

Abdullah ibn Umar *radhiyallahu ‘anh* berkata, Rasulullah *shallallahu ‘alaihi wasallam* bersabda: “*Wahai wanita, bersedekahlah kalian dan perbanyakkanlah beristighfar kerana aku melihat kalian sebagai penghuni neraka yang terbanyak.*” Bertanya kaum wanita: “Kenapa kami yang terbanyak dalam neraka wahai Rasulullah?” *Rasulullah menjawab:*

تُكْثِرُنَ اللَّعْنَ . وَتَكْفُرُنَ الْعَشِيرَنَ .

“*Kerana kalian banyak mengutuk dan mengingkari (kebaikan) suami.*”⁷¹

Diriwayatkan daripada Jabir bin Abdullah *radhiyallahu*

⁷⁰ **Sahih:** Sebahagian hadis yang dikeluarkan oleh Ahmad, al-Bukhari, Muslim dan lain-lain, lihat *Sahih al-Bukhari* – no: 1052 (*Kitab Solat Gerhana, Bab Solat Gerhana berjamaah*).

⁷¹ **Sahih:** Sebahagian dari hadis yang panjang dikeluarkan oleh al-Bukhari, Muslim dan lain-lain, di atas dengan lafadz Muslim, lihat *Sahih Muslim* – no: 79 (*Kitab Iman, Bab Berkurangnya Iman.....*).

'anh sebuah hadis lain:

وَأَكْثُرُ مَنْ رَأَيْتُ فِيهَا مِنْ النِّسَاءِ الَّلَّا تِيْهُ إِنْ أَتْتُمَنَّ أَفْشَيْنَ،
وَإِنْ سُئِلْنَ بَخْلُنَ، وَإِنْ سَأَلْنَ الْحُفْنَ، وَإِنْ أَعْطِيْنَ لَمْ يَشْكُرْنَ.

*Orang yang paling banyak aku lihat di dalamnya
(neraka) adalah dari kalangan wanita yang apabila diberi
kepercayaan menyimpan rahsia dia membocorkannya,
apabila diminta sesuatu daripadanya dia bakhil, apabila dia
meminta dia ingin yang terbanyak dan apabila diberi
mereka tidak berterima kasih.*⁷²

⁷² **Dha'if:** Sebahagian hadis daripada Jabir bin 'Abdullah *radhiyallahu 'anh*, dikeluarkan oleh 'Abad bin Hamid dalam *al-Musnad (tahqiq Subhi al-Badri & Mahmud Muhammad Khalil; Maktabah al-Sunnah, Cairo 1988)* – no: 1036 dari jalan: *hadathana* Zakaria bin 'Adiy (bin Solat al-Taimiy), *hadathana* 'Ubaidullah bin 'Amr (bin Abi al-Walid al-Jazari), 'an 'Abdullah bin Muhammad bin 'Uqail (bin Abi Talib al-Hashimi), 'an Jabir (bin 'Abdullah). Saya berkata, para perawinya adalah *thiqah* kecuali 'Abdullah bin Muhammad bin 'Uqail, beliau lemah dan sering mencampur adukkan hadis. Dijadikan hujah oleh segelintir namun diketepikan oleh majoriti.

Lihat al-'Uqaili – *Dhu 'afa' al-Kabir* (Dar al-Kutub al-Ilmiah, Beirut 1998) – no: 872, Ibn Abi Hatim – *al-Jarh wa al-Ta'dil* (Dar al-Fikr, Beirut tp thn) – no: 706, Ibn 'Adiy – *Kamil fi Dhu 'afa' al-Rijal* (Dar al-Kutub al-Ilmiah, Beirut 1997) – no: 969 dan Syu'aib al-Arna'uth & Basyir 'Awwad Ma'ruf – *Tahrir Taqrib al-Tahzib li al-Hafiz Ibn Hajar al-Asqalani* (Muasasah al-Risalah, Beirut 1997) – no: 3592

al-Hakim mengeluarkannya dalam *al-Mustadrak* – no: 8788 dari jalan: *akhbarana* 'Abdul Rahman bin Hamdan, *hadathana* Hilal bin al-'Alaa' al-Raqi, *hadathana* ayahnya, *hadathana* 'Ubaidullah bin 'Amr.....seperti jalan 'Abad bin Hamid di atas. Al-Hakim mensahihkannya dan dipersetujui oleh al-Dzahabi. Namun al-Dzahabi dalam *al-Kasyaf fi Ma 'arif* (Dar al-Qiblah li al-Thaqafi al-

Dalam hadis-hadis di atas Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* telah menggariskan beberapa sikap wanita yang mungkin akan mengakibatkan dirinya diazab dalam api neraka. Di sini penulis berkata *mungkin* kerana hadis-hadis ini bersifat memberi peringatan dan ancaman, bukan menetapkan. *Peringatan* akan beberapa sikap tercela dan *ancaman* bahawa sikap tersebut jika tidak dijauhkan akan menyebabkan diri seseorang itu diazab dalam neraka.

Perkara lain yang perlu dipertimbangkan dalam hadis di atas adalah kadar ketegasan teguran Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*. Sabda baginda: ***Aku menjenguk dalam neraka dan aku melihat kebanyakannya penghuninya adalah wanita...*** mudah diterima oleh muslimah pada zaman baginda kerana mereka sering mengingati dan diingatkan tentang Hari Kebangkitan, Padang Mahsyar, titian Sirat, Syurga dan Neraka. Justeru teguran Rasulullah di atas tidak memeranjatkan mereka, malah mereka berusaha untuk bertanya kepada Rasulullah kenapa dan bagaimana cara

Islamiyah & Muasasah ‘Ulum al-Qur’an, Jeddah 1992) – no: 2961 telah menukil kata-kata Abi Hatim: *Longgar hadisnya*. Berkata Ibn Khuzaimah: *Tidak dijadikan hujah dengannya*. Inilah pendapat yang benar di sisi al-Dzahabi.

Oleh itu hadis ini adalah *dha'if*, dikemukakan hanya sebagai penjelas dalam bab ini.

mengelakkannya.

Berbeza dengan muslimah zaman kini, mereka sering leka dan lalai dari urusan Hari Kemudian sehingga apabila mendengar teguran Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* di atas, mereka terperanjat dan pantas berusaha mengenepikannya. Oleh itu hendaklah mereka yang membaca hadis-hadis seperti ini berusaha memahami mengikut suasana masyarakat ketika ia disabdakan. Demikian juga kepada para dai yang ingin menyampaikan hadis-hadis seperti ini, adalah merupakan tanggungjawab mereka menyampaikannya dengan penjelasan yang lengkap dari awal hingga akhir.

CONTOH NO: 3

Wanita Belum Mencapai Kesempurnaan Seperti Lelaki.

Sabda Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*:

كَمَلَ مِنْ الرِّجَالِ كَثِيرٌ وَمَمْ يَكُمْلُ مِنْ النِّسَاءِ إِلَّا مَرْيَمُ بِنْتُ
عِمْرَانَ وَ آسِيَةُ امْرَأُهُ فِرْعَوْنَ.

Banyak lelaki yang telah mencapai kesempurnaan tetapi tidak (ramai) daripada kalangan wanita yang telah mencapai kesempurnaan kecuali Maryam binti Imran dan Asiah isteri Firaun.⁷³

Kemusykilan:

Bagaimanakah dapat dikatakan bahawa lelaki lebih sempurna daripada wanita? Bukankah hal ini relatif kepada tiap-tiap individu dan boleh berubah-ubah? Bahkan pada masa kini kita lihat bahawa banyak wanita yang lebih sempurna daripada lelaki dari sudut agama, ilmu, akhlak dan sebagainya.

⁷³ **Sahih:** Sebahagian dari hadis yang panjang daripada Abu Musa al-'Asy'ari *radhiyallahu 'anh*, dikeluarkan oleh Ahmad, al-Bukhari, Muslim, al-Tirmizi, Ibn Majah dan lain-lain, lihat *Sahih al-Bukhari* – no: 3433 (*Kitab Para Nabi, Bab Firman Allah: Ketika berkata para malaikat "Wahai Maryam !.....3:45-47*).

Penjelasan:

Hadis di atas sebenarnya bermaksud memberi motivasi kepada kaum wanita agar mereka sentiasa berusaha ke arah kesempurnaan atau setepatnya menjadi *insan yang kamil*. Dalam memberi motivasi ini Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* memberi beberapa contoh sebagai model teladan, iaitu lelaki dan dua orang muslimah yang agung dalam sejarah manusia, iaitu Maryam binti Imran ibu kepada Nabi Isa 'alaihi salam dan Asiah isteri Firaun, *radhiallahu 'anhuma*.

Petunjuk kepada lelaki sebagai model mungkin bersifat umum dan mungkin juga bersifat khusus kepada generasi sahabat pada zaman baginda *shallallahu 'alaihi wasallam*. Akan tetapi petunjuk kepada Maryam dan Asiah sebagai model adalah sesuatu yang bersifat khusus lagi tetap kerana dua muslimah yang agung ini telahpun diabadikan keistimewaan mereka di dalam beberapa ayat al-Qur'an, khasnya:

وَصَرَبَ اللَّهُ مَثَلًا لِلَّذِينَ آمَنُوا أَمْرَاتَ فِرْعَوْنَ إِذْ قَالَتْ رَبُّ
ابْنِ لِي عِنْدَكَ بَيْتًا فِي الْجَنَّةِ وَجَنَّيِ مِنْ فِرْعَوْنَ وَعَمَلَهُ وَجَنَّيِ مِنَ الْقَوْمِ

الظَّالِمِينَ. وَمَرْيَمَ ابْنَتَ عِمْرَانَ الَّتِي أَحْصَنَتْ فَرْجَهَا فَنَفَخْنَا فِيهِ مِنْ رُوحِنَا وَصَدَقَتْ بِكَلِمَاتِ رَبِّهَا وَكُنْبِهِ وَكَانَتْ مِنَ الْقَانِتِينَ.

Dan Allah mengemukakan satu misal perbandingan kepada orang-orang mukmin, iaitu: perihal isteri Firaun, ketika ia berkata: “Wahai Tuhanaku! Binalah untukku sebuah rumah di sisiMu dalam Syurga, dan selamatkanlah daku dari Firaun dan perbuatannya serta selamatkanlah daku dari kaum yang zalim.”

Dan juga (satu misal perbandingan lagi, iaitu): Maryam binti Imran yang telah memelihara kehormatan dan kesuciannya maka Kami perintahkan Jibril meniup masuk ke dalam kandungan tubuhnya dari roh (ciptaan) Kami; dan (sekalipun Maryam itu hidup di antara kaum kafir) ia mengakui kebenaran Kalimah-kalimah Tuhanya serta Kitab-kitab-Nya; dan dia menjadi dari orang-orang yang tetap taat. [al-Tahrim 66:11-12]

CONTOH NO: 4

Batal Solat Apabila Anjing Atau Wanita Melintas Di Hadapan.

Sabda Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*:

إِذَا قَامَ أَحَدُكُمْ يُصَلِّيْ، فَإِنَّهُ يَسْتَرُّ إِذَا كَانَ بَيْنَ يَدَيْهِ مِثْلُ
آخِرَةِ الرَّحْلِ، فَإِذَا لَمْ يَكُنْ بَيْنَ يَدَيْهِ مِثْلُ آخِرَةِ الرَّحْلِ، فَإِنَّهُ يَقْطَعُ
الصَّلَاةَ الْحِمَارُ وَالْمَرْأَةُ وَالْكَلْبُ أَلَّا سُوْدُ.

Apabila seseorang kamu bersolat, hendaklah dia meletak penghadang di hadapannya sepanjang pelana unta. Jika tidak diletakkan penghadang di hadapannya sepanjang pelana unta maka sesungguhnya solatnya akan terputus kerana keldai atau wanita atau anjing hitam (yang melintas di hadapannya).⁷⁴

Kemusykilan:

Kenapakah solat boleh batal semata-mata kerana seorang wanita yang melintas di hadapannya? Kenapakah

⁷⁴ **Sahih:** Hadis daripada Abu Dzaar *radhiyallahu 'anh*, dikeluarkan oleh Ahmad, Muslim, Abu Daud, al-Tirmizi, al-Nasa'i, Ibn Majah dan lain-lain, di atas dengan lafaz Muslim, lihat *Sahih Muslim* – no: 510 (*Kitab Solat, Bab Kadar penghadang solat*).

wanita dikategorikan bersama anjing hitam dan keldai?

Penjelasan:

Sabda Rasulullah: “*solatnya terputus*” bukanlah bererti solatnya batal dan tidak sah tetapi bererti terputus (terganggu) daripada kekhusukan atau terputus (terhenti) hubungan dengan Allah ‘Azza wa Jalla.⁷⁵ Hal ini berlaku jika seseorang itu tidak meletakkan penghadang di hadapan dirinya ketika sedang bersolat. Penghadang boleh dibuat daripada apa-apa yang dapat mencapai maksud sebagai penghadang seperti pelana, bantal, beg, tongkat dan sebagainya.⁷⁶

Antara petunjuk terhadap kefahaman ini adalah wujudnya sejumlah hadis-hadis yang *sahih* yang menerangkan bahawa isteri Rasulullah pernah melintas ketika baginda sedang bersolat dan baginda meneruskan solatnya tanpa mengulang semula. Dalam sebuah hadis lain Rasulullah *shallallahu ‘alaihi wasallam* bersabda:

⁷⁵ Dalam bab ini terdapat beberapa pendapat dan yang di atas adalah yang terkuat pada kajian penulis. Sila kaji mana-mana kitab fiqh atau syarah hadis bagi mengetahui lanjutan masalah ini.

⁷⁶ Lebih lanjut tentang hukum penghadang, lihat buku penulis: *Panduan Ibadah dalam Musafir Penerbangan* (Jahabersa 2000), ms 134.

لَا يَقْطَعُ الصَّلَاةَ شَيْءٌ وَادْرَأُوا مَا إِسْتَطَعْتُمْ فَإِنَّمَا هُوَ
شَيْطَانٌ.

*Tidaklah terputus solat oleh apa-apa dan tolaklah
(apa yang melintas di hadapan) sedaya upaya kamu kerana
ia adalah syaitan.⁷⁷*

Oleh itu solat seseorang yang tidak mempunyai penghadang tidak akan batal jika melintas di hadapannya wanita, keldai dan anjing hitam. Ia hanya akan mengurangkan kesempurnaan solatnya. Oleh itu hendaklah berusaha membuat penghadang apabila bersolat supaya tidak diganggu oleh sesuatu yang melintas di hadapan.

Jika bersolat tanpa penghadang dan ada sesuatu yang akan melintas, maka tahan atau tolaklah ia daripada melintasi di hadapan. Perbuatan ini tidaklah membatalkan solat. Akan tetapi jika tidak ditahan atau ditolak, ia akan mengurangkan kesempurnaan solat.

⁷⁷ **Hasan:** Hadis daripada ‘Abdullah ibn ‘Abbas *radhiallahu ‘anh*, dikeluarkan oleh Abu Daud dengan *isnad* yang lemah. Namun Syu‘aib al-Arna’uth dalam semakannya terhadap kitab *Syarah al-Sunnah al-Baghawi* – no: 550 telah mengemukakan beberapa penguat dari jalan-jalan yang berasingan yang setiap satunya saling menguat sehingga dapat didudukkan di tangga *hasan*. Diriwayatkan yang sedemikian sebagai pegangan sejumlah sahabat dengan *isnad* yang *sahih*.

Adapun penghimpunan wanita, keldai dan anjing hitam dalam bab ini tidaklah bererti bahawa ketiga-tiganya adalah dari satu kedudukan atau taraf. Penghimpunan hanyalah kerana masing-masing memiliki kemungkinan mendatangkan gangguan: wanita kerana daya tarikannya, keldai kerana kebiasaananya membawa muatan dagang dan anjing hitam kerana ia berkemungkinan merupakan jelmaan syaitan. Setiap ini boleh mengganggu kesempurnaan solat.

Berdasarkan kaedah qiyas dan tujuan hadis (*maqasid nas*), hendaklah seseorang itu menghadang dirinya daripada apa sahaja yang boleh mengganggu kesempurnaan solatnya tanpa terbatas kepada tiga faktor di atas sahaja.

CONTOH NO: 5

Babi Berlumuran Lumpur Adalah Lebih Baik Daripada Wanita.

Sabda Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*:

إِيَّاكَ وَالْخُلُوَّةِ بِالنِّسَاءِ。 وَالَّذِي نَفْسِيْنِ يِبَدِيهِ مَا خَلَّا رَجُلٌ
بِأَمْرَأَةٍ إِلَّا دَخَلَ الشَّيْطَانُ بَيْنَهُمَا وَلَا نَيْزَحَمَ رَجُلٌ حِنْزِيرٌ مُتَلَطِّخٌ
بِطِينٍ أَوْ حَمَّةً حَيْرٌ لَهُ مِنْ أَنْ يَزْحَمَ مَنْكِبُهُ مَنْكِبِ اِمْرَأَةٍ لَا تَحِلُّ لَهُ.

Berhati-hatilah, jangan sampai kalian berhalwat dengan wanita, demi diriku yang berada di tangan-Nya, tidaklah berduaan seorang lelaki dan wanita melainkan masuk syaitan di antara keduanya.

*Bahawa sesungguhnya adalah lebih baik seorang lelaki untuk bergeseran dengan khinzir yang berlumuran dengan tanah atau lumpur daripada dia menggeserkan bahunya dengan bahu seorang wanita yang tidak halal baginya.*⁷⁸

⁷⁸

Hasan: Hadis daripada Abi Umamah *radhiyallahu 'anh*, dikeluarkan oleh al-Thabarani dalam *al-Mu'jam al-Kabir*, dinukil oleh al-Haithami dalam *Majma al-Zawa'id* (Dar al-Fikr, Beirut 1992), no: 7717 (*Kitab Nikah, Bab Larangan berhalwat dengan selain mahram*), dan kata beliau: *Riwayat al-Thabarani, di*

Kemusykilan:

Kenapakah hadis ini begitu berat menghukum wanita sehingga dikatakan seekor khinzir yang berlumuran lumpur adalah baik daripada wanita? Saya pernah membaca satu tuduhan bahawa dari hadis ini terbukti bahawa Rasulullah tidak suka wanita dan memandang mereka sebagai sesuatu yang najis.

Penjelasan:

Hadis di atas sebenarnya disampaikan oleh Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* atas dasar memberi peringatan dan ancaman (*al-Targhib wa al-Tarhib*). Perkataan: *menggeserkan bahunya dengan bahu seorang wanita...* adalah bahasa kiasan yang menunjukkan bahawa ini bukanlah

dalamnya terdapat 'Ali bin Yazid al-Alahani, dia sangat dha'if, namun pada hadis ini terdapat penguat. Hadis ini juga dihimpun oleh al-Munziri dalam *al-Targhib wat Tarhib* (Dar Ibn Kathir, Damsyik 1999) – no: 2855 dan berkata penyemak - Muhyiddin Dibb Mastu, Samir Ahmad 'Atha & Yusuf 'Ali Badiwi: *Dha'if*. Penulis berkata, *isnad* hadis ini memang lemah tetapi maksudnya adalah benar dalam menerangkan kekejadian perbuatan berdua-duaan dan saling bersentuhan antara lelaki dan wanita sepertimana yang ditegaskan oleh ayat 32 surah al-Isra'. Terdapat juga hadis lain yang berisnad baik (*jayyid*) yang bermaksud: *Seseorang yang ditusuk kepalaunya dengan jarum besi adalah lebih baik daripada menyentuh wanita yang tidak halal baginya*. Lihat Nasr al-Din al-Albani – *Silsilah Hadits Shahih* – no: 225. Inilah penguat yang dimaksudkan oleh al-Haithami dan dengan itu penulis menilai hadis ini secara keseluruhannya sebagai *hasan*. Kepada Allah jua segala kebenaran.

sekadar kes berdua-duaan tetapi adalah sesuatu yang melibatkan sentuh menyentuh dan lebih lagi. Hal seperti ini memang dilarang oleh Islam.

Allah Subhanahu wa Ta'ala berfirman:

وَلَا تَقْرُبُوا إِنَّهُ كَانَ فَاحِشَةً وَسَاءَ سَيِّلًا .

Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat (yang membawa kerosakan). [al-Isra' 17:32]

Ayat di atas bukan sekadar melarang zina tetapi ia melarang apa juu perbuatan yang boleh menghampiri zina seperti berdua-duaan dan saling menyentuh antara lelaki dan wanita yang bukan muhrim. Perbuatan-perbuatan yang mengarah kepada zina adalah suatu yang keji lagi mungkar dan inilah yang diumpamakan oleh Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* sebagai *lebih baik untuk bergeseran dengan khinzir daripada bergeseran dengan wanita*.

Tujuan Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* menggunakan *khnzir yang berlumuran tanah atau lumpur* hanyalah untuk menunjukkan betapa keji dan terkutuk

perbuatan berdua-duaan dan saling sentuh menyentuh. Ia hanya sebagai satu perbandingan dan tidak sedikitpun bertujuan untuk meletakkan wanita di kedudukan yang lebih rendah daripada khinzir.

Adalah tidak benar tuduhan yang menghubungkaitkan hadis ini dengan anggapan bahawa Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* tidak menyukai wanita dan memandang mereka sebagai najis. Yang benar Rasulullah menyukai wanita dan baginda meletakkan mereka bersamaan wangi-wangian dan solat. Perhatikan hadis berikut:

حُبِّيْ بِإِلَيْيِّ مِنَ الدُّنْيَا النَّسَاءُ وَالطَّيْفُ وَجَعَلَ فُرَّهَ عَيْنِيْ فِي الصَّلَاةِ.

*Digemarkan kepada aku dari dunia kalian wanita dan wangi-wangian, dan dijadikan solat kesejukan kepada mata aku (ketenangan kepada jiwaku).*⁷⁹

Selain itu Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* juga telah bersabda sepetimana dalam hadis yang telah

⁷⁹ **Hasan:** Hadis daripada Anas bin Malik *radhiyallahu 'anh*, dikeluarkan oleh Ahmad, al-Nasa'i dan al-Hakim, disebut oleh Ibn al-Qayyim dalam *Zaad al-Ma'ad* (terj: A. Sunarto & Aunur Rafiq; Robbani Press, Jakarta 1998), *jld 1*, ms 111 dan dinilai *hasan* oleh penyemak: Syu'aib al-Arna'uth & 'Abdul Qadir al-Arnauth.

dikemukakan sebelum ini:

الدَّنْيَا مَتَاعٌ وَخَيْرٌ مَتَاعٌ الدَّنْيَا الْمَرَأَةُ الصَّالِحَةُ.

Dunia adalah sebaik-baik tempat, dan sebaik-baik tempat di dalam dunia adalah wanita yang solehah.⁸⁰

⁸⁰ **Sahih:** Hadis daripada ‘Abdullah ibn ‘Umar *radhiallahu ‘anh*, dikeluarkan oleh Muslim, Ibn Majah dan lain-lain, di atas adalah lafadz Muslim, lihat *Sahih Muslim* – no: 1467 (*Kitab al-Ridho*’, Bab Sebaik-baik tempat.....).

D

HADIS-HADIS MUSYKIL DARI SUDUT LOGIKA DAN NORMA-NORMA AGAMA.

Pengenalan dan kaedah memahaminya.

Bahagian ini *insya-Allah* akan membahas sejumlah hadis yang kelihatan aneh, pelik atau bertentangan dengan ukuran akal dan norma-norma agama. Akal yang dimaksudkan di sini ialah fikiran logik manusia biasa sementara norma-norma agama adalah ajaran dasar dan umum agama Islam. Jumlah hadis-hadis seperti ini sebenarnya tidak terhad kepada angka tertentu. Ia sangat bergantung kepada alat yang digunakan sebagai ukuran dan tahap ilmu yang digunakan. Hadis-hadis dalam kategori ini dapat dibahagikan kepada beberapa jenis:

Pertama: Hadis-hadis yang sepatutnya difahami dengan neraca wahyu (Contoh 1 & 2).

Ini adalah hadis-hadis yang menerangkan hal-hal ghaib, kemukjizatan dan keutamaan yang Allah kurniakan

kepada para hamba-Nya yang terpilih. Apabila bertemu dengan hadis-hadis seperti ini, seseorang itu tidak boleh cuba menafsirkannya dengan akal kerana akal itu adalah sesuatu yang tidak dapat menjangkauinya. Akal sememangnya antara ciptaan Allah yang paling bijaksana di alam ini tetapi akal tetap memiliki batasan, iaitu ia hanya dapat berinteraksi dengan sesuatu yang mampu dicapainya. Adapun sesuatu yang di luar pencapaiannya, akal terpaksa tunduk kepada sesuatu lain yang lebih tinggi kedudukannya, iaitu wahyu dari Allah *Subhanahu wa Ta’ala*: al-Qur'an dan al-Sunnah yang *sahih*.

Dalam hadis-hadis Rasulullah *shallallahu ‘alaihi wasallam* memang terdapat beberapa kisah tentang para malaikat, nabi, syaitan, jin dan sebagainya yang pada zahirnya nampak memusykilkan. Contohnya seperti Nabi Musa *‘alaihi salam* yang menampar malaikat Maut, memukul batu dengan tongkatnya sehingga batu tersebut bergerak-gerak, Nabi Muhammad *shallallahu ‘alaihi wasallam* yang membelah bulan sebagai tanda mukjizat kepada kaum ingkar yang mencabarnya, batu-batu yang berselawat, serigala yang

menerangkan kerasulan baginda dan pelbagai lagi.⁸¹ Begitu juga dengan beberapa hadis yang menerangkan perkara-perkara yang akan berlaku setelah keluarnya Dajjal dan turunnya Imam Mahdi dan Nabi Isa ‘alaihi salam sehingga batu dan pokok boleh bercakap.⁸²

Musykil atau tidak hadis-hadis seperti ini seharusnya diukur dengan sumber wahyu itu sendiri. Kita akan dapat memperolehi penjelasannya dengan merujuk dan membandingkannya dengan lain-lain nas al-Qur'an dan al-Sunnah yang *sahih*. Dalam ertikata lain, hadis-hadis seperti ini hanya akan dapat difahami dengan tepat apabila ia dipandang dan ditafsir dari sudut *Illahi*, bukan dari sudut *manusiawi*.

Kedua: Hadis-hadis yang sepatutnya difahami dari sudut asal-usulnya (Contoh 3, 4 & 5).

Ada beberapa hadis yang dapat dihilangkan kemasykilananya dengan merujuk kepada latar belakang asal-

⁸¹ Untuk mengkaji pelbagai lagi mukjizat Rasulullah *shallallahu ‘alaihi wasallam*, sila lihat buku *300 Authenticated Miracles of Muhammad* oleh Badr Azimabadi (Adam Publishers & Distributors: Delhi 1993).

⁸² Untuk mengetahui hadis-hadis tersebut dan penjelasannya, disyorkan buku Amin Muhammad Jamaluddin: *Umur Umat Islam, Kedatangan Imam Mahdi & Munculnya Dajjal* (terj: H.Akel; Cendekia Sentra Muslim, Jakarta 2000).

usulnya (*Asbabul Wurud*). Kemosykilan akan hilang apabila kita dapat mengkaji bila ia disampaikan, kepada siapa ia disampaikan dan kenapa ia disampaikan.

Ketiga: Hadis-hadis yang tergolong dalam kategori *Hadis Fadhilat* (Contoh 6).

Terdapat banyak hadis yang menganjurkan amalan-amalan tertentu dan menjanjikan ganjaran yang besar kepada pengamalnya. Adakalanya dengan sesuatu amalan yang kecil seseorang itu dijanjikan ganjaran yang besar sehingga ia memusykilkannya. Hadis-hadis seperti ini sebenarnya tergolong dalam kategori *Hadis Fadhilat*. Seseorang hanya akan memperolehi ganjaran yang dijanjikan jika dia: [1] Terlebih dahulu menyempurnakan asas-asas agama dan [2] Mengamalkan hadis fadhilat tersebut dengan cara yang benar.

Keempat: Hadis-hadis yang semestinya difahami melalui kaedah bahasa yang tepat (Contoh 7).

Kemosykilan sesuatu hadis juga dapat dihilangkan apabila ia diterjemah dan difahami berdasarkan kaedah bahasa Arab yang tepat.

Kelima: Hadis-hadis yang sepatutnya difahami dengan

merujuk kepada lain-lain petunjuk al-Qur'an dan al-Hadis (Contoh 8, 9, 10 & 11).

Terdapat juga beberapa hadis yang memusykilkkan kerana ia memberi petunjuk ke arah sesuatu yang bercanggah dengan norma-norma agama iaitu ajaran umum agama Islam. Hadis-hadis seperti ini seharusnya dicari penjelasannya dengan merujuk kepada lain-lain petunjuk al-Qur'an dan al-Hadis.

Islam adalah satu agama yang memiliki ajaran yang sangat luas sehingga tidak mungkin bagi seseorang itu mengetahuinya secara keseluruhan (*total*). Oleh itu apabila bertembung dengan hadis-hadis yang kelihatan bercanggah dengan ajaran umum agama, hendaklah seseorang itu mengkajinya sehingga dia berjaya menemui jawapannya. Jika tidak mampu mengkaji, hendaklah dia menangguh kefahaman terhadap hadis tersebut sehinggalah dia menemui jawapannya.

Keenam: Hadis-hadis tentang sifat-sifat Allah.

Terdapat juga beberapa ayat al-Qur'an dan hadis-hadis Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* yang menghabarkan tentang sifat-sifat Allah '*Azza wa Jalla* seperti "tangan", "mata", "turun" dan sebagainya. Ayat dan

hadis seperti ini dikenali sebagai nas-nas al-sifat. Kaedah untuk memahami nas-nas al-Sifat adalah beriman kepadanya dengan difahami maksudnya sementara ciri-ciri, bentuk dan tata-cara sifat tersebut diserahkan kepada Allah. Apa yang pasti ciri-ciri, bentuk dan tata-cara sifat tersebut tidak seumpama atau seperti mana-mana makhluk ciptaan Allah di alam ini.

CONTOH NO: 1

Nabi Musa Menampar Malaikat Maut.

Sabda Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*:

أُرْسِلَ مَلَكُ الْمَوْتِ إِلَى مُوسَى عَلَيْهِمَا السَّلَامُ فَلَمَّا جَاءَهُ
صَكَّهُ فَرَجَعَ إِلَى رَبِّهِ فَقَالَ: أَرْسَلْنِي إِلَى عَبْدٍ لَا يُرِيدُ الْمَوْتَ فَرَدَ
اللَّهُ عَلَيْهِ عَيْنَهُ وَقَالَ: إِرْجِعْ فَقْلَنْ لَهُ يَضْعُ يَدَهُ عَلَى مَهْنِ ثَوْرِ فَلَمَّا
بِكُلِّ مَا عَطَتْ بِهِ يَدُهُ بِكُلِّ شَعْرَةِ سَنَةٍ قَالَ: أَيْ رَبِّ ثُمَّ مَاذَا؟
قَالَ: ثُمَّ الْمَوْتُ قَالَ: فَالآنَ فَسَأَلَ اللَّهَ أَنْ يُدْنِيهِ مِنْ الْأَرْضِ
الْمُقَدَّسَةِ رَمِيًّا بِحَحْرٍ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: فَلَوْ
كُنْتُ ثُمَّ لَأَرِتُكُمْ قَبْرَهُ إِلَى جَانِبِ الطَّرِيقِ عِنْدَ الْكَثِيبِ الْأَحْمَرِ.

Malaikat Maut diutus kepada Musa 'alaihi salam, ketika ia tiba, Musa menamparnya (sehingga terkeluar matanya)⁸³. Maka ia kembali kepada Rabbnya (Allah) 'Azza wa Jalla seraya berkata: "Engkau mengutus aku kepada seorang hamba yang tidak menghendaki kematian."

Maka Allah mengembalikan matanya seraya

⁸³ Dalam kurungan adalah tambahan yang terdapat dalam sesetengah lafadz lain, lihat *Sahih Muslim* – no: 2372 (*Kitab Fada'il, Bab Keutamaan Musa 'alaihi salam*).

berfirman: “Kembalilah dan berkatalah kepada dia agar dia meletakkan tangannya di atas belakang seekor lembu jantan. Dari setiap helai rambut yang dapat dilitupi oleh tangannya, maka baginya (umur) satu tahun.”

(Setelah diterangkan kepada Musa, baginda bertanya): “Wahai Rabb, setelah itu apa?”

Allah berfirman: “Kemudian kematian.”

Musa berkata: “Jika begitu (aku mahu kematian) sekarang.”

Maka dia meminta kepada Allah agar dibawa mendekati tanah suci, sehampir lemparan batu. Kemudian Rasulullah shallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: “Jika aku di sana akan aku tunjukkan kuburnya berhampiran Bukit Pasir Merah.”⁸⁴

Kemusyilan:

Berdasarkan hadis di atas timbul beberapa kemusyilan:

⁸⁴ **Sahih:** Hadis dari Abu Hurairah *radhiallahu ‘anh*, dikeluarkan oleh Ahmad, al-Bukhari, Muslim, al-Nasa’i dan lain-lain, lihat *Sahih al-Bukhari* – no: 1339 (*Kitab Jana’iz, Bab Sesiapa yang suka dikebumikan di tanah suci atau seumpamanya*).

- [1] Bagaimana mungkin malaikat memiliki wajah dan mata seperimana manusia, boleh ditampar sehingga terkeluar biji matanya?
- [2] Kenapakah Nabi Musa ‘alaihi salam berlaku kasar terhadap malaikat tersebut? Bukankah sikap seperti ini menjauhi budi pekerti yang mulia bagi seseorang Rasul?
- [3] Bukankah ajal seseorang itu adalah ketetapan Allah *Subhanahu wa Ta’ala*, maka bagaimana pula seseorang itu dapat memilih-milih bilakah ajal tersebut?

Penjelasannya:

Kemusykilan pertama:

Bagaimana makhluk malaikat memiliki wajah dan mata?

Penjelasan:

Malaikat sememangnya tidak memiliki ciri-ciri jasad seperti manusia akan tetapi mereka dengan izin Allah *Subhanahu wa Ta’ala* dapat berubah dan menjelma dalam bentuk manusia. Terdapat beberapa bukti dalam al-Qur'an al-Karim tentang hal ini, salah satu darinya ialah dari kisah Maryam ‘alaihi salam apabila beliau didatangi malaikat Jibril ‘alaihi salam:

وَادْكُرْ فِي الْكِتَابِ مَرْيَمَ إِذَا اتَّبَعَتْ مِنْ أَهْلِهَا مَكَانًا شَرِقًّا.
 فَاتَّخَدَتْ مِنْ دُونِهِمْ حِجَابًا فَأَرْسَلْنَا إِلَيْهَا رُوحَنَا فَتَمَثَّلَ لَهَا بَشَرًا
 سَوِيًّا. قَالَتْ إِنِّي أَعُوذُ بِالرَّحْمَنِ مِنْكَ إِنْ كُنْتَ تَقِيًّا. قَالَ إِنَّمَا أَنَا
 رَسُولُ رَبِّكِ لِأَهْبِطَ لَكِ عَلَامًا زَكِيًّا.

Dan bacakanlah di dalam Kitab Al-Qur'an ini perihal Maryam, ketika dia memenculkan diri dari keluarganya di sebuah tempat sebelah timur. Kemudian Maryam membuat dinding untuk melindungi dirinya dari mereka maka Kami hantarkan kepadanya: Roh dari kami (malaikat Jibril)⁸⁵ lalu ia menyamar diri kepadanya sebagai seorang lelaki yang sempurna bentuk kejadiannya.

Maryam berkata: "Sesungguhnya aku berlindung kepada Ar-Rahman (Allah) daripada (gangguan)mu kalaualah engkau seorang yang bertaqwa." Ia berkata: "Sesungguhnya aku pesuruh Tuhanmu, untuk menyebabkanmu dikurniakan seorang anak yang suci."

⁸⁵ Antara lain lihat al-Mawardi – *al-Nukatu al-'Uyun* (Dar al-Kutub al-Ilmiah, Beirut tp thn), jld 3, ms 362; al-Baghawi – *Ma 'alim al-Tanzil* (Dar al-Kutub al-Ilmiah, Beirut 1995), jld 4, ms 212; Fakh al-Razi – *Tafsir al-Kabir* (Dar Ihia al-Turath al-Arabi, Beirut 1999), jld 7, ms 520-521; al-Khazin – *Lubabu al-Ta'wil fi Ma 'ani al-Tanzil* (Dar al-Kutub al-Ilmiah, Beirut 1995), jld 4, ms 212; al-Qasimi – *Mahasin al-Ta'wil* (Dar al-Kutub al-Ilmiah, Beirut 1997), jld 7, ms 89.

[Maryam 19:16-19]

Di atas jelas kepada kita bahawa malaikat dapat menjelma sebagai seorang manusia dengan jelmaan yang sempurna sehingga tidak dapat dibezakan sama ada ia adalah manusia atau tidak.

Demikianlah juga halnya apabila Malaikat Maut mendatangi Nabi Musa, ia telah menjelma dalam bentuk manusia seperti kita semua sehingga dapat disentuh secara fizikal.

Kemusykilan kedua:

Kenapakah Nabi Musa ‘*alaihi salam* berlaku kasar terhadap malaikat tersebut?

Penjelasan:

Nabi Musa ‘*alaihi salam* pada asalnya tidak mengetahui bahawa yang mendatanginya itu adalah malaikat. Apa yang diketahuinya adalah seorang lelaki yang datang untuk mengakibatkan kemudaratan ke atas dirinya. Cuba kita umpamakan jika seorang lelaki datang kepada kita seraya terus mengancam untuk menzalimi atau menganiaya kita, adakah kita akan menerima dia dengan penuh kemesraan?

Apatah lagi ketika itu Nabi Musa hidup bersama masyarakat Bani Israil yang terkenal dengan sikap degil, ego, suka menzalimi dan tidak kurang juga yang suka membunuh Nabi-nabi mereka. Maka tidak asinglah jika Nabi Musa bertindak sedemikian, bukan kerana zalim tetapi untuk mengelak dari dizalimi.

Tidak mustahil jika Nabi Musa tidak mengetahui bahawa yang mendatanginya itu adalah seorang malaikat. Hal ini pernah berlaku kepada Nabi-nabi lain sepetimana yang diungkapkan oleh al-Qur'an. Berikut adalah salah satu darinya, iaitu ketika Nabi Lut ‘alaihi salam dilawati oleh beberapa orang lelaki, tidak disangkanya bahawa mereka adalah malaikat sehingga lah diberitahu:

Dan apabila datang utusan-utusan Kami kepada Nabi Lut dia merasa dukacita dengan kedatangan mereka, dan merasa tidak terdaya untuk mengawal mereka (dari gangguan kaumnya), sambil berkata: “Ini adalah hari yang amat mencemaskan.” Dan kaumnyapun datang meluru kepadanya (dengan tujuan hendak mengganggu tetamunya), sedang mereka sebelum itu sudah biasa melakukan kejahatan. Nabi Lut berkata: “Wahai kaumku!

Di sini ada anak-anak perempuanku mereka lebih suci bagi kamu (maka berkahwinlah dengan mereka). Oleh itu takutlah kamu kepada Allah dan janganlah kamu memberi malu kepadaku mengenai tetamu-tetamuku. Tidakkah ada di antara kamu seorang lelaki yang bijak berakal?”

Mereka menjawab: “Sesungguhnya engkau telahpun mengetahui bahawa kami tidak ada sebarang hajat kepada anak-anak perempuanmu dan sebenarnya engkau sedia mengetahui akan apa yang kami kehendaki.” Nabi Lut berkata: “Kalaullah aku ada kekuatan untuk menentang kamu atau aku dapat bertumpu ke sesuatu tempat bertahan yang kuat (dari penyokong-penyokong, tentulah aku akan membinasakan kamu).”

(Mendengarkan yang demikian tetamunya berkata): “Wahai Lut! Sesungguhnya kami (adalah malaikat) utusan Tuhanmu. Kaum engkau yang jahat itu tidak sekali-kali akan dapat melakukan kepadamu (sebarang bencana). Oleh itu, pergilah berundur dari sini bersama-sama dengan keluargamu pada tengah malam, dan janganlah seorangpun di antara kamu menoleh ke belakang. Kecuali isterimu, sesungguhnya ia akan ditimpa azab yang akan

menimpa mereka (kerana ia memihak kepada mereka). Sesungguhnya masa yang dijanjikan untuk menimpakan azab kepada mereka ialah waktu subuh; bukankah waktu subuh itu sudah dekat?” [Hud 11:77-81]

Kemusykilan ketiga:

Bagaimana pula seorang makhluknya dapat memilih ajalnya padahal ia adalah urusan Allah sahaja?

Penjelasan:

Tidak dinafikan bahawa ajal setiap seseorang telahpun ditentukan oleh Allah ‘Azza wa Jalla. Firman Allah:

وَمَا كَانَ لِنَفْسٍ أَنْ تَمُوتَ إِلَّا بِإِذْنِ اللَّهِ كِتَابًا مُّؤَجَّلًا.

Dan (tiap-tiap) makhluk yang bernyawa tidak akan mati melainkan dengan izin Allah, iaitu ketetapan (ajal) yang tertentu masanya. [‘Ali Imran 3:145]

Kini persoalannya, bagaimana mungkin Nabi Musa menafikan ajalnya? Jawapannya adalah tidak, Nabi Musa tidak menafikan ajalnya kerana Malaikat Maut yang mendatanginya itu bukanlah untuk menarik nyawanya tetapi sekadar bertanya sama ada Nabi Musa mahu menerima

kematian pada saat itu.

Buktinya boleh dilihat daripada aduan Malaikat Maut kepada Allah ‘Azza wa Jalla apabila ia kembali kepada-Nya: “*Engkau mengutus aku kepada seorang hamba yang tidak menghendaki kematian.*” Aduan Malaikat Maut ini menunjukkan bahawa dia sendiri pada asalnya tidak diutus untuk menarik nyawa tetapi untuk bertanya sama ada Nabi Musa menghendaki kematian.

Lebih dari itu, seandainya benar Malaikat Maut diutuskan untuk menarik nyawa Nabi Musa, ia akan melakukan tugas tersebut dalam keadaan dirinya yang asal tanpa menjelma dalam bentuk manusia. Kedua, ia akan melakukan tugas tersebut dengan cekap lagi sempurna, tanpa bertanya atau teragak-agak terlebih dahulu. Firman Allah:

وَهُوَ الْعَالِهِرُ فَوْقَ عِبَادِهِ وَيُرْسِلُ عَلَيْكُمْ حَفَظَةً حَتَّىٰ إِذَا جَاءَهُمُ الْمَوْتُ تَوَفَّهُ رُسُلُنَا وَهُمْ لَا يُفَرِّطُونَ.

Dan Dia-lah yang berkuasa atas sekalian hamba-Nya; dan Dia mengutuskan kepada kamu pengawal-pengawal sehingga apabila sampai ajal maut kepada salah seorang di antara kamu, lalu diambil (nyawanya) oleh

utusan-utusan Kami (malaikat); sedang mereka pula (malaikat itu) tidak cuai (dalam menjalankan tugasnya). [al-An'aam 6:61]

Persoalan seterusnya, bagaimana mungkin Allah memberi pilihan kepada Nabi Musa dalam urusan ajal? Jawapannya, pilihan tersebut adalah antara kurnia dan keutamaan yang Allah berikan kepada hamba-hamba yang dipilih-Nya, sepermata firman-Nya:

فُلِّ إِنَّ الْفَضْلَ يَبْدِ اللَّهُ يُؤْتِيهِ مَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلَيْهِمْ.

Sesungguhnya limpah kurnia itu adalah di tangan Allah, diberikan-Nya kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya; dan Allah Maha Luas limpah kurnia-Nya, lagi Meliputi pengetahuan-Nya. [‘Ali Imran 3:73]

Keluasan limpah kurnia Allah tidak boleh diminta atau ditolak oleh sesiapa kerana ia adalah antara sifat Allah yang Maha Luas Limpah Kurnia-Nya, dan kepada siapa Allah memberikan kurnia tersebut juga tidak boleh dipersoalkan kerana ilmu kita tidak sedikitpun dapat menjangkaui ilmu Allah yang Maha Tinggi.

Keistimewaan dan kemuliaan Nabi Musa tidak perlu

dipersangsikan lagi, kepada beliau Allah kurniakan pelbagai mukjizat, dari yang kecil seperti tangan yang bercahaya sehingga yang besar seperti membelah Laut Merah. Lebih dari itu kepada Nabi Musa sahajalah Allah berkata-kata secara terus tanpa perantaraan. Dengan pelbagai kelebihan yang Allah kurniakan kepada Nabi Musa ini, tidaklah asing jika Allah memberi pilihan kepada dia tentang ajalnya. Oleh kerana itulah Imam Muslim *rahimahullah*, apabila beliau menyusun hadis ini di dalam kitab *Sahihnya*, beliau meletakkannya di bawah judul “*Keutamaan (fada‘il) Nabi Musa ‘alahi salam.*”

CONTOH NO: 2

Nabi Musa Mandi Bertelanjang.

Sabda Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*:

كَانَتْ بَنُو إِسْرَائِيلَ يَعْتَسِلُونَ عِرَاءً يَنْظُرُ بَعْضُهُمْ إِلَى بَعْضٍ.
وَكَانَ مُوسَى عَلَيْهِ سَلَامٌ يَعْتَسِلُ وَحْدَهُ. فَقَالُوا: وَاللَّهِ مَا يَمْنَعُ مُوسَى
أَنْ يَعْتَسِلَ مَعَنَا إِلَّا أَنَّهُ آذُرٌ. فَذَهَبَ مَرَّةً يَعْتَسِلُ فَوَضَعَ ثُوبَهُ عَلَى
حَجْرٍ فَقَرَّ الْحَجْرُ بِثُوبِهِ. فَخَرَجَ مُوسَى فِي إِثْرِهِ يَقُولُ: ثُوبِي يَا
حَجْرُ! حَتَّى نَظَرَتْ بَنُو إِسْرَائِيلَ إِلَى مُوسَى. فَقَالُوا: وَاللَّهِ مَا يَمْنَعُ
مِنْ بَأْسٍ. وَأَخَدَ ثُوبَهُ فَطَفَقَ بِالْحَجْرِ ضَرْبًا.

Adalah kaum Bani Israil mereka mandi dalam keadaan bertelanjang sehingga sebahagian mereka dapat melihat sebahagian yang lain. Namun Musa 'alaihi salam, beliau hanya mandi bersendirian.

Mereka (Bani Israil) berkata: "Demi Allah, tidaklah Musa hendak mandi bersama kami kecuali kerana dia menghadapi kecacatan pada kemaluannya."

Maka di satu ketika Musa pergi untuk mandi, beliau meletakkan pakaianya di atas batu lalu bergeraklah batu

itu bersama pakaianya. Maka Musa mengejar batu tersebut sambil berkata: “Pakaian aku wahai si-batu!” Pada ketika itu kaum Bani Israil dapat melihat Musa (dalam keadaan telanjang) lalu berkata: “Demi Allah, tidaklah Musa menghadapi apa-apa kecacatan.”

Kemudian Musa mengambil semula pakaianya dan memukul batu tersebut.⁸⁶

Kemusykilan:

Adalah sukar untuk menerima hadis ini kerana tidak mungkin Nabi Musa ‘alaihi salam mandi telanjang sehingga kelihatan kemaluannya. Lebih dari itu bagaimana mungkin sebuah batu boleh bergerak?

Penjelasan:

Kemusykilan di atas akan dijelaskan dalam dua bahagian:

Pertama: Hukum mandi bertelanjang.

Adalah menjadi sunnah Rasulullah *shallallahu ‘alaihi*

⁸⁶ **Sahih:** Hadis daripada Abu Hurairah *radhiyallahu ‘anh*, dikeluarkan oleh Ahmad, al-Bukhari, Muslim dan lain-lain, lihat *Sahih al-Bukhari* – no: 279 (*Kitab Ghusl, Bab Bab Mandi berseorangan dalam keadaan telanjang*.....).

wasallam dan sekaligus tuntutan ke atas umatnya untuk mandi tidak bertelanjang di hadapan orang ramai. Dalam hadis-hadis diterangkan bahawa apabila Rasulullah mandi, salah seorang isterinya atau anaknya akan memegang kain sebagai pendinding.⁸⁷ Dalam sebuah hadisnya Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

إِنَّ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ حَيْثُ سَتَّرَ، يُحِبُّ الْحَيَاءَ وَالسَّتْرَ، فَإِذَا
أَغْتَسَلَ أَحَدُكُمْ فَلْيَسْتَرْ.

*Sesungguhnya Allah 'Azza wa Jalla adalah pemalu dan suka menutupi. Dia menyukai seseorang yang tahu malu dan menutupi dirinya. Oleh itu apabila seseorang daripada kamu mandi, bertutuplah (berlindunglah).*⁸⁸

Pernah seorang bertanya kepada Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*, bolehkah menampakkan aurat, yakni bertelanjang apabila berseorangan? Rasulullah menjawab:

⁸⁷ Lihat *Sahih al-Bukhari* – no: 280-281 (*Kitab Ghusl, Bab Mendinding diri daripada orang ramai ketika mandi*).

⁸⁸ **Sahih:** Hadis daripada Ya'la bin Umaih *radhiallahu 'anh*, dikeluarkan oleh Abu Daud, Al-Nasa'i, al-Hakim dan lain-lain, dinilai *sahih* oleh Nasr al-Din al-Albani dalam *Sahih Sunan Abu Daud* – no: 4011 (*Kitab al-Hamam, Bab Larangan untuk bertelanjang*).

فَاللَّهُ أَحَقُّ أَنْ يُسْتَحْيِي مِنْهُ مِنَ النَّاسِ.

*Allah lebih berhak untuk dimalui daripada manusia.*⁸⁹

Demikian adalah syari‘at bagi umat Nabi Muhammad *shallallahu ‘alaihi wasallam*. Namun hendaklah diketahui bahawa bagi setiap umat ada syari‘atnya yang tertentu seperti firman Allah ‘Azza wa Jalla:

لِكُلِّ أُمَّةٍ جَعَلْنَا مِنْكُمْ شِرْعَةً وَمِنْهَا جَانِبًا.

Bagi tiap-tiap umat yang ada di antara kamu, Kami jadikan satu syari‘at dan jalan agama. [al-Maidah 5:48]

لِكُلِّ أُمَّةٍ جَعَلْنَا مَنْسَكًا هُمْ نَاسِكُوهُ

Bagi tiap-tiap umat, Kami adakan satu syari‘at yang tertentu untuk mereka ikuti dan jalankan. [al-Hajj 22:67]

Hadis di atas: *Adalah kaum Bani Israil mereka mandi dalam keadaan bertelanjang...* menjadi petunjuk bahawa etika mandi bagi umat Nabi Musa adalah berbeza

⁸⁹ **Hasan:** Sebahagian dari hadis yang dikeluarkan oleh al-Tirmizi dan Ibn Majah, juga oleh al-Bukhari secara *mu’allaq*, dinilai *hasan* oleh Mahmud Muhammad dalam *Sunan Ibn Majah* – no: 1920 (*Kitab Nikah, Bab Melindung diri ketika bersetubuh*).

dengan umat Muhammad. Mereka tidak dituntut untuk melindungi diri mereka daripada dilihat oleh sesama mereka. Sekalipun demikian, Nabi Musa sebagai seorang hamba pilihan dan pesuruh Allah tidak mandi bersama-sama di hadapan orang ramai.

Oleh itu etika mandi secara bertelanjang di hadapan orang ramai hanyalah memusyikikan bagi umat Nabi Muhammad dan tidak bagi umat Nabi Musa kerana ia dibolehkan bagi mereka.

Kedua: Bagaimana sebuah batu boleh bergerak?

Hal ini sebenarnya termasuk salah satu kekuasaan Allah *Subhanahu wa Ta'ala* demi memelihara para Rasul, Nabi dan hamba-hamba pilihan-Nya. Allah Ta'ala menerangkan hakikat ini dalam ayat-Nya:

ثُمَّ نُنْجِي رُسُلَنَا وَالَّذِينَ آمَنُوا كَذَلِكَ حَفَّا عَلَيْنَا نُنْجِي
الْمُؤْمِنِينَ.

Kemudian Kami selamatkan Rasul Kami dan orang-orang yang beriman. Demikianlah juga sebagai kewajipan Kami, Kami selamatkan orang-orang yang beriman. [Yunus 10:103]

Pemeliharaan Allah terhadap hamba-hamba pilihan-Nya boleh wujud dalam pelbagai bentuk dan cara, dan salah satu darinya dikisahkan dalam hadis di atas. Apakah cara terbaik untuk membersihkan tuduhan yang dilemparkan ke atas Nabi Musa ‘alaihi salam oleh umatnya bahawa kononnya beliau menghadapi kecacatan pada kemaluannya melainkan dinampakkan terus supaya dapat mereka lihat dengan mata kepala sendiri? Hal ini mungkin memusyikikan bagi kita umat Nabi Muhammad shallallahu ‘alaihi wasallam tetapi sebagaimana yang telah diterangkan di atas, hal ini adalah satu kebiasaan bagi umat Nabi Musa.

Mengerakkan batu adalah mudah sahaja bagi Allah sebagaimana firman-Nya:

إِنَّمَا أَمْرُهُ إِذَا أَرَادَ شَيْئًا أَنْ يَقُولَ لَهُ كُنْ فَيَكُونُ.

Sesungguhnya keadaan kekuasaan-Nya apabila Dia menghendaki adanya sesuatu, hanyalah Dia berfirman: “Jadilah engkau !” Maka ia terus menjadi. [Yasin 36:82]

Hal ini sebagaimana mudahnya Allah memelihara Nabi Ibrahim ‘alaihi salam daripada kepanasan api yang digunakan oleh kaumnya untuk menghukumnya:

قَالُوا حَرّقُوهُ وَانْصُرُوا آهِنَّكُمْ إِنْ كُنْتُمْ فَاعْلِيَنَّ. قُلْنَا يَا نَارُ
كُوينِي بَرْدًا وَسَلَامًا عَلَى إِبْرَاهِيمَ.

Mereka berkata: “Bakarlah dia dan belalah tuhan-tuhan kamu, jika betul kamu mahu bertindak membelanya!”

Kami berfirman: “Hai api, jadilah engkau sejuk serta selamat sejahtera kepada Ibrahim!”. [al-‘Anbiyaa’ 21:68-69]⁹⁰

⁹⁰ Hadis-hadis dalam Contoh no: 1 & 2 di atas (Bahagian D) sengaja menjadi pilihan penulis bagi menjawab hujah Syiah bahawa kononnya dalam kitab *Sahih al-Bukhari* terdapat hadis-hadis maudhu’ yang berasal daripada Abu Hurairah *radhiallahu ‘anh*. Tuduhan ini paling awal mereka kemukakan dalam buku (dialog) *Peshawar Nights* (1927M). Dengan penjelasan di atas maka terangkatlah tuduhan ini. Bandingkan juga dengan keterangan Muhammad al-Ghazali dalam bukunya *Sunnah Nabi: Antara Ahli Fiqah dan Ahli Hadis* (terj: Ismail Ibrahim; Nurin, Kuala Lumpur 1990), ms 27-33.

CONTOH NO: 3

Sesiapa Akhir Ucapannya *La ilaha illaLlah* Akan Masuk Syurga.

Sabda Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*:

مَنْ كَانَ آخِرُ كَلَامِهِ - لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ - دَخَلَ الْجَنَّةَ.

Barangsiapa akhir perkataannya adalah “La ilaha illaLlah” dia masuk syurga.⁹¹

Kemusykilan:

Sukar untuk diterima bahawa semata-mata dengan ucapan “*La ilaha illaLlah*” seseorang itu akan masuk syurga. Bukankah di sebalik ucapan tersebut ia wajib diikuti dengan hati yang menetapkannya, lisan yang membenarkannya dan perbuatan yang membuktikannya? Bagaimana dengan orang yang mengucapkan kalimah tersebut tetapi dia mengingkari kewajipan solat, puasa dan pelbagai lagi hukum syari‘at?

⁹¹ **Sahih:** Hadis dari Muadz bin Jabal *radhiyallahu 'anh*, dikeluarkan oleh Ahmad, Abu Daud, al-Bazzar, al-Thabarani (*al-Mu'jam al-Kabir*), al-Baihaqi (*Syu'abu al-Iman*) dan al-Hakim, dinukil dan dinilai *sahih* oleh al-Suyuti dalam *al-Jamii' al-Sagheir* – no: 8965 dan dipersetujui *sahih* oleh Nasr al-Din al-Albani dalam *Sahih al-Jamii' al-Sagheir* – no: 6479.

Penjelasannya:

Hadir di atas sebenarnya disabdakan oleh Rasulullah *shallallahu ‘alaihi wasallam* pada zaman awal Islam di Kota Makkah. Berkata Ibn Syihab al-Zuhri (124H), seorang tokoh generasi tabi‘ien:

“Hadis sebegini hanya pada permulaan Islam sebelum turunnya kewajipan-kewajipan dan larangan.”⁹²

Yakni pada zaman permulaan Islam di mana belum disyari‘atkan pelbagai ibadah, kewajipan, larangan dan hukuman kecuali sekadar mentauhidkan Allah ‘Azza wa Jalla. Pada waktu itu mereka yang baru memeluk Islam diugut dan dipaksa agar meninggalkan Islam dan sesiapa yang enggan – mereka diseksa hingga ke tahap dibunuh dengan kejam. Ketika sedang diugut, diseksa dan sesaat sebelum dibunuh,

⁹² -----: Dikeluarkan oleh Muhammad bin Isa al-Tirmizi dalam *Sunan al-Tirmizi*, jld 4, ms 449 tanpa *isnad*. Saya berkata *isnad* athar ini telah diisyaratkan kedha‘ifan atau ketidak pastiannya memandangkan al-Tirmizi telah mendahuluiinya dengan kata-kata: *Dan sesungguhnya diriwayatkan dari al-Zuhri....* Qadi Iyadh dalam *Ikmal al-Mu’lim bi-Fawa’idi Muslim* (Dar al-Wafa’, Kaherah 1998), jld 1, ms 254 berkata bahawa ini adalah juga merupakan pendapat majoriti generasi salaf (yakni mereka yang hidup sebelum tahun 300H), di antaranya ialah Sa‘id ibn Musayab (94H), namun Qadi Iyadh juga tidak mengemukakan *isnad*nya. Oleh itu status riwayat ini penulis biarkan terbuka sehingga dapat ditemui *isnad*nya. Perbandingkan juga dengan *Syarah Sahih Muslim al-Nawawi* (Dar Ihia al-Turath al-Arabi, Beirut 2000), jld 1, ms 63.

tiada yang diucapkan oleh mereka kecuali “*La ilaha illaLlah*”

– Tiada Tuhan selain Allah – secara berulang-ulang sehingga mereka dibebaskan atau sehingga maut menemui mereka.

Terhadap umat Islam inilah Rasulullah *shallallahu-alaihi-wasallam* bersabda: ***Barangsiapa yang akhir perkataannya adalah “La ilaha illaLlah” maka dia masuk syurga.*** Memang benar bahawa bagi mereka ganjaran syurga kerana menegakkan tauhid sehingga ke akhir hayat mereka. Senada dengan hadis ini adalah firman Allah *Subhanahu wa Ta’ala* dalam ayat berikut yang juga diturunkan di Kota Makkah:

إِنَّ الَّذِينَ قَالُوا رَبُّنَا اللَّهُ ثُمَّ اسْتَقَامُوا فَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزُنُونَ. أُولَئِكَ أَصْحَابُ الْجَنَّةِ خَالِدِينَ فِيهَا جَزَاءً بِمَا كَانُوا يَعْمَلُونَ.

Sesungguhnya orang-orang yang menegaskan keyakinannya dengan berkata: “Tuhan kami ialah Allah”, kemudian mereka tetap teguh di atasnya, maka tidak ada kebimbangan (dari sesuatu yang tidak baik) terhadap mereka, dan mereka pula tidak akan berdukacita.

Merekalah ahli Syurga, tetap kekal mereka di dalamnya, sebagai balasan bagi amal-amal soleh yang mereka telah kerjakan. [al-Ahqaf 46:13-14]

Adapun kedudukan hadis ini pada masa kini, maka berkata para ilmuan bahawa ia tetap sah. Sesiapa sahaja yang mentauhidkan Allah *Subhanahu wa Ta'ala* secara yakin dan benar sehingga ke akhir hayatnya, syurgalah balasannya. Mentauhidkan Allah bukanlah sekadar perkataan tetapi adalah disertai hati yang menetapkannya, lisan yang membenarkannya dan perbuatan yang membuktikannya. Seandainya ada dosa-dosa besar, maka mereka akan diazab setimpal dengan kadar dosa masing-masing dan akhirnya tetap akan dimasukkan ke dalam syurga oleh Allah Tabaraka waTa'ala.⁹³

⁹³ al-Tirmizi – *Sunan al-Tirmizi*, jld 4, ms 449. Antara sumber bacaan yang disyorkan dalam bab ini ialah buku Muhammad bin ‘Abdul Aziz al-Sulaimani yang berjudul *Cara Mudah Memahami Tauhid* (terj: Abu Ihsan al-Maidani; Pustaka al-Tibyan, Solo 2000).

CONTOH NO: 4

Perangilah manusia sehingga semuanya mengucap *La ilaha illaLlah.*

Ali bin Abi Talib *radhiallahu 'anh* pernah bertanya kepada Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*:

يَا رَسُولَ اللَّهِ عَلَىٰ مَاذَا أَقَاتَنَا النَّاسُ ؟

Ya Rasulullah! Atas hal apakah patut aku perangi manusia?

Rasulullah menjawab:

قَاتِلُهُمْ حَتَّىٰ يَشْهَدُوْا أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ. فَإِذَا فَعَلُوْا ذَلِكَ فَقَدْ مَنَعُوْا مِنْكَ دِمَاءُهُمْ وَأَمْوَالُهُمْ. إِلَّا بِحَقِّهَا. وَحِسَابُهُمْ عَلَى اللَّهِ.

Perangilah mereka sehingga mereka bersyahadah bahawa tiada tuhan melainkan Allah dan Muhammad adalah Rasul Allah. Apabila mereka telah mengucapkan sedemikian maka terpeliharalah darah dan harta benda mereka, kecuali yang menjadi hak kamu sementara

*perhitungannya adalah kepada Allah.*⁹⁴

Kemusykilan:

Hadis ini menjadi sasaran utama para pengkritik orientalis bahawa Islam adalah agama yang disebarluaskan melalui pedang, iaitu secara paksaan. Apakah maksud sebenar hadis ini?

Penjelasannya:

Hadis ini telah diperhujahkan dalam bentuk yang terkeluar dari konteksnya yang asal. Hadis ini sebenarnya disabdakan oleh Rasulullah *shallallahu ‘alaihi wasallam* ketika berperang dengan orang-orang Yahudi di Khaibar, seperti yang diterangkan sendiri oleh Abu Hurairah apabila beliau meriwayatkannya. Urutan yang menyebabkan Rasulullah bersabda sedemikian dapat juga dilihat dalam mana-mana kitab *sirah* yang muktabar.⁹⁵

⁹⁴ **Sahih:** Hadis dari Abu Hurairah *radhiyallahu ‘anh*, dikeluarkan oleh Ibn Sa‘ad, Muslim dan lain-lain. Di atas adalah dari lafaz Muslim, lihat *Sahih Muslim* – no: 2405 (*Kitab Fada’il Sahabat, Fada’il ‘Ali bin Abi Talib*).

⁹⁵ Antaranya: Ibn Sa‘ad – *al-Tabaqat al-Kubra* (Dar al-Kutub al-Ilmiah, Beirut 1997), jld 2, ms 84 (*Kitab Maghazi dan Sariyah Rasulullah, Ghuzwah Khaibar*); Ibn Kathir – *al-Bidayah wa al-Nihayah* (Dar al-Hadith, Kaherah 1997), jld 4, ms 185 (*Tahun ke-7, Ghuzwah Khaibar*); al-Dzahabi – *Siyar A’lam al-Nubala, Sirah Nabawiyah* (Muasasah al-Risalah, Beirut 1998), jld 2, ms 64 (*Tahun ke-7, Ghuzwah Khaibar*) dan Akram Diya’ al-Umari – *Madinan Society at The*

Pendek cerita, pada tahun 5 hijrah orang-orang Yahudi di Khaibar telah mengumpul beberapa kaum dan kabilah di Semenanjung Arab untuk bersatu melancarkan perang ke atas orang-orang Islam di Kota Madinah. Namun serangan tersebut berjaya dipatahkan apabila umat Islam menggali parit yang dalam di sekeliling Kota Madinah. Perang ini masyhur dengan gelaran Perang Khandak. Dua tahun kemudian umat Islam telah melancarkan serang balas ke atas orang-orang Yahudi di Khaibar.⁹⁶

Amatlah tidak benar jika dikatakan tentera Islam telah memaksa orang-orang Yahudi di Khaibar untuk memeluk Islam. Sejak awal lagi Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* telah berdakwah kepada orang-orang Yahudi, malah beberapa sahabat yang mengenali kitab Taurat telah mengingatkan mereka tentang kerasulan Muhammad berdasarkan keterangan kitab mereka sendiri. Namun mereka tetap mengingkarinya.⁹⁷

Time of The Prophet (terj: Huda Khattab; IIPH & IIIT, Riyadh 1995), vol 1, ms 145.

⁹⁶ Lebih lanjut, disyorkan membaca buku sirah karangan H. Zainal Arifin Abbas: *Sejarah dan Perjuangan Nabi Muhammad s.a.w.* (Pustaka Antara, Kuala Lumpur 1991), jld 8, ms 69-74.

⁹⁷ Ibn Hisyam – *Sirah Nabawiyah* (Maktabah al-'Abikan, Riyadh 1998), jld

Lebih dari itu, setelah menerima perintah untuk memerangi orang Yahudi Khaibar sepertimana hadis yang pertama di atas, berkata Ali bin Abi Talib radhiyallahu ‘anh:

أُقَاتِلُهُمْ حَتَّىٰ يَكُونُوا مِثْنَا.

Ya Rasulullah! Aku akan perangi mereka sehingga mereka menjadi seperti kita (iaitu menjadi orang Islam).

Mendengar itu Rasulullah shallallahu ‘alaihi wasallam menjawab:

أُنْفَدِدُ عَلَىٰ رِسْلِكَ حَتَّىٰ تَنْزِلَ بِسَاحِرِهِمْ. ثُمَّ أُذْعِنُهُمْ إِلَىٰ الْإِسْلَامِ. وَأَخْبِرُهُمْ بِمَا يَحِبُّ عَلَيْهِمْ مِنْ حَقِّ اللَّهِ فِيهِ. فَوَاللَّهِ لَا يَنْهَا اللَّهُ بِكَ رَجُلًا وَاحِدًا حَيْرَ لَكَ مِنْ أَنْ يَكُونَ لَكَ حُمُرُ النَّعَمِ.

Maralah secara berhati-hati sehingga kamu sampai ke kawasan mereka yang lapang. Kemudian dakwahlah mereka kepada Islam. Khabarkan kepada mereka tentang apa yang wajib dari hak (undang-undang) Allah.

2, ms 159 (*Bab Orang Yahudi mengingkari (wahyu) yang diturunkan*). Al-Suyuti menyebutnya dalam *Darr al-Manthur fi Tafsir al-Ma'thur* (Dar al-Kutub al-Ilmiyah, Beirut 2000), jld 2, ms 476 sebagai sebab turunnya ayat ke 19 surah al-Maidah.

*Demi Allah! Jika Allah memberi hidayah kepada salah seorang dari mereka adalah lebih baik daripada kamu memiliki sekumpulan unta yang berharga.*⁹⁸

Mungkin ada kemosykilan lagi, bahawa hadis: *Perangilah mereka sehingga...* bersifat umum kerana ia adalah jawapan yang merujuk kepada pertanyaan: *Ya Rasulullah! Atas hal apakah patut aku perangi manusia?* Perkataan *al-Nas* merujuk kepada seluruh manusia. Justeru sekalipun ia disampaikan dalam satu kes tertentu, ciri-cirinya yang umum menyebabkan ia tidak terikat kepada satu suasana tertentu. Ini selari dengan kaedah, bahawa sesuatu nas yang bersifat umum tidak terikat dengan suasana yang melahirkan nas tersebut.

Kemosykilan ini dapat dijelaskan dengan memahami bahawa fungsi *alif lam* terhadap perkataan *Nas* (manusia) dalam hadis di atas tidaklah bererti seluruh manusia tetapi merujuk kepada sekumpulan manusia bagi menetap makna yang dimaksudkan (*Lam-al-Ma'rifah*).

⁹⁸ **Sahih:** Hadis dari Sahl bin Sa‘ad *radhiallahu ‘anh*, dikeluarkan oleh Ahmad, al-Bukhari, Muslim, al-Thabarani (*al-Mu’jam al-Kabir*) dan lain-lain, lihat *Sahih Muslim* – no: 2406 (*Kitab Fada’il Sahabat, Fada'il ‘Ali bin Abi Talib*).

Di dalam al-Qur'an, terdapat beberapa contoh di mana perkataan *al-Nas* tidak bererti seluruh manusia tetapi hanyalah sekelompok. Berikut adalah dua contoh:

Pertama:

الَّذِينَ قَالَ لَهُمُ النَّاسُ إِنَّ النَّاسَ قَدْ جَمَعُوا لَكُمْ فَاخْشُوهُمْ
فَزَادُهُمْ إِيمَانًا وَقَالُوا حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ.

*(Yaitu) orang-orang yang apabila dikatakan kepada mereka: "Sesungguhnya manusia (*al-Nas*) telah mengumpulkan pasukan untuk menyerang kamu, karena itu takutlah kepada mereka", maka perkataan itu menambah keimanan mereka dan mereka menjawab: "Cukuplah Allah menjadi Penolong kami dan Allah adalah sebaik-baik Pelindung."* [‘Ali Imran 3:173]

Dalam ayat di atas, perkataan *al-Nas* tidaklah merujuk kepada semua manusia tetapi kepada Abu Sufyan dan rombongan dagangnya.⁹⁹

⁹⁹ Lihat al-Mawardi – *al-Nukatu al-'Uyun*, jld 1, ms 438; Ibn Kathir – *Tafsir al-Qur'an al-'Adzhim* (terj: Bahrun Abubakar; Sinar Baru Algensindo, Bandung 2000), juz 4, ms 305-308; al-Suyuti – *Tafsir Jalalain* (terj: Bahrun Abubakar; Sinar Baru Algensindo, Bandung 1997), jld 1, ms 173 dan lain-lain. Bagi pengajaran dan iktibar yang besar dari ayat ini, lihat penjelasan yang amat baik oleh Sa'id Hawa dalam *al-Asas fi al-Tafsir* (Dar al-Salam, Kaherah 1999), jld

Kedua:

إِذَا جَاءَ نَصْرٌ اللَّهِ وَالْفُتْحُ. وَرَأَيْتَ النَّاسَ يَدْخُلُونَ فِي دِينِ اللَّهِ أَفْوَاجًا. فَسَبِّحْ بِحَمْدِ رَبِّكَ وَاسْتَغْفِرْ إِلَهَ كَانَ تَوَابًا.

*Apabila datang pertolongan Allah dan kemenangan,
Dan engkau melihat manusia (al-Nas) masuk dalam agama
Allah beramai-ramai, Maka ucapkanlah tasbih dengan
memuji Tuhanmu dan mintalah ampun kepada-Nya,
sesungguhnya Dia amat menerima taubat.* [al-Nasr 110:1-3]

Dalam ayat di atas juga, *al-Nas* tidak merujuk kepada manusia di seluruh dunia tetapi hanya kepada penduduk Kota Makkah, yakni ketika *Fath-ul-Makkah* ketika umat Islam telah kembali menguasai Kota Makkah dari tangan kafir Quraisy. Manusia yang menerima agama Islam yang dimaksudkan ialah penduduk Kota Makkah dan bukannya penduduk seluruh dunia.

Memadailah dengan dua contoh di atas. Justeru perkataan *al-Nas* dalam hadis di atas yang dipersoalkan sebenarnya merujuk kepada orang-orang Yahudi di Khaibar, bukan umum kepada semua manusia.¹⁰⁰

2, ms 938-939.

¹⁰⁰ Muhammad al-Ghazali – *Menjawab 40 Soal Islam Abad 20* (S. Abdul Majid, Kuala Lumpur 1989), ms 75-77 dengan beberapa tambahan dari penulis.

CONTOH NO: 5

Sampaikan Hadis Bani Israil.

Sabda Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*:

بَلَّغُوا عَنِيْ وَلَوْ آيَةً . وَحَدَّثُوا عَنْ بَنِي إِسْرَائِيلَ وَلَا حَرَجَ . وَمَنْ كَذَّبَ عَلَيَّ مُتَعَمِّدًا فَلْيَتَبَوَّأْ مَفْعَدَهُ مِنْ النَّارِ .

*Sampaikanlah dari aku walaupun satu ayat, dan bicaralah tentang kisah (hadis) Bani Israil, tidaklah ia satu kesalahan. Dan barangsiapa yang berdusta atas aku dengan sengaja, pasti dia akan mendapat tempatnya di dalam neraka.*¹⁰¹

Kemusykilan:

Kenapakah hadis ini mengajurkan umat Islam untuk berbicara tentang kaum Bani Israil? Bukankah dengan ini banyak ajaran mereka yang menyeleweng yang akan menyerap masuk ke dalam Islam?

¹⁰¹ **Sahih:** Hadis dari 'Abdullah bin 'Amr *radhiallahu 'anh*, dikeluarkan oleh al-Bukhari, juga secara ringkas dari Abu Hurairah, dikeluarkan oleh al-Shafi'i dan Abu Daud, lihat *Sahih al-Bukhari* – no: 3461 (*Kitab al-Anbiya*, Bab Apa yang diperkatakan tentang Bani Israil).

Penjelasannya:

Sebenarnya hadis ini disampaikan pada masa akhir kehidupan Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*, iaitu apabila umat Islam telah faham asas-asas, hukum dan ciri-ciri agama Islam yang sebenar. Pada masa ini umat telah memiliki ilmu serta keyakinan yang mantap tentang Islam sehingga tidak mungkin lahirnya fitnah atau kekeliruan jika dibicarakan cerita atau perihal agama lain. Antara manfaat yang dicari adalah mewujudkan perbincangan dua hala agar kaum Bani Israil merasa selesa dengan orang Islam sehingga akhirnya dapat mengenali agama Islam dengan lebih sempurna.

Selain itu perlu diingatkan bahawa perkataan *hadis* bukanlah bererti sabda seseorang Nabi dalam konteks agama sahaja tetapi ia secara keseluruhannya bererti kata-kata, ucapan dan sebutan dikhabarkan, disampaikan dan diberitakan.

Justeru hadis di atas juga membuka jalan kepada umat Islam bertukar-tukar pengetahuan dan maklumat dengan kaum lain dalam pelbagai bidang seperti pertanian, perindustrian, jual beli dan sebagainya, iaitu apa yang dikenali sebagai perkongsian teknologi dan maklumat. Hadis ini juga

membuka jalan ke arah pengkajian agama kaum lain agar dengan itu dapat dilihat pelbagai penyelewengan yang terdapat di dalamnya yang akhirnya akan meyakinkan lagi umat terhadap agama Islam yang mereka pegangi. Ini dikenali sebagai ilmu perbandingan agama, mengikut definisi masa kini.

Tidak ada salahnya untuk berbicara dan berdialog dengan orang dari agama lain. Islam sentiasa menekankan konsep hidup bermasyarakat, bersosial dan menjalin hubungan dua hala dengan semua pihak asalkan ia tidak melanggar batas-batas agama. Perhatikan ayat-ayat berikut:

لَا يَنْهَاكُمُ اللَّهُ عَنِ الدِّينِ مَمْ يُقَاتِلُوكُمْ فِي الدِّينِ وَمَمْ يُخْرِجُوكُمْ مِّنْ دِيَارِكُمْ أَنْ تَبْرُوْهُمْ وَتُفْسِطُوا إِلَيْهِمْ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُفْسِطِينَ . إِنَّمَا يَنْهَاكُمُ اللَّهُ عَنِ الدِّينِ فَاتَّلُوْكُمْ فِي الدِّينِ وَأَخْرِجُوكُمْ مِّنْ دِيَارِكُمْ وَظَاهِرُوا عَلَى إِخْرَاجِكُمْ أَنْ تَوَلُّوْهُمْ وَمَنْ يَتَوَلَّهُمْ فَأُولَئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ .

Allah tidak mlarang kamu daripada berbuat baik dan berlaku adil kepada orang-orang yang tidak memerangi kamu kerana agama (kamu), dan tidak mengeluarkan kamu

dari kampung halaman kamu; sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil.

Sesungguhnya Allah hanyalah melarang kamu daripada menjadikan teman rapat orang-orang yang memerangi kamu kerana agama (kamu), dan mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu, serta membantu (orang lain) untuk mengusir kamu. Dan (ingatlah), sesiapa yang menjadikan mereka teman rapat, maka mereka itulah orang-orang yang zalim. [al-Mumtahanah 60:8-9]

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُونُوا فَوَّامِينَ لِلَّهِ شُهَدَاءَ بِالْقِسْطِ وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَآنُ قَوْمٍ عَلَى أَلَا تَعْدِلُوا اغْدِلُوا هُوَ أَقْرَبُ لِلتَّقْوَىٰ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ.

Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang-orang yang menegakkan keadilan kerana Allah, lagi menerangkan kebenaran; dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. Hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa juga) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada taqwa. Dan bertaqwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui

dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan. [al-Maidah 5:08]

وَلَا يُجَادِلُوا أَهْلَ الْكِتَابِ إِلَّا بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ إِلَّا الَّذِينَ
ظَلَمُوا مِنْهُمْ.

Dan janganlah kamu berbahas dengan Ahli Kitab melainkan dengan cara yang lebih baik, kecuali orang-orang yang berlaku zalim di antara mereka. [al-Ankabut 29:46]

Justeru tidak ada sebarang kemosykilan dalam hadis ini. Malah sebenarnya ia memiliki beberapa ajaran yang penting di dalam Islam: Pertama adalah konsep bermasyarakat dan bersosial tanpa mengira agama. Kedua adalah anjuran untuk mengkaji ilmu perbandingan agama dan ketiga adalah bertukar-tukar ilmu dan kemahiran dalam pelbagai bidang duniawi. Semua ini dibolehkan oleh Islam asalkan batas-batas syari‘at dipelihara.

CONTOH NO: 6

Sesiapa Menghafal 99 Nama Allah Akan Masuk Syurga.

Sabda Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*:

إِنَّ لِلَّهِ تِسْعَةَ مِائَةً أَسْمًا وَتِسْعِينَ أَسْمًا إِلَّا وَاحِدًا مِنْ أَحْصَاهَا¹⁰²
دَخَلَ الْجَنَّةَ.

*Sesungguhnya Allah memiliki 99 nama, seratus kurang satu, sesiapa yang menghitungnya (menghafalnya) akan masuk syurga.*¹⁰²

Kemusykilan:

Benarkah dengan menghafal nama-nama Allah sahaja, seseorang itu akan masuk syurga?

Penjelasan:

Hadis di atas termasuk dalam kumpulan hadis-hadis *Fadhilat*, iaitu yang menerangkan keutamaan mengamalkan sesuatu perkara yang baik atau meninggalkan sesuatu perkara yang buruk. Sesiapa yang mengamalkan hadis-hadis fadhilat

¹⁰² **Sahih:** Hadis daripada Abu Hurairah *radhiallahu 'anh*, dikeluarkan oleh Ahmad, al-Bukhari, Muslim dan lain-lain, lihat *Sahih al-Bukhari* – no: 7392 (*Kitab Tauhid, Bab Sesungguhnya Allah memiliki 100 nama kurang satu*). Dalam kurungan adalah salah satu daripada lafadz Muslim, lihat *Sahih Muslim* – no: 2677.

akan memperoleh ganjaran yang dijanjikannya dengan syarat:

Pertama:

Terlebih dahulu melengkapkan dirinya dengan asas-asas yang membentuk dasar Islam seperti berpegang teguh kepada Rukun Iman yang enam dan Rukun Islam yang lima, tidak menyekutukan Allah dengan apa jua, tidak menderhakai ibubapa, tidak menyakiti sesama umat, tidak memecahkan kesatuan (jamaah) umat Islam, keluar berjihad apabila suasana mewajibkannya dan pelbagai lagi.

Seseorang yang melengkapkan dirinya dengan dasar-dasar agama maka dia akan memperolehi syurga. Sesiapa yang mengamalkan hadis-hadis fadhilat tetapi tidak melengkapkan dirinya dengan dasar-dasar agama maka dia tidak akan memperolehi syurga.

Sesiapa yang melengkapkan dirinya dengan dasar-dasar agama dan pada waktu yang sama mengamalkan hadis-hadis fadhilat maka dia akan memperoleh syurga dengan lebih mudah dan pantas serta dianugerahkan beberapa ganjaran tambahan yang lain. Dalam ertikata lain, mengamalkan hadis-hadis fadhilat adalah suatu bonus di atas modal yang sedia ada.

Kedua:

Mengamalkan hadis-hadis fadhilat bukanlah seperti apa yang zahir dari hadis-hadis tersebut tetapi adalah berdasarkan sebab, maksud dan tujuannya. Sebagai contoh, sabda Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*:

مَنْ قَرَأَ ((قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ)) عَشْرَ مَرَّاتٍ بَئِيْلَهُ لَهُ بَيِّنًا
فِي الْجَنَّةِ.

*Sesiapa yang membaca: “Qul huwalLahu Ahad” (surah al-Ikhlas) sepuluh kali maka Allah membina untuknya sebuah rumah di syurga.*¹⁰³

Membaca di sini bukanlah membaca sepetimana kita membaca akhbar tetapi adalah bacaan yang dengannya dapat meneguhkan akidah, memantapkan tauhid, menguatkan iman dan menafikan sebarang anggapan buruk terhadap Allah ‘Azza wa Jalla. Hanya melalui bacaan seperti ini seseorang itu akan memperoleh ganjaran yang dijanjikan.

Kita sama-sama tahu bahawa mendapatkan ganjaran syurga bukanlah sesuatu yang mudah, sebagaimana firman Allah:

¹⁰³ **Sahih:** Hadis daripada Mu‘adz bin Anas *radhiallahu ‘anh*, dikeluarkan oleh Ahmad dan dinukil serta dinilai *dha‘if* oleh al-Suyuti dalam *al-Jamii’ al-Sagheir* – no: 8946. Namun Nasr al-Din al-Albani menilainya *sahih* berdasarkan beberapa hadis lain yang semakna yang menguatkannya, lihat *Silsilah Hadits Shahih* – no: 589.

أَمْ حَسِبْتُمْ أَنْ تَدْخُلُوا الْجَنَّةَ وَلَمَّا يَأْتِكُمْ مَثْلُ الَّذِينَ خَلَوْا مِنْ
قَبْلِكُمْ.

Adakah patut kamu menyangka bahawa kamu akan masuk syurga, padahal belum sampai kepada kamu (ujian dan cubaan) seperti yang telah berlaku kepada orang-orang yang terdahulu daripada kamu? [al-Baqarah 2:214].

Demikianlah dua syarat penting yang perlu diketahui apabila berinteraksi dengan hadis-hadis *Fadhilat*.

Kembali kepada hadis yang dipersoalkan, maksud hadis di atas bukanlah sekadar menghafal tetapi mengetahui maksud nama-nama tersebut. Berdasarkan pengetahuan ini, seseorang itu akan mengenal Allah dengan pengenalan yang betul. Inilah yang akhirnya menjadi sarana yang memudahkannya memasuki syurga.¹⁰⁴

¹⁰⁴ Untuk mengetahui maksud dan cara melaksanakan nama-nama Allah tersebut, disyorkan mengkaji buku berikut:

[1] Ibn Qayyim al-Jauziyah: *Asma-ul Husna – Nama-nama Indah Allah* (terj: Samson Rahman; Pustaka al-Kautsar, Jakarta 2001).

[2] Muhammad Quraish Shihab: *Meyingkap Tabir Illahi: Asma al-Husna dalam Perspektif al-Qur'an* (Lentera Hati, Jakarta 1998).

Pada waktu yang sama boleh ditinggalkan buku-buku yang memberi sekian-sekian fadilat palsu kepada sesiapa yang berzikir nama-nama Allah dengan kaedah dan jumlah yang tertentu. Adapun menyebut nama-nama Allah dalam bentuk lagu atau nasyid, bagi penulis adalah tidak mengapa jika ia dilakukan atas tujuan memudahkan ingatan.

CONTOH NO: 7

Muka Manusia Adalah Daripada Imej Allah.

Sabda Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*:

إِذَا قَاتَلَ أَحَدُكُمْ أَخَاهُ، فَلْيَجْتَنِبْ الْوِجْهَةَ. فَإِنَّ اللَّهَ خَلَقَ آدَمَ عَلَى صُورَتِهِ.

*Apabila seseorang kamu bergaduh dengan saudaranya, hendaklah dia menjauhi dari memukul muka kerana sesungguhnya Allah mencipta Adam atas imejnya.*¹⁰⁵

Kemusykilan:

Berdasarkan hadis di atas, adakah ia bererti bahawa wajah manusia ini dicipta daripada imej wajah Allah?

Penjelasan:

Maha Suci Allah daripada menyerupai atau diserupai oleh mana-mana makhluk ciptaan-Nya. Firman Allah:

¹⁰⁵ **Sahih:** Hadis daripada Abu Hurairah *radhiallahu 'anh*, dikeluarkan oleh Ahmad, Muslim dan lain-lain, lihat *Sahih Muslim* – no: 2612-4 (*Kitab al-Birr..., Bab Larang daripada memukul muka*).

لَيْسَ كَمِثْلِهِ شَيْءٌ وَهُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ.

Tiada sesuatupun yang seumpama dengan-Nya dan Dia-lah Yang Maha Mendengar, lagi Maha Melihat. [al-Syura 42:11]

وَمَنْ يَكُنْ لَهُ كُفُواً أَحَدٌ.

Dan tidak ada sesiapapun yang serupa dengan-Nya.
[al-Ikhlas 112:04]

Hadir yang dipersoalkan di atas sebenarnya tidak bererti bahawa wajah manusia dicipta berdasarkan imej Allah. Perkataan “nya” dalam sabda Rasulullah *shallallahu ‘alaihi wasallam*: *Sesungguhnya Allah mencipta Adam atas imejnya* sebenarnya merujuk kepada objek yang terdekat dalam susunan lafaz di atas iaitu kepada manusia dan bukannya Allah.

Keseluruhan hadis ini sebenarnya melarang seseorang itu memukul muka orang lain kerana muka orang yang akan dipukul itu adalah juga seperti mukanya, seakan-akan apabila dia memukul dan mencederakan muka orang lain, dia memukul dan mencederakan mukanya sendiri.

Ada juga tafsiran kedua, di mana hadis ini bererti bahawa Allah ‘Azza wa Jalla telah mencipta wajah manusia sesuai dengan sifat-sifat dan ciri-ciri kehidupan manusia itu sendiri. Sebagaimana Allah juga mencipta lain-lain makhluk dengan wajah mereka yang tersendiri sesuai dengan sifat-sifat dan ciri-ciri kehidupan mereka. Oleh itu janganlah memukul muka seseorang kerana kecederaan yang mungkin terjadi akan merosakkan kesempurnaan hidupnya.

Terdapat sebuah riwayat lain yang berbunyi:

لَا تُقَبِّحُوا الْوَجْهَ فَإِنَّ آدَمَ عَلَىٰ صُورَةِ الرَّحْمَنِ.

*Janganlah mencederakan wajah kerana sesungguhnya (wajah) anak Adam adalah atas imej al-Rahman.*¹⁰⁶

¹⁰⁶ **Dha‘if:** Hadis daripada ‘Abdullah ibn ‘Umar radhiallahu ‘anh, dikeluarkan oleh ‘Abdullah bin Ahmad bin Hanbal dalam *al-Sunnah li ‘Abdullah bin Ahmad* (*tahqiq*: M. Sa‘id Salim; Dar Ibn al-Qayyim 1406H) no: 498 & 1076, Ibn Abi ‘Ashim dalam *Kitab al-Sunnah* (*tahqiq & takhrij*: N. al-Albani; Maktabah al-Islami, Beirut 1993) no: 517, al-Daruquthni dalam *al-Sifat* (*tahqiq*: Abdul Allah al-Ghaniman; Maktabah al-Dar, Madinah 1402H) – no: 048 dan al-Thabarani dalam *al-Mu‘jam al-Kabir* – no: 13580; semuanya dari jalan al-‘Amash, daripada Habib bin Abi Thabit, daripada ‘Atha’, daripada Ibn ‘Umar. Habib bin Abi Thabit al-Kufi adalah perawi yang *tadlis*. Lihat Ibn Hajar al-Asqalani – *Tabaqat al-Mudallis* (Maktabah al-Manar, Amman 1983), perawi no: 069.

Juga dikeluarkan oleh Ibn Abi ‘Ashim dalam *Kitab al-Sunnah* – no: 521 daripada Abu Hurairah radhiallahu ‘anh dengan lafaz yang sedikit berbeza, dari

Riwayat ini menerangkan bahawa wajah manusia adalah dari imej *al-Rahman*, yakni Allah ‘Azza wa Jalla. Namun riwayat ini adalah *dha’if* dan tertolak kerana Maha Suci Allah daripada menyerupai atau diserupai oleh makhluk ciptaan-Nya.

jalan Ibn Lahi‘ah dan adalah beliau seorang yang *tadlis*. Berkata Ibn Hibban: *Adalah dia (meriwayat secara) tadlis daripada (para perawi yang) dha’if* [Ibrahim bin muhammad – *Al-Tibyan li Asma’ al-Mudallis* (Muasasah al-Rayyan, Beirut 1994), *perawi no: 42*]. ‘Abdullah bin Lahi‘ah adalah juga seorang yang *dha’if*, lihat *al-Nasa’i – al-Dhu’afa’ wa al-Matrakin* (Muasasah al-Kitab al-Thaqafi, Beirut 1985), *perawi no: 346* dan *al-Uqaili – Dhu’afa’ al-Kabir* (Dar al-Kutub al-Ilmiyah, Beirut 1998), *perawi no: 867*.

Kedua-dua jalan ini mungkin boleh dianggap saling menguat antara satu sama lain tetapi ia tetap tertolak kerana dalam bab ini telah ada hadis lain yang *sahih* yang tidak menghubungkan wajah Adam dengan imej Allah. Yang *sahih* inilah yang benar dan diterima.

CONTOH NO: 8

**Seseorang Masuk Syurga Hanya Kerana Rahmat Allah
Dan Bukan Kerana Amalannya.**

Sabda Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*:

لَا يُدْخِلُ أَحَدًا مِنْكُمْ عَمَلًا جَنَّةً. وَلَا يُجْزِيَهُ مِنَ النَّارِ. وَلَا
أَنَا. إِلَّا بِرَحْمَةِ مِنَ اللَّهِ.

*Tidaklah dimasukkan seseorang daripada kamu ke dalam syurga kerana amalannya. Dan tidak dijauhkan daripada neraka (kerana amalannya). Dan tidak juga aku. Kecuali dengan rahmat daripada Allah.*¹⁰⁷

Kemusykilan:

Adakah dengan hadis ini bererti kita tidak perlu mengerjakan amal soleh termasuk beribadah kerana yang menyebabkan kita masuk syurga atau neraka hanyalah rahmat Allah yang sama-sama kita ketahui dikurniakan kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya sahaja?

¹⁰⁷ **Sahih:** Hadis daripada Jabir bin 'Abdullah *radhiyallahu 'anh*, dikeluarkan oleh Ahmad dan Muslim, lihat *Sahih Muslim* – no: 2817 (*Kitab Sifat Hari Kiamat, Syurga dan Neraka, Bab Tidak dimasukkan seseorang ke syurga.....*).

Penjelasan:

Hadir ini perlu kita fahami bersama ayat-ayat al-Qur'an berikut ini yang semuanya menerangkan bahawa seseorang itu akan masuk syurga kerana amalannya:

وَبَشِّرُ الدِّينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ أَنَّ لَهُمْ جَنَّاتٍ بَخْرِي
مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ.

Dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang beriman dan beramal soleh, sesungguhnya mereka beroleh syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai. [al-Baqarah 2:25]

وَنُودُوا أَنْ تِلْكُمُ الْجَنَّةُ أُورِثُتُمُوهَا إِمَّا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ.

Dan mereka diseru: “Itulah Syurga yang diberikan kamu mewarisinya dengan sebab apa yang kamu telah kerjakan” [al-A'raaf 7:43]

يَقُولُونَ سَلَامٌ عَلَيْكُمْ اذْخُلُوا الْجَنَّةَ إِمَّا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ.

Sambil malaikat itu berkata kepada mereka: “Selamat sejahtera kepada kamu; masuklah ke dalam Syurga disebabkan amal baik yang telah kamu kerjakan”.

[al-Nahl 16:32]

Oleh itu apakah maksud sebenar hadis di atas?

Maksudnya adalah, seseorang itu dengan rahmat Allah '*Azza wa Jalla* akan mengerjakan amal soleh dan dengan itu dia akan dimasukkan ke dalam syurga. Dalam ertikata lain, seseorang itu memerlukan kedua-duanya, rahmat Allah dan amal soleh untuk masuk syurga.

Rahmat Allah bererti hidayah, bimbingan dan pemeliharaannya sehingga dengan itu seseorang akan beramal soleh dengan apa yang benar secara ikhlas. Tanpa rahmat Allah, mungkin sahaja seseorang itu beramal tetapi ia adalah satu bid'ah atau dengan sifat ria' yang menyebabkan amalan tersebut tidak diterima Allah.

Hadis ini bertujuan memberi dua pengajaran kepada kita:

Pertama:

Janganlah berbesar diri atau angkuh seandainya tergolong dalam orang-orang yang selalu mengerjakan amal soleh. Kedudukan dalam golongan ini hanyalah kerana rahmat Allah. Oleh itu hendaklah mensyukurinya dengan cara yang

sebenar-benarnya kerana Allah berhak untuk menarik balik rahmat-Nya pada bila-bila masa sahaja. Firman Allah:

وَإِذْ تَأَذَّنَ رَبُّكُمْ لَئِنْ شَكَرْتُمْ لَأَزِيدَنَّكُمْ وَلَئِنْ كَفَرْتُمْ إِنَّ عَذَابِي
لَشَدِيدٌ.

*Dan (ingatlah) ketika Tuhan kamu memberitahu:
“Demi sesungguhnya! Jika kamu bersyukur nescaya Aku akan tambahi nikmat-Ku kepada kamu, dan demi sesungguhnya jika kamu kufur sesungguhnya azab-Ku amatlah keras”. [Ibrahim 14:07]*

Kedua:

Janganlah orang yang menghadapi banyak ujian dan halangan untuk mengerjakan amal soleh berputus asa daripada rahmat Allah. Demikian juga janganlah orang-orang yang selama ini terjerumus dalam perkara-perkara maksiat dan mungkar berputus asa daripada kemaafan Allah jika dia bertaubat. Allah *Subahana wa Ta’ala* akan mengurniakan rahmat-Nya pada bila-bila masa yang terdekat, yang dengan rahmat tersebut dia akan dapat mengerjakan amal soleh yang membawanya ke syurga. Firman Allah:

قُلْ يَا عِبَادِيَ الَّذِينَ أَسْرَفُوا عَلَىٰ أَنْفُسِهِمْ لَا تَقْنَطُوا مِنْ رَحْمَةِ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يَغْفِرُ الذُّنُوبَ جَمِيعًا إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّجِيمُ.

Katakanlah: “Hai hamba-hamba-Ku yang melampaui batas terhadap diri mereka sendiri, janganlah kamu berputus asa dari rahmat Allah. Sesungguhnya Allah mengampuni dosa-dosa semuanya. Sesungguhnya Dia adalah Yang Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.” [al-Zumar 39:53]

Penjelasan Tambahan:

Di kalangan ahli ilmu ada yang menjelaskan, maksud hadis ini adalah ganjaran syurga amatlah besar sehingga ia tidak terbanding dengan amal soleh yang dikerjakan ketika di dunia. Justeru amalan seseorang sahaja tidak akan cukup untuk melayakkan dirinya menikmati segala yang ada di dalam syurga. Akan tetapi dengan rahmat Allah jualah seseorang itu dapat memasuki syurga dan menikmati segala anugerah di dalamnya.¹⁰⁸

¹⁰⁸ Lebih lanjut rujuk buku saya *47 Persoalan Qadar dan Qadha*.

CONTOH NO: 9

Anak Kecil Yang Ditanam Hidup-Hidup Akan Masuk Neraka.

Sabda Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*:

الْوَاءِدُهُ وَالْمَوْءُودُهُ فِي النَّارِ.

*Orang yang menanam hidup-hidup dan (bayi) perempuan yang ditanam (hidup-hidup, kedua-duanya) di dalam neraka.*¹⁰⁹

Kemusykilan:

Kenapakah bayi yang ditanam hidup-hidup tempatnya nanti ialah dalam neraka? Apakah salah bayi tersebut?

Penjelasan:

Hadis di atas pada zahirnya memang kelihatan musykil lagi bertentangan dengan lain-lain dalil al-Qur'an dan Hadis. Allah *Subhanahu wa Ta 'ala* berfirman:

¹⁰⁹ **Sahih:** Hadis daripada 'Abdullah ibn Mas'ud *radhiallahu 'anh*, dikeluarkan oleh Abu Daud, Ibn Hibban, al-Bazzar dan al-Thabarani (*al-Mu'jam al-Kabir*); dinilai *sahih* oleh Nasr al-Din al-Albani dalam *Sahih Sunan Abu Daud* – no: 4717 (*Kitab Sunnah, Bab Anak cucu orang musyrikin*).

وَإِذَا الْمَوْعُودَةُ سُئِلَتْ . بِأَيِّ ذَنْبٍ قُتِلَتْ .

Dan apabila anak perempuan yang ditanam hidup-hidup ditanya: “Dengan dosa apakah ia dibunuh?” [al-Takwir 81:8-9]

وَلَا تَنْزُرْ وَازِرَةً وَرْزَ أُخْرَى وَمَا كُنَّا مُعَذِّبِينَ حَتَّىٰ تَبَعَثَ رَسُولًا .

Dan seseorang yang boleh memikul, tidak akan memikul dosa perbuatan orang lain. Dan tiadalah Kami mengazabkan sesiapapun sebelum Kami mengutuskan seorang Rasul (untuk menerangkan yang benar dan yang salah). [al-Israa’ 17:15]

Yakni seseorang bayi yang ditanam hidup-hidup tidak akan diazab kerana dosa ibubapa yang menanamnya. Seseorang bayi juga tidak akan diazab jika mati dalam keadaan belum mengucap dua kalimah syahadah kerana belum sampai kepadanya risalah Islam yang dibawa oleh Rasulullah *shallallahu ‘alaihi wasallam* kepadanya.

Sabda Rasulullah *shallallahu ‘alaihi wasallam*:

آلَّيْ فِي الْجَنَّةِ وَالشَّهِيدُ فِي الْجَنَّةِ وَالْمَوْلُودُ فِي الْجَنَّةِ وَالْوَئِيدُ

فِي الْجَنَّةِ.

Para Nabi berada di dalam syurga dan para syuhada berada di dalam syurga dan anak-anak yang baru lahir berada di dalam syurga dan anak-anak yang ditanam hidup-hidup berada di dalam syurga.¹¹⁰

Justeru apakah maksud hadis yang dipersoalkan di atas? Jawapannya akan ditemui dengan mengkaji firman Allah dalam ayat berikut ini:

ثُمَّ لَنَحْنُ أَعْلَمُ بِالَّذِينَ هُمْ أَوْلَىٰ بِهَا صِلَيْاً。 وَإِنْ مِنْكُمْ إِلَّا
وَارِدُهَا كَانَ عَلَىٰ رَبِّكَ حَتْمًا مَقْضِيًّا。 ثُمَّ نُنْهِيُ الَّذِينَ اتَّقَوْا وَنَذَرُ
الظَّالِمِينَ فِيهَا حِشِّيًّا。

Kemudian, sesungguhnya Kami lebih mengetahui akan orang-orang yang lebih patut diseksa dan dibakar dengan api neraka itu.

Dan tiada seorangpun di antara kamu melainkan

¹¹⁰ **Sahih:** Hadis daripada Umm Hasana' binti Mu'awiyah, daripada ibunya *radiallahu 'anha*, dikeluarkan oleh Ahmad, Ibn Abi Syaibah, Abu Daud, al-Thabarani (*Mu'jam Kabir*) dan al-Baihaqi (*al-Sunan al-Kubra*), di atas dengan lafaz Ahmad, dinilai sahih oleh Hamzah Ahmad Zain dalam *Musnad Ahmad* – no: 20461 (*Musnad hadis daripada lelaki Ansar, hadathana Muhammad bin Jaafar.....*).

akan sampai kepadanya (neraka); (yang demikian) adalah satu perkara yang mesti (berlaku) yang telah ditetapkan oleh Tuhanmu.

Kemudian Kami akan selamatkan orang-orang yang bertaqwa, dan kami akan biarkan orang-orang yang zalim tinggal berlutut di dalam neraka itu. [Maryam 19:70-72]

Dalam ayat-ayat ini diterangkan bahawa setiap orang akan sampai ke neraka pada Hari Akhirat kelak. Namun pada saat itu akan dipisahkan antara ahli neraka dan ahli syurga. Ahli neraka akan tertinggal di dalamnya manakala ahli syurga akan meneruskan perjalanan ke syurga. Dalam ertikata lain, untuk memasuki syurga, semua ahlinya akan melalui neraka terlebih dahulu. Mereka tidak akan diazab dalam neraka melainkan sekadar melaluinya.¹¹¹

Demikian juga anak-anak yang yang ditanam hidup-hidup sepetimana hadis yang sedang dibincangkan. Dia

¹¹¹ Lihat mana-mana kitab tafsir terhadap ayat 70 hingga 72 dari surah Maryam. Ada juga yang berkata, erti “*sampai ke Neraka*” adalah melintas *Jambatan al-Sirath* di atas neraka.

Untuk mengetahui perjalanan seseorang di Hari Kiamat nanti dari saat *Kebangkitan* sehingga ke *Neraka atau Syurga*, lihat buku ‘Umar Sulaiman al-Asyqar – *Kiamat Besar* (terj: Hilman Subagyo, Serambi Ilmu Semesta, Jakarta 2001). Selain itu lihat juga buku beliau dalam siri yang sama: *Kiamat Kecil dan Tanda-Tanda Kiamat Besar* oleh penerbit yang sama.

bukan berada di dalam neraka kerana diazab tetapi hanya sekadar melaluinya sahaja. Destinasi akhir anak-anak tersebut ialah syurga sepetimana jamin Rasulullah dalam hadisnya yang lain: *dan anak-anak yang ditanam hidup-hidup berada di dalam syurga.*¹¹²

Inilah juga tafsiran terhadap sebuah hadis lain di mana datang seseorang bertanya kepada Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* tentang ayahnya: “*Ya Rasulullah! Di manakah ayahku?*” *Rasulullah menjawab:* “*Ayah kamu dalam neraka.*” *Setelah lelaki itu beralih, Rasulullah menambah:*

إِنَّ أَبِي وَأَبَاكَ فِي النَّارِ.

“*Sesungguhnya ayahku dan ayah kamu berada dalam neraka.*”¹¹³

Beradanya ayah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* dan orang yang bertanya di dalam neraka bukanlah

¹¹² Untuk mengetahui kedudukan dan nasib anak-anak kecil yang meninggal dunia di Hari Akhirat nanti, Islam atau bukan Islam, lihat buku *Syurga dan Neraka* oleh 'Umar Sulaiman al-Asyqar (terj: Fanis Ismail, Serambi Ilmu Semesta, Jakarta 2001), ms 195-203.

¹¹³ **Sahih:** Hadis daripada Anas bin Malik *radhiallahu 'anh*, dikeluarkan oleh Ahmad, Muslim, Abu Daud dan lain-lain, lihat *Sahih Muslim* – no: 203 (*Kitab al-Iman, Bab Menjelaskan sesiapa yang mati dalam kekafiran.....*).

merupakan kepastian bahawa mereka sedang diazab tetapi bagi menerangkan bahawa pada Hari Akhirat nanti mereka akan sampai ke neraka.

Penjelasan Tambahan:

Di kalangan ahli ilmu ada yang menjelaskan bahawa hadis: *Sesungguhnya ayahku dan ayah kamu berada dalam neraka* sememangnya menunjukkan bahawa ayah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* diazab di dalam neraka.

Ini kerana pada zaman ayah Rasulullah masih hidup, risalah tauhid sudah tersebar di Semenanjung Arab kesan daripada dakwah nabi-nabi yang terdahulu. Sementara ayah Rasulullah pula tidak mentauhidkan Allah dan tidak beribadah kepada-Nya sahaja.

Namun ada juga ahli ilmu yang menolak penjelasan ini. Mereka menerangkan bahawa kedudukan ayah Rasulullah dan orang-orang yang hidup sebelum baginda diutus menjadi Rasul diserahkan kepada Allah *Subhanahu waTa'ala*. Allah sahaja yang akan menghukum dan menentukan kedudukan mereka pada Hari Akhirat kelak.

CONTOH NO: 10

Umat Terbaik Ialah Yang Hidup Bersendirian Di Lereng Gunung.

Datang seorang lelaki bertanya kepada Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*: “*Siapakah manusia yang terbaik?*” Baginda menjawab:

مُؤْمِنٌ يُجَاهِدُ فِي سَيِّلِ اللَّهِ بِنَفْسِهِ وَمَا لَهُ.

“*Seorang mukmin yang berjihad di jalan Allah dengan nyawa dan hartanya.*” Lelaki itu bertanya lagi: “*Kemudian siapa?*” Baginda menjawab:

مُؤْمِنٌ فِي شَعْبٍ مِنْ الشَّعَابِ يَتَقَرَّبُ إِلَى اللَّهِ وَيَدْعُ النَّاسَ مِنْ شَرِّهِ.

*Seorang mukmin yang tinggal di lereng-lereng gunung untuk beribadah kepada Allah dan meninggalkan masyarakat kerana kejahanan-kejahanan mereka.*¹¹⁴

¹¹⁴ **Sahih:** Hadis daripada Abu Sa‘id al-Khudri *radhiallahu ‘anh*, dikeluarkan oleh Ahmad, al-Bukhari, Muslim, al-Tirmizi dan lain-lain, lihat *Sahih al-Bukhari* – no: 2786 (*Kitab Jihad, Bab Seutama-utama manusia adalah.....*).

Kemusykilan:

Hadis di atas nampaknya menganjurkan umat Islam untuk mengasingkan diri jauh dari masyarakat. Adakah cara hidup sebegini merupakan cara yang dituntut oleh Islam?

Penjelasan:

Cara hidup yang dituntut oleh Islam ialah bermasyarakat, bersosial, saling membantu dan berinteraksi. Hadis di atas sebenarnya bukanlah menganjurkan umat Islam untuk hidup bersendirian. Ia sebenarnya menganjurkan umat Islam untuk mengasingkan diri daripada terikut atau terpengaruh sama dengan kejahatan masyarakat yang mereka hidup bersama. Ungkapan *tinggal di lereng-lereng gunung* adalah satu kiasan yang bererti menyisihkan diri dengan satu renggangan yang jauh. Bukti yang mengalih ungkapan tersebut daripada yang sebenar (*hakiki*) kepada kiasan (*majaz*) adalah sejumlah ayat-ayat al-Qur'an yang menerangkan konsep hidup umat Islam, seperti saling menolong, menganjurkan kebaikan serta mencegah kemungkaran:

وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أَوْلَيَاءُ بَعْضٍ يَأْمُرُونَ

بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَا عَنِ الْمُنْكَرِ وَيُقْيمُونَ الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ
وَيُطِيعُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ أُولَئِكَ سَيِّدُنَا هُنَّ الَّذِينَ هُمُ الْمُحْسِنُونَ

Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, setengahnya menjadi penolong bagi setengahnya yang lain; mereka menyuruh berbuat kebaikan, dan melarang daripada berbuat kejahanan; dan mereka mendirikan sembahyang dan memberi zakat, serta taat kepada Allah dan Rasul-Nya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah; sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana. [al-Taubah 9:71]

Saling berkomunikasi dalam rangka berdakwah, berdialog dan bertukar pendapat ke arah kebenaran:

ادْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَادِلْهُمْ
بِالْتِي هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ مِنْ ضَلَالٍ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ
بِالْمُهْتَدِينَ.

Serulah ke jalan Tuhanmu dengan hikmah kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dia

lah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalan-Nya, dan Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk. [al-Nahl 16:125]

Oleh itu hadis di atas sebenarnya menganjurkan umat untuk mengasingkan diri daripada segala kejahatan masyarakat, bukan mengasingkan diri daripada kehidupan bermasyarakat. Mengasingkan diri tidaklah bererti lain-lain suruhan agama seperti hidup berjamaah, saling tolong menolong, berdakwah dan melakukan ‘amar ma‘aruf dan nahi mungkar kepada masyarakat tidak perlu dilaksanakan lagi. Ketahuilah bahawa yang turut menjadi salah satu ciri terbaik orang Islam ialah saling membantu sehingga dapat memberi manfaat kepada saudaranya. Rasulullah *shallallahu ‘alaihi wasallam* bersabda:

خَيْرُ النَّاسِ أَنْفَعُهُمْ لِلنَّاسِ.

*Sebaik-baik manusia adalah yang paling bermanfaat kepada manusia (lain).*¹¹⁵

¹¹⁵ **Hasan:** Hadis daripada Jabir bin ‘Abdullah *radhiallahu ‘anh*, dikeluarkan oleh al-Daruquthni dalam *al-Afraad*, dinukil oleh al-Suyuti dalam *al-Jamii’ al-Sagheir* – no: 4044 (lihat juga no: 9147) dan dinilai *hasan* oleh beliau.

Sebaliknya orang yang meninggalkan umat dan tidak mengambil peduli tentang nasib mereka, dia diberi ancaman berat oleh Rasulullah *shallallahu ‘alaihi wasallam*:

مَنْ لَمْ يَهْتَمْ بِأَمْرِ الْمُسْلِمِينَ فَلَيْسَ مَنْهُمْ.

*Sesiapa yang tidak memikirkan urusan umat Islam maka tidaklah dia termasuk golongan mereka.*¹¹⁶

Penjelasan Tambahan:

Terdapat penjelasan lain untuk hadis ini, iaitu ia ditujukan kepada orang yang berbeza latarbelakangnya. Bagi orang yang tinggi ilmunya, teguh imannya, yakin lagi memiliki jatidiri yang kuat, yang terbaik baginya ialah hidup di kalangan masyarakat yang sudah rosak. Diharapkan orang seperti ini dapat mengubah keadaan masyarakat tersebut.

Namun bagi orang yang rendah ilmunya, lemah imannya dan rendah keyakinan diri, yang terbaik baginya ialah hidup jauh dari masyarakat yang sudah rosak.

Ini dipersetujui oleh Nasr al-Din al-Albani dalam *Sahih al-Jamii’ al-Sagheir* – no: 3289.

¹¹⁶ **Hasan:** Sebahagian hadis dari Hudzaifah *radhiallahu ‘anh*, dikeluarkan oleh al-Thabarani dan al-Hakim, dinilai *hasan* oleh Mahmud Hasan Ismail dalam semakannya terhadap *al-Mu’jam al-Ausath* (Dar al-Fikr, Jordan 1999) – no: 7473.

CONTOH NO: 11

Nabi Bersanggama Dengan Semua Isterinya Pada Satu Malam.

Berkata Anas bin Malik *radhiyallahu ‘anh*:

أَنَّ نَبِيَّ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَطْوُفُ عَلَى نِسَائِهِ فِي اللَّيْلَةِ الْوَاحِدَةِ وَلَهُ يَوْمَئِذٍ تِسْعُ نِسْوَةً.

Sesungguhnya Nabi shallallahu ‘alaihi wasallam biasanya mengelilingi (menziarahi) semua isterinya pada satu malam (dengan sekali mandi), ketika itu baginda memiliki sembilan orang isteri.¹¹⁷

Kemusykilan:

Hadis ini menimbulkan beberapa kemusykilan:

Pertama: Kenapakah Rasulullah memiliki sembilan orang isteri padahal bahawa Islam hanya membenarkan empat orang isteri bagi setiap seorang suami?

¹¹⁷ **Sahih:** Athar sahabat dikeluarkan oleh Ahmad secara ringkas, oleh al-Bukhari, al-Nasa'i dan lain-lain, lihat *Sahih al-Bukhari* – no: 284 (*Kitab Mandi, Bab Seseorang yang dalam keadaan junub boleh keluar dan berjalan.....*). Tambahan dalam kurungan (*dengan sekali mandi*) adalah dari lafadz Muslim, al-Tirmizi, al-Nasa'i dan Ibn Majah, lihat *Sahih Muslim* – no: 309.

Kedua: Hadis seperti di atas lazim digunakan oleh para orientalis dan musuh-musuh Islam bahawa kononnya Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* memiliki nafsu seks yang sangat tinggi. Adakah apa-apa penjelasan yang dapat menjawab tuduhan ini?

Ketiga: Ada juga beberapa tuduhan yang mengatakan Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersanggama dengan 15 orang wanita dalam satu malam dan termasuk dalam jumlah ini adalah wanita-wanita simpanan baginda (*concubine*) yang merupakan budak hamba. Adakah tuduhan ini benar?

Penjelasan:

Kemusykilan Pertama:

Kenapakah Rasulullah memiliki sembilan orang isteri dan tidak empat sahaja?

Penjelasan:

Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* sememangnya telah diberi hukum yang berlainan berbanding kebiasaan umat dalam bab perkahwinan. Firman Allah *Subhanahu wa Ta 'ala:*

يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ إِنَّا أَحْلَلْنَا لَكَ أَرْوَاحَكَ الَّتِي آتَيْتَ أُجُورَهُنَّ
 وَمَا مَلَكْتُ يَمِينكَ مِمَّا أَفَاءَ اللَّهُ عَلَيْكَ وَبَنَاتِ عَمْكَ وَبَنَاتِ عَمَّاتِكَ
 وَبَنَاتِ خَالِكَ وَبَنَاتِ حَالَاتِكَ الَّتِي هَاجَرْنَ مَعَكَ وَأَمْرَأَةً مُؤْمِنَةً إِنْ
 وَهَبْتُ نَفْسَهَا لِلنَّبِيِّ إِنْ أَرَادَ النَّبِيُّ أَنْ يَسْتَنْكِحَهَا خَالِصَةً لَكَ مِنْ
 دُونِ الْمُؤْمِنِينَ قَدْ عَلِمْنَا مَا فَرَضْنَا عَلَيْهِمْ فِي أَرْوَاحِهِمْ وَمَا مَلَكْتُ
 أَمْيَانُهُمْ لِكَيْلًا يَكُونَ عَلَيْكَ حَرَجٌ وَكَانَ اللَّهُ غَفُورًا رَحِيمًا.

Wahai Nabi, sesungguhnya Kami telah halalkan bagimu isteri-isterimu yang engkau berikan maskahwinnya, dan hamba-hamba perempuan yang engkau miliki dari apa yang telah dikurniakan Allah kepadamu sebagai tawanan perang; dan (Kami telah halalkan bagimu berkahwin dengan sepupu-sepupumu, iaitu): anak-anak perempuan bapa saudaramu (dari sebelah bapa) serta anak-anak perempuan emak saudaramu (dari sebelah bapa), dan anak-anak perempuan bapa saudaramu (dari sebelah ibu) serta anak-anak perempuan emak saudaramu (dari sebelah ibu) yang telah berhijrah bersama-sama denganmu; dan (Kami telah halalkan bagimu) mana-mana perempuan yang beriman yang memberikan dirinya kepada Nabi (untuk dikahwininya dengan tidak membayar maskahwin)

kalaualah Nabi suka berkahwin dengannya.

Perkahwinan yang demikian adalah khas bagimu semata-mata, bukan bagi orang-orang yang beriman umumnya; sesungguhnya Kami telah mengetahui apa yang Kami wajibkan kepada orang-orang mukmin mengenai isteri-isteri mereka dan hamba-hamba perempuan yang mereka miliki; - supaya tidak menjadi keberatan bagimu. Dan (ingatlah) Allah adalah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani. [al-Ahzaab 33:50]

Kemusykilan Kedua:

Hadir ini menjadi sumber tuduhan bahawa Rasulullah memiliki nafsu seks yang tinggi.

Penjelasan:

Ketahuilah bahawa hadis di atas adalah merupakan pengkhabaran seorang sahabat dan bukannya penyataan Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*. Anas bin Malik *radhiallahu 'anh* hanya menerangkan pengamatan beliau bahawa Rasulullah lazimnya mengelilingi, yakni menziarahi semua isterinya dalam satu malam. Anas tidak berkata apa

yang dilakukan oleh Rasulullah ketika menziarahi para isterinya kerana Anas tidak ikut sama masuk ke dalam rumah. Demikian juga kata-kata ...*dengan sekali mandi*... hanyalah merupakan keterangan Anas berdasarkan pengamatan beliau dari luar sahaja. Oleh itu hadis di atas tidak boleh dijadikan hujah yang pasti lagi muktamad bahawa Rasulullah bersanggama dengan semua isterinya dalam satu malam.

Malah yang benar Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* hanya melawat para isterinya dan bertanyakan mereka seandainya ada apa-apa perkara penting yang memerlukan perhatian baginda selaku seorang suami dan pemimpin keluarga.

Hal ini sebenarnya menjadi petunjuk yang perlu diikuti oleh para suami yang mengamalkan poligami bahawa hendaklah mereka bertanyakan khabar para isteri mereka yang lain sekalipun hari tersebut bukanlah merupakan giliran mereka.

Kemusykilan Ketiga:

Tuduhan Rasulullah bersanggama dengan 15 wanita termasuk budak hamba.

Penjelasan:

Tuduhan ini adalah tidak benar dalam beberapa sudut. Pertama, apabila dikatakan jumlah isteri Rasulullah *shallallahu ‘alaihi wasallam* adalah 15 orang, ia bukanlah jumlah isteri dalam satu masa tetapi adalah jumlah isteri yang pernah dinikahi oleh Rasulullah sepanjang hidupnya. Lebih dari itu, jumlah ini juga diperselisihkan antara 11 atau 12 atau 13 atau 14 atau 15 orang.¹¹⁸

Kedua, benar apabila dikatakan bahawa Rasulullah memiliki budak hamba akan tetapi adalah tidak benar dakwaan bahawa baginda bersanggama dengan mereka tanpa dinikahi terlebih dahulu.

Ini kerana baginda telah menikahi mereka dan menjadikan taraf kebebasan (merdeka) sebagai mas kahwin mereka. Hal ini jelas dalam pelbagai riwayat yang sedia ada.

¹¹⁸ Lebih lanjut lihat buku Muhammad bin Yusuf al-Dimasyiqi – *Isteri-isteri Para Nabi* (terj: Fadhl Bahri; Darul Falah, Jakarta 1422H).

Sekalipun seseorang itu tidak mengetahui akan wujudnya riwayat-riwayat tentang pernikahan Rasulullah dengan mereka, adalah memadai dengan merujuk kepada firman Allah dalam ayat berikut:

وَأَنْكُحُوا الْأَيَامِي مِنْكُمْ وَالصَّالِحِينَ مِنْ عِبَادِكُمْ وَإِمَائِكُمْ إِنْ
يَكُونُوا فُقَرَاءٌ يُغْنِهِمُ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلَيْهِمْ. وَلَيَسْتَعْفِفُ
الَّذِينَ لَا يَجِدُونَ نِكَاحًا حَتَّى يُغْنِيَهُمُ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ وَالَّذِينَ يَبْتَعُونَ
الْكِتَابَ مِمَّا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ فَكَاتِبُوهُمْ إِنْ عَلِمْتُمْ فِيهِمْ خَيْرًا وَآثُورُهُمْ
مِنْ مَا إِلَيْهِ اللَّهِ الَّذِي آتَيْتُمْ وَلَا تُكْرِهُوْ فَتَيَاهِتُكُمْ عَلَى الْبِعَاءِ إِنْ أَرْدَنَ
تَحْصُنَا لِتَبَتَّعُوا عَرَضَ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَمَنْ يُكْرِهُهُنَّ فَإِنَّ اللَّهَ مِنْ بَعْدِ
إِكْرَاهِهِنَّ عَفُورٌ رَّحِيمٌ.

Dan kahwinkanlah orang-orang bujang (lelaki dan perempuan) dari kalangan kamu, dan orang-orang yang soleh dari hamba-hamba kamu, lelaki dan perempuan. Jika mereka miskin, Allah akan memberikan kekayaan kepada mereka dari limpah kurnia-Nya kerana Allah Maha Luas (rahmat-Nya dan limpah kurnia-Nya), lagi Maha Mengetahui.

Dan orang-orang yang tidak mempunyai

kemampuan berkahwin, hendaklah mereka menjaga kehormatannya sehingga Allah memberi kekayaan kepada mereka dari limpah kurnia-Nya;

Dan hamba-hamba kamu (lelaki dan perempuan) yang hendak membuat surat perjanjian untuk memerdekaan dirinya (dengan jumlah bayaran yang tertentu), hendaklah kamu melaksanakan perjanjian itu dengan mereka jika kamu mengetahui ada sifat-sifat yang baik pada diri mereka (yang melayakkannya berbuat demikian); dan berilah kepada mereka dari harta Allah yang telah dikurniakan kepada kamu.

Dan janganlah kamu paksakan hamba-hamba perempuan kamu melacurkan diri manakala mereka mahu menjaga kehormatannya, kerana kamu berkehendakkan kesenangan hidup di dunia. Dan sesiapa yang memaksa mereka, maka sesungguhnya Allah - sesudah paksaan yang dilakukan kepada mereka - Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani. [al-Nur 24:32-33]

Dalam ayat di atas jelas perintah Allah kepada umat Islam untuk bernikah termasuk kepada para hamba yang mereka miliki. Di akhir ayat Allah melarang umat Islam untuk

memaksa para hamba untuk melakukan pelacuran sama ada terhadap diri mereka sendiri (tuannya) atau kepada orang lain. Dalam ertikata lain, Islam melarang para hamba daripada disanggama oleh sesiapa melainkan mereka dinikahi terlebih dahulu.

Hukum ini adalah sama kepada Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*, berdasarkan firman Allah yang telah disebut di atas: *Wahai Nabi, sesungguhnya Kami telah halalkan bagimu isteri-isterimu yang engkau berikan maskahwinnya, dan hamba-hamba perempuan yang engkau miliki dari apa yang telah dikurniakan Allah kepadamu sebagai tawanan perang...* [al-Ahzaab 33:50], di mana maksud *kami telah halalkan bagimu* ialah kebolehan untuk menikahi para hamba tersebut jika Rasulullah berkehendak kepada mereka.

CONTOH NO: 12

Allah “Turun” Ke Langit Dunia.

Sabda Rasulullah *shallallahu ‘alaihi wasallam*:

يَنْزِلُ رَبُّنَا تَبَارَكَ وَتَعَالَى كُلَّ لَيْلَةٍ إِلَى السَّمَاءِ الدُّنْيَا. حِينَ يَبْقَى ثُلُثُ اللَّيْلِ الْآخِرُ، فَيَقُولُ: مَنْ يَدْعُونِي فَأَسْتَجِيبَ لَهُ وَمَنْ يَسْأَلُنِي فَأُعْطِيهُ وَمَنْ يَسْتَعْفِرُنِي فَأَعْفِرُ لَهُ.

Tuhan kami (Allah) Tabaraka wa Ta‘ala pada setiap malam turun ke langit dunia, yakni pada baki terakhir satu pertiga malam. Maka Allah berfirman: “Siapakah yang sedang berdoa kepada aku supaya dapat aku menjawabnya dan siapakah yang sedang meminta daripada aku supaya aku dapat mengabulkannya dan siapakah yang sedang meminta ampun daripada aku supaya dapat aku ampuni dia?”¹¹⁹

Kemosykilan:

Difahami bahawa hadis di atas menerangkan betapa tinggi dan besar keutamaan beribadah di malam hari

¹¹⁹ **Sahih:** Hadis daripada Abu Hurairah radhiallahu ‘anh, dikeluarkan oleh Malik, Bukhari, Muslim dan lain-lain, lihat *Sahih Muslim – no: 758 (Kitab Solat, Bab Anjuran berdoa dan berzikir di akhir malam.....)*.

(*Qiamulail*). Akan tetapi apakah yang dimaksudkan dengan Allah “turun”, adakah ianya seperti turunnya manusia dari tempat yang tinggi ke tempat yang rendah?

Penjelasan:

Sifat “turun” dalam hadis di atas termasuk salah satu nas yang mengkhabarkan sifat-sifat Allah *Subhanahu wa Ta’ala*. Kita tidak diwajibkan mahupun dituntut untuk membahas bagaimana dan seperti apa sifat-sifat tersebut kerana kita tidak memiliki ilmu dalam bidang ini walau sedikit sekalipun. Kewajipan kita hanyalah mensuci dan mengagungkan sifat-sifat Allah (*tanzih*) daripada menyerupai mana-mana makhluknya. Firman Allah *Subhanahu wa Ta’ala*:

وَمَنْ يَكُنْ لَهُ كُفُواً أَحَدٌ.

Dan tidak ada seorangpun yang setara dengan Dia.”

[al-Ikhlas 112:4]

لَيْسَ كَمِثْلِهِ شَيْءٌ وَهُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ.

Tidak ada sesuatupun yang serupa dengan Dia dan Dia-lah Yang Maha Mendengar lagi Maha Melihat. [al-

Syura 42:11]

Nas-nas al-Sifat termasuk *al-Mutasyabihats* yang dimaksudkan oleh Allah dalam firman-Nya:

هُوَ الَّذِي أَنْزَلَ عَلَيْكَ الْكِتَابَ مِنْهُ آيَاتٌ مُّحْكَمَاتٌ هُنَّ أُمُّ الْكِتَابِ وَأُخْرُ مُنْشَاهَاتٌ فَإِنَّمَا الَّذِينَ فِي قُلُوبِهِمْ رَبِيعٌ فَيَتَبَعُونَ مَا تَشَابَهَ مِنْهُ ابْتِغَاءَ الْفِتْنَةِ وَابْتِغَاءَ تَأْوِيلِهِ وَمَا يَعْلَمُ تَأْوِيلُهُ إِلَّا اللَّهُ وَالرَّاسِخُونَ فِي الْعِلْمِ يَقُولُونَ آمَنَّا بِهِ كُلُّ مِنْ عِنْدِ رَبِّنَا وَمَا يَذَّكَرُ إِلَّا أُولُو الْأَلْبَابِ.

Dia-lah yang menurunkan Al Kitab (Al Qur'an) kepada kamu. Di antara (isi) nya ada ayat-ayat yang muhkamaat itulah pokok-pokok isi Al Qur'an dan yang lain (ayat-ayat) mutasyaabihaat.

Adapun orang-orang yang dalam hatinya condong kepada kesesatan, maka mereka mengikuti sebagian ayat-ayat yang mutasyabihat untuk menimbulkan fitnah dan untuk mencari-cari ta'wilnya, padahal tidak ada yang mengetahui ta'wilnya melainkan Allah.

*Dan orang-orang yang mendalam ilmunya berkata:
"Kami beriman kepada ayat-ayat yang mutasyabihat,*

semuanya itu dari sisi Tuhan kami.” Dan tidak dapat mengambil pelajaran (daripadanya) melainkan orang-orang yang berakal. [‘Ali Imran 3:07]

Justeru kaedah yang digunakan dalam memahami nas-nas al-Sifat adalah beriman kepadanya sebagaimana ada tanpa bertanya bagaimana dan seperti apa. Apabila dikatakan “Allah turun” maka ia hanyalah satu sifat di mana ciri-ciri dan bagaimana tata caranya tidak diketahui. Apa yang pasti ia tidak seumpama mana-mana makhluk yang wujud di alam ini.

al-Ghazali, seorang tokoh dunia Islam yang masyhur dengan kitabnya *Ihya Ulum al-Din* telah menggariskan tujuh kaedah untuk memahami nas-nas al-Sifat. Beliau berkata:¹²⁰

Setiap orang yang menerima hadis-hadis tersebut (yang membicarakan al-sifat) dalam perspektif orang awam, harus melalui 7 kaedah: (1) Penyucian (tanzih), (2) membenarkan (tashdiq), (3) pengakuan akan kelemahan diri, (4) diam (tidak memberikan komentar), (5) menahan diri untuk tidak membahas, (6) mengendalikan diri, (7) kemudian menyerahkan masalahnya kepada orang yang ahli (ahl makrifat).

¹²⁰ *Iijam al-Awam ‘an Ilmu al-Kalam* (tahqiq: Muhammad Mu’tashim biLlah; Dar al-Kitab al-‘Arabi; Beirut 1985), ms 53-54.

Seterusnya al-Ghazali menerangkan satu persatu daripada tujuh kaedah yang disebutnya:

- [1] Maksud penyucian adalah menyucikan Allah *Ta 'ala* dari sifat-sifat berjisim dan segala yang seumpamanya.
- [2] Maksud *tashdiq* adalah beriman dengan apa yang disabdarkan oleh Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* bahawa ia adalah benar kerana hal itu dikemukakan oleh orang yang jujur lagi benar. Maka apa yang dikemukakan dan dimaksudkan adalah benar.
- [3] Maksud pengakuan terhadap kelemahan diri adalah mengakui bahwa pengetahuan tentang apa yang dikehendaki (oleh Allah dengan sifat-sifat tersebut) adalah di luar batas kemampuan dirinya dan kerana hal itu bukanlah merupakan urusan dan pekerjaannya.
- [4] Maksud berdiam diri adalah tidak perlu bertanya tentang maknanya (secara berlebihan) dan tidak memperbincangkannya kerana dia tahu bahwa menanyakan masalah tersebut adalah tindakan bid'ah dan memperbincangkan masalah tersebut akan membahayakan aqidahnya malah kemungkinan besar

tanpa disedari menjadikan orang yang memperbincangkannya kufur.

- [5] Maksud menahan diri untuk tidak membahas adalah tidak mengubah kata-kata tersebut (*tashrif*), menggantikan dengan bahasa lain, menambah, mengurangi, memadukan dan memisah-misahkannya. Bahkan tidak seharusnya berkata kecuali dengan kata-kata itu sahaja sesuai dengan apa yang dikehendaki dari bentuk dan I'rab-nya.
- [6] Maksud mengendalikan diri adalah mengawal hati dan sangkaan (imaginasi) daripada berfikir-fikir tentangnya (nas-nas al-Sifat tersebut).
- [7] Maksud menyerahkan masalahnya kepada orang yang ahli adalah tidak berkeyakinan bahwa ia (nas-nas al-Sifat) tidak mampu diketahui maksudnya oleh Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*, para Nabi, para siddiqin dan para wali.¹²¹

¹²¹ Yakni serahkan masalah ini kepada orang yang ahli di mana mereka sendiri akan menasihatkan orang yang bertanya dengan kaedah 1 hingga 6 di atas. Dalam bukunya yang sama al-Ghazali menerangkan bahawa mereka yang ahli mungkin mengetahui maksudnya tetapi ia tetap merupakan dugaan dan sebaiknya ditinggalkan perbahasan tentangnya. Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*

Kembali kepada hadis “Allah turun”, bagaimana dan seperti apa turunnya Allah tidak diketahui dan tidak perlu diketahui. Apa yang pasti ianya berbeza sama sekali dengan sifat turun para makhluk-Nya. Berkata Ibn Hazm:

Dan sesungguhnya Allah Ta’ala Dia turun pada setiap malam ke langit dunia dan ini adalah satu perbuatan yang dilakukan oleh (Allah) ‘Azza wa Jalla tanpa adanya arah maupun perpindahan (dengan mengosongkan satu tempat kepada mengisi tempat yang lain)¹²² kerana arah dan perpindahan adalah dua sifat makhluk, Maha Suci Allah daripadanya (bersifat seperti makhluk).¹²³

Apa yang penting dalam memahami ayat-ayat dan hadis-hadis yang menghabarkan sifat Allah adalah memahami tujuan sifat tersebut dikhabarkan dan bukannya tentang sifat itu sendiri. Maka dalam hadis “Allah turun” di atas, yang penting adalah memahami tujuan hadis itu disampaikan yakni untuk menerangkan betapa mulianya kedudukan beribadah di malam hari. Tidak dituntut untuk membahas bagaimana tata cara “turun” tersebut.

adalah orang yang paling mengetahui tentang hal ini tetapi baginda sendiri tidak membahasnya. Justeru jika baginda tidak membahasnya apakah perlu untuk umat baginda membahasnya? Pastit tidak.

¹²² *al-Muhalla bi al-Athar* (tahqiq)’Abdul Ghaffar Sulaiman; Dar al-Kutub al-Ilmiah, Beirut tp.thn.), jld 1, m.s. 51, masalah no: 57 (*Kitab Tauhid*).

¹²³ *al-Muhalla*, jld 1, m.s. 52, masalah no: 57.

E

HADIS-HADIS MUSYKIL TENTANG AKHIR ZAMAN.

Pengenalan dan kaedah memahaminya

Hadis-hadis akhir zaman ialah hadis-hadis Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* yang menerangkan suasana dan keadaan umat selepas zaman baginda, khasnya kepada zaman yang menghampiri Hari Kiamat.

Hadis-hadis akhir zaman yang disampaikan oleh Rasulullah *shallallahu 'alaihi wassalam* adalah antara himpunan hadis yang paling disalah ertikan oleh umat Islam termasuk para cendekia wannya. Difahami kononnya Rasulullah telah meramalkan suasana keadaan umat yang serba mundur dan hina ditimpa kezaliman dan fitnah. Dengan itu umat hanya perlu duduk dan menerima apa sahaja yang menimpa mereka kerana hal ini telahpun diramalkan oleh Rasulullah.

Sebenarnya hadis-hadis akhir zaman ini boleh difahami dari dua sudut. Pertama dari sudut negatif

sebagaimana yang digambarkan di atas. Kedua dari sudut positif, iaitu hadis-hadis akhir zaman tersebut sebenarnya bertujuan memperingatkan umat akan pelbagai cabaran, rintangan dan perubahan yang akan mereka hadapi selepas kewafatan Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*. Oleh itu hendaklah mereka mempersiapkan diri mereka dengan pelbagai ilmu dan kekuatan untuk menghadapinya.

Pemahaman yang kedua inilah yang benar kerana adalah tidak mungkin Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* sebagai seorang Rasul pembawa Rahmat akan meramalkan sesuatu yang menjauhi sifat Rahmat tersebut. Firman Allah *Subhanahu wa Ta 'ala*:

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ.

Dan tiadalah Kami mengutuskan engkau (wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam. [al-Anbiyaa' 21:107]

Yusuf Qardhawi menulis:

Adalah sungguh menyediakan apabila kebanyakan hadis yang berkaitan dengan akhir zaman atau yang dinamakan sebagai hadis-hadis "fitnah" dan tanda-tanda Kiamat difahami oleh

sebahagian manusia dengan pemahaman yang mengajak kepada putus asa daripada melakukan usaha pembaikan dan perubahan.

Tidak dapat digambarkan bahawa Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* akan mengajak umatnya untuk berputus asa dan kecewa, membiarkan kerosakan menguasai masyarakat, kemungkaran menjalar di tengah-tengah tulang belakang masyarakat tanpa perlu melakukan sesuatu untuk membetulkan kesilapan atau membaiki kerosakan.

Tidak masuk akal bahawa akan timbul daripada pembawa petunjuk umat ini kata-kata yang akan meruntuhkan semangat untuk membaiki dan kehendak untuk merubah keadaan yang tidak baik.¹²⁴

Berikut dikemukakan beberapa hadis akhir zaman yang masyhur disalah ertikan.

¹²⁴ Yusuf al-Qaradhawi – *Petanda-petanda Kemenangan Islam* (terj: Juanda Jaya; Maktabah al-Qardhawi, Bandar Baru Bangi 1999), ms 38 & 121.

CONTOH NO: 1

Masa Depan Umat Kian Bertambah Buruk.

Sabda Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*:

لَا يَأْتِي عَلَيْكُمْ زَمَانٌ إِلَّا الَّذِي بَعْدَهُ شَرٌّ مِنْهُ حَتَّىٰ تَلْقَوْا
رَبَّكُمْ.

*Tidak akan datang kepada kamu satu zaman kecuali yang sesudahnya lebih buruk daripada yang sebelumnya, sehingga kamu menemui Tuhan kamu.*¹²⁵

Kemusykilan:

Hadis ini nampaknya meramalkan suasana umat Islam yang akan bertambah buruk dari masa ke masa. Kenapakah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* memberikan ramalan yang sebegini negatif terhadap umatnya?

Penjelasan:

Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* menyampaikan hadis di atas bukanlah dengan tujuan untuk

¹²⁵ **Sahih:** Hadis daripada Anas bin Malik *radhiallahu 'anh*, dikeluarkan oleh Ahmad, al-Bukhari, al-Tirmizi dan lain-lain, lihat *Sahih al-Bukhari* – no: 7068 (*Kitab Fitnah, Bab Tidak akan datang satu zaman kecuali.....*).

meramalkan suasana yang beransur-ansur buruk yang bakal menimpa umat. Ia sebenarnya bertujuan memperingatkan umat akan pelbagai cubaan, cabaran dan perubahan yang akan mereka hadapi dari zaman ke zaman. Jika umat tidak bersiap sedia menghadapinya, mereka akan ditenggelami zaman sehingga menjadilah setiap zaman yang baru lebih buruk daripada zaman yang sebelumnya.

Dalam sebuah hadisnya yang lain, Rasulullah *shallallahu ‘alaihi wasallam* menerangkan tentang masa depan umat sebagai:

مَثَلُ أُمَّتِي مَثَلُ الْمَطَرِ: لَا يُدْرِى أَوَّلُهُ خَيْرٌ أَمْ آخِرُهُ.

*Perumpamaan umatku adalah umpama hujan, tidak diketahui apakah yang baik itu pada awalnya atau akhirnya.*¹²⁶

Hadis ini tidak meramalkan sesuatu yang baik mahupun buruk tetapi memberi dorongan kepada umatnya untuk sentiasa mencari yang terbaik tanpa mengenal titik

¹²⁶ **Sahih:** Hadis daripada Anas bin Malik, ‘Amr, ‘Ali bin Abi Talib dan ‘Abdullah ibn ‘Umar *radhiallahu ‘anhm*, dikeluarkan oleh Ahmad, al-Tirmizi, Abu Ya’la dan lain-lain; dinukil dan dinilai *hasan* oleh al-Suyuti dalam *al-Jamii’ al-Sagheir* – no: 8161 manakala dinilai *sahih* oleh Nasr al-Din al-Albani dalam *Sahih al-Jamii’ al-Sagheir* – no: 5854.

noktah atau batas maksimum. Pergandingan antara hadis ini dan hadis di atas menunjukkan bahawa Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* tidak bermaksud untuk meramalkan suasana yang buruk kepada umat akhir zaman melainkan memperingatkan mereka untuk berusaha lebih keras demi mencapai kebaikan dan kejayaan selari dengan perubahan zaman.¹²⁷

¹²⁷ Lihat Yusuf al-Qaradhawi – *Fiqh Tajdid dan Shahwah Islamiyah* (terj: Nabhani Idris; Islamuna Press, Jakarta 1997), ms 7-9.

CONTOH NO: 2

Umat Terbaik Hanyalah Pada 3 Kurun Pertama.

Sabda Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*:

خَيْرُكُمْ قَرِيبُنِيْ ثُمَّ الَّذِيْنَ يَلْوَنُهُمْ ثُمَّ الَّذِيْنَ يَأْلَوْنُهُمْ.

Sebaik-baik kalian adalah pada kurun aku, kemudian pada kurun yang mengikutinya, kemudian pada kurun yang mengikutinya.

Kemudian baginda menyambung:

ثُمَّ يَكُونُ بَعْدَهُمْ قَوْمٌ يَشْهَدُونَ وَلَا يُسْتَشْهِدُونَ وَيَحْكُمُونَ وَلَا يُؤْمِنُونَ وَيَنْدُرُونَ وَلَا يَقُولُونَ وَيَظْهَرُ فِيهِمُ السَّمَنِ.

*Kemudian akan ada selepas mereka kaum yang bersaksi tanpa diminta menjadi saksi, yang akan mengkhianat dan tidak beramanah, yang berjanji tetapi tidak memenuhi dan kegemukan (sifat tamak) akan kelihatan pada mereka.*¹²⁸

¹²⁸ **Sahih:** Hadis daripada Imran bin Husain *radhiyallahu 'anh*, dikeluarkan oleh Ahmad, al-Bukhari, Muslim dan lain-lain, di atas adalah dengan lafadz al-Bukhari, lihat *Sahih al-Bukhari* – no: 3650. (*Kitab Fadhilat Sahabat*).

Kemusykilan:

Adakah dengan hadis ini bererti bahawa selepas tiga kurun yang pertama tersebut, umat Islam tidak lagi baik, sepetimana sifat-sifat tercela yang diramalkan oleh Rasulullah terhadap mereka?

Penjelasan:

Hadis di atas bukanlah bertujuan menghadkan umat Islam yang terbaik kepada tiga kurun yang pertama sahaja. Ia sebenarnya bertujuan untuk menjadikan umat Islam pada tiga kurun tersebut sebagai contoh dan modal ikutan umat-umat Islam seterusnya. Ia bertujuan menjadikan keteguhan iman dan taqwa, ketinggian ilmu, kekuatan jamaah dan keperkasaan ketenteraan mereka sebagai contoh bagi umat Islam yang akan datang. Hal ini sepetimana yang dianjurkan sendiri oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam firman-Nya:

وَالسَّابِقُونَ الْأَوَّلُونَ مِنَ الْمُهَاجِرِينَ وَالْأَنْصَارِ وَالَّذِينَ
اتَّبَعُوهُمْ بِإِحْسَانٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ وَرَضُوا عَنْهُ وَأَعَدَ اللَّهُمْ جَنَّاتٍ
بَخْرِي تَحْتَهَا الْأَنْهَارُ خَالِدِينَ فِيهَا أَبَدًا ذَلِكَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ.

Dan orang-orang yang terdahulu - yang mula-mula

(berhijrah dan memberi bantuan) dari orang-orang Muhajirin dan Ansar, dan orang-orang yang menurut (jejak langkah) mereka dengan kebaikan, Allah redha akan mereka dan mereka pula reda akan Dia, serta Dia menyediakan untuk mereka syurga-syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, mereka kekal di dalamnya selama-lamanya; itulah kemenangan yang besar. [al-Taubah 9:100]

Adapun sifat-sifat tercela yang akan berlaku selepas masa tiga kurun yang pertama, ia bukanlah ramalan yang menetapkan tetapi adalah peringatan agar umat sentiasa berhati-hati dengan pelbagai sikap sebahagian manusia yang akan datang, di mana mereka akan berpura-pura menjadi umat Islam padahal sifat mereka adalah sangat jauh daripada sifat muslim yang sejati.

CONTOH NO: 3

Islam Bermula Sebagai Asing Dan Berakhir Sebagai Asing.

Sabda Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*:

بَدَأَ الْإِسْلَامُ غَرِيبًا وَسَيَعُودُ كَمَا بَدَأَ غَرِيبًا. فَطُولَى لِلْعُرْبَاءِ.

*Islam bermula sebagai (sesuatu yang) asing dan akan kembali menjadi (sesuatu yang) asing seperti awalnya. Maka berbahagialah orang-orang yang asing itu.*¹²⁹

Kemusykilan:

Dalam hadisnya di atas Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* telah meramalkan suasana agama Islam dan umatnya sebagai sesuatu yang asing. Ini selalunya dikaitkan dengan suasana umat Islam yang kecil jumlahnya, terpinggir lagi terbuang. Apakah ini yang sebenarnya dimaksudkan oleh Rasulullah?

¹²⁹ **Sahih:** Hadis daripada Abu Hurairah, Ibn Mas'ud, Anas bin Malik, Salman al-Farisi, Suhal bin Sa'ad dan Ibn Abbas *radhiallahu 'anhm*, dikeluarkan oleh Muslim, al-Tirmizi, Ibn Majah, al-Thabarani dan lain-lain. Lihat *Sahih Muslim – no: 145 (Kitab Iman, Bab Menjelaskan bahawa Islam bermula sebagai yang asing.....)*.

Penjelasan:

Sesuatu yang asing tidaklah bererti sesuatu yang kecil atau terpinggir, ia hanya bermaksud sesuatu yang berlainan daripada yang lain. Umpamakan sebuah kedai yang menjual koleksi komik daripada pelbagai judul dan watak tetapi di satu sudut dijualnya kitab al-Qur'an al-Karim. Pasti sahaja kitab al-Qur'an tersebut dianggap "asing" oleh para pengunjung kedai, tak kira sama ada jumlah kitab al-Qur'an yang dijual itu melebihi atau mengurangi jumlah komik yang dijual. Namun keasingan kitab al-Qur'an dalam kedai tersebut tidaklah bererti ia adalah sesuatu yang memiliki nilai ilmiah dan kebenaran yang lebih rendah daripada judul-judul komik dalam kedai tersebut, bahkan ia adalah lebih utama dan mulia dengan gandaan yang besar.

Demikian juga, apabila dikatakan Islam dan umatnya akan menjadi asing, ia tidaklah bererti keasingan yang memencil atau meminggirkannya. Asing di sini ertinya berlainan daripada lain-lain pola hidup dan adab masyarakat.

Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* menyampaikan hadis di atas bukanlah atas tujuan meramalkan sesuatu yang negatif terhadap umat tetapi bertujuan

memperingatkan umat bahawa pada satu masa nanti mereka akan hidup di kalangan masyarakat yang sangat buruk adab dan perlakuan mereka. Masyarakat ini pula akan memandang syari‘at Islam sebagai sesuatu yang aneh, ketinggalan dan tidak lagi sesuai dengan peradaban semasa.

Oleh itu hendaklah umat Islam tetap beristiqamah atas ajaran Islam yang asal berdasarkan al-Qur'an dan al-Sunnah serta memelihara diri daripada keburukan pola hidup masyarakat lain mahupun pandangan negatif mereka terhadap Islam. Sikap sebeginilah yang dipuji oleh Rasulullah *shallallahu ‘alaihi wasallam* di akhir hadis di atas: ***Maka berbahagialah orang-orang yang asing itu.***

CONTOH NO: 4

Umat Islam Akan Berpecah Menjadi 73 Kumpulan.

Sabda Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*:

أَلَا إِنَّ مَنْ قَبْلَكُمْ مِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ افْتَرَقُوا عَلَىٰ ثِنْتَيْنِ
وَسَبْعِينَ مِلَّةً، وَإِنَّ هَذِهِ الْمِلَّةَ سَتَفْتَرِقُ عَلَىٰ ثَلَاثَةِ وَسَبْعِينَ: ثُنْتَانِ
وَسَبْعُونَ فِي النَّارِ وَوَاحِدَةٌ فِي الْجَنَّةِ وَهِيَ الْجَمَاعَةُ.

Ketahuilah bahawa orang-orang sebelum kamu daripada Ahli Kitab telah berpecah kepada tujuh puluh dua kumpulan, dan sesungguhnya kumpulan ini (umat Islam) akan berpecah kepada tujuh puluh tiga (kumpulan), tujuh puluh dua daripadanya akan masuk neraka dan hanya satu daripadanya akan masuk syurga, iaitu al-Jamaah.¹³⁰

Kemusykilan:

Apakah maksud sebenar hadis ini? Ia seolah-olah meramalkan bahawa banyak umat Islam yang akhirnya akan

¹³⁰ **Hasan:** Hadis daripada sejumlah sahabat dengan lafadz yang saling berbeza tetapi ke arah maksud yang sama, dikeluarkan oleh Ahmad, Abu Daud, al-Tirmizi, Ibn Majah dan lain-lain, di atas adalah salah satu dari lafadz Abu Daud, lihat *Sunan Abu Daud* – no: 4429 (*Awal kitab al-Sunnah*). Hadis-hadis ini memiliki jalan periyawatan yang banyak, sebahagiannya *sahih*, sebahagiannya *hasan* dan sebahagian lain *dha'if*, lihat semakan dan penilaianya oleh Nasr al-Din al-Albani dalam *Silsilah Hadits Shahih* – no: 203.

masuk neraka. Bagaimanakah kita hendak meletakkan diri kita dalam kumpulan *al-Jamaah*?

Penjelasannya:

Hadir ini adalah antara yang paling disalah-fahami dan disalah-gunakan. Dengan hadis ini ramai pihak yang memisahkan dirinya daripada kesatuan umat atas alasan kononnya Rasulullah telah meramalkannya. Dan banyak kumpulan yang membenarkan kumpulan sendiri sebagai hanya yang satu-satunya layak masuk syurga manakala lain-lain kumpulan semuanya akan masuk neraka.

Sementara itu sebahagian lain pula menolak hadis ini kerana bagi mereka adalah mustahil kebanyakan umat Islam akan masuk neraka. Telah sabit dalam pelbagai hadis yang *sahih* bahawa umat Islam, yakni mereka yang mengucap dua kalimah syahadah, akan masuk syurga secara pasti. Mereka mungkin akan masuk ke neraka untuk sementara waktu bergantung kepada dosa-dosa besar yang dilakukan masing-masing tetapi akhirnya akan tetap masuk ke syurga.

Oleh itu apakah maksud hadis di atas? Marilah kita mengkaji maksud kalimahnya satu persatu.

Sabda baginda: ... *dan sesungguhnya kumpulan ini (umat Islam) akan berpecah kepada tujuh puluh tiga (kumpulan)*... bukanlah merupakan satu ramalan yang menetapkan tetapi adalah satu peringatan kepada apa yang mungkin akan terjadi.

Jumlah 73 yang baginda sebut mengisyaratkan kepada jumlah yang banyak sebagaimana kebiasaan penggunaan angka 7 atau 70 oleh masyarakat Arab untuk mengisyaratkan sesuatu yang besar jumlahnya. Ini seperti yang telah diterangkan ketika menjelaskan hadis *orang kafir ada tujuh usus*. Angka 2 dan 3 bagi jumlah 72 dan 73 pula mengisyaratkan bahawa umat Islam berkemungkinan akan berpecah menjadi kumpulan-kumpulan yang lebih banyak jumlahnya daripada perpecahan Ahli Kitab.

Daripada kumpulan-kumpulan ini hanya *al-Jamaah* yang akan masuk syurga. Apa dan siapakah *al-Jamaah*?

Dari sudut bahasa *al-Jamaah* adalah *persatuan* di mana lawannya adalah *perpecahan*. Dari sudut istilah, *al-Jamaah* adalah persatuan umat Islam di atas kebenaran dan usaha mereka untuk menjauhkan perpecahan, pengasingan dan pemulauan sesama umat sama ada dalam bentuk yang

kecil atau besar.

Justeru Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* menyampaikan hadis di atas dalam rangka memberi amaran keras kepada umatnya untuk tidak berpecah-belah menjadi kumpulan dan kelompok yang saling berselisih antara satu sama lain. Hendaklah umat Islam semuanya bersatu sebagai satu jamaah.

Amaran Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* dalam hadis ini adalah selari dengan ayat al-Qur'an berikut ini:

وَلَوْ شَاءَ رَبُّكَ بَجَعَلَ النَّاسَ أُمَّةً وَاحِدَةً وَلَا يَرَالُونَ مُخْتَلِفِينَ.
إِلَّا مَنْ رَحْمَ رَبُّكَ وَلِذِلِّكَ خَلَقَهُمْ وَمَنْتَ كَلِمَةُ رَبِّكَ لَأَمْلَأَنَّ جَهَنَّمَ
مِنَ الْجِنَّةِ وَالنَّاسِ أَجْمَعِينَ.

Dan kalaularah Tuhanmu (wahai Muhammad) menghendaki, tentulah Dia menjadikan umat manusia semuanya menurut agama yang satu. (Tetapi Dia tidak berbuat demikian) dan kerana itulah mereka terus-menerus berselisihan.

Kecuali orang-orang yang telah diberi rahmat oleh

Tuhanmu, (mereka bersatu di dalam agama Allah); dan untuk itulah Allah menjadikan manusia. Dan dengan yang demikian sempurnalah janji Tuhanmu: “Sesungguhnya Aku akan memenuhi neraka jahannam dengan sekalian jin dan manusia (yang berdosa)” [Hud 11:118-119]

Dalam ayat ini Allah Subhanahu wa Ta'ala menerangkan tabiat manusia yang suka berpecah-belah dan ini termasuklah umat Islam sendiri. Semuanya akan memenuhi neraka kecuali mereka yang bersatu atas kebenaran, iaitu jamaah umat Islam.

Dalam sebuah ayat lain Allah 'Azza wa Jalla berfirman:

وَلَا تَكُونُوا مِنَ الْمُشْرِكِينَ. مِنَ الَّذِينَ فَرَّقُوا دِينَهُمْ وَكَانُوا
شِيَعًا كُلُّ حِزْبٍ بِمَا لَدَيْهِمْ فَرِحُونَ.

Dan janganlah kamu menjadi dari mana-mana golongan orang musyrik - Iaitu orang-orang yang menjadikan fahaman agama mereka berselisihan mengikut kecenderungan masing-masing serta mereka pula menjadi berpuak-puak; tiap-tiap puak bergembira dengan apa yang ada padanya (dari fahaman dan amalan yang terpesong

itu). [al-Rum 30:31-32]

Dalam ayat di atas Allah *Tabaraka wa Ta'ala* menerangkan sifat orang-orang musyrik yang memecahbelahkan agama mereka, masing-masing bergembira dengan pecahan masing-masing. Maka hendaklah orang-orang yang mentauhidkan Allah, yakni umat Islam tidak mengikuti sikap musyrik tersebut. Hendaklah umat Islam bersatu dalam satu jamaah dan mengelakkan perpecahan.

Sikap berjamaah yang menjauhi perpecahan juga sangat ditekankan oleh Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* dalam hadis-hadis baginda. Antaranya:

فَإِنَّمَا مَنْ فَارَقَ الْجَمَاعَةَ شِبْرًا فَمَاتَ، فَمِيتَةٌ جَاهِلِيَّةٌ.

*Sesungguhnya orang yang memisahkan dirinya daripada jamaah sekalipun dengan jarak sehasta lalu dia mati, maka matinya adalah dalam keadaan jahiliyah.*¹³¹

لَا تَكُونُ لَا يُسْأَلُ عَنْهُمْ: رَجُلٌ فَارَقَ الْجَمَاعَةَ، وَعَصَى إِمَامَهُ

¹³¹ **Sahih:** Sebahagian hadis daripada 'Abdullah ibn Abbas *radhiallahu 'anh*, dikeluarkan oleh Ahmad, al-Bukhari, Muslim, Darimi dan lain-lain, di atas adalah dengan lafaz Muslim, lihat *Sahih Muslim* – no: 1849 (*Kitab al-Imarah, Bab kewajipan bersatu dengan jamaah.....*).

وَمَاتَ عَاصِيَا، وَأَمَّةُ أَوْ عَبْدُ أَبَقَ مِنْ سَيِّدِهِ فَمَاتَ، وَأَمْرَأٌ غَابَ عَنْهَا زَوْجُهَا وَقَدْ كَفَاهَا مُؤْوِنَةُ الدُّنْيَا فَخَانَتُهُ بَعْدَهُ.

Tiga orang, jangan engkau bertanya tentang mereka: (1) seseorang yang memisahkan dirinya dari jamaah dan menderhakai imamnya lalu mati dalam keadaan menderhaka, (2) Seorang budak perempuan atau budak lelaki yang melarikan diri dari tuannya lalu dia (budak tersebut) mati dan (3) seorang isteri yang suaminya pergi lalu ditinggalkan bekalan (nafkah) duniawi yang mencukupi namun kemudian dia (isteri) mengkhianati (suaminya).¹³²

Sabda Rasulullah: *Tiga orang, jangan engkau bertanya tentang mereka* bermaksud tiga orang yang akan menghadapi kesusahan di Hari Akhirat nanti.¹³³

أَلْجَمَاعَةُ رَحْمَةٌ، وَالْفُرْقَةُ عَدَابٌ.

¹³² **Sahih:** Sebahagian hadis daripada Fadhalah bin ‘Ubaid *radhiyallahu anh*, dikeluarkan oleh Ahmad, al-Bukhari (*Adab al-Mufrad*), Ibn Hibban, al-Hakim dan lain-lain, di atas dengan lafadz Ibn Hibban dan ia disahihkan oleh Syu‘aib al-Arna’uth dalam *Sahih Ibn Hibban* – no: 4559 (*Kitab al-Siyar, Bab Taat kepada pemimpin*).

¹³³ al-Munawi dalam *Faidh al-Qadir Syarah al-Jamii’ al-Sagheir* (Maktabah Tijarah al-Kubra, Mesir 1356H), jld 3, ms 324.

*Berjamaah adalah rahmat dan berpecah adalah azab.*¹³⁴

إِنَّ اللَّهَ لَا يَجْمَعُ أُمَّةً . أَوْ قَالَ أُمَّةً مُحَمَّدٌ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ . عَلَى ضَلَالٍ، وَيَدُ اللَّهِ عَلَى الْجَمَاعَةِ، وَمَنْ شَدَّ إِلَى النَّارِ.

*Sesungguhnya Allah tidak akan menghimpun umatku (atau umat Muhammad shallallahu ‘alaihi wasallam) atas kesesatan. Dan tangan Allah atas al-Jamaah dan sesiapa yang mengasingkan diri, maka dia mengasing ke neraka.*¹³⁵

أَيُّهَا النَّاسِ عَلَيْكُمْ بِالْجَمَاعَةِ وَإِيَّاُكُمْ وَالْفَرْقَةِ، فَمَمْ أَرَادَ

¹³⁴ **Hasan:** Sebahagian hadis daripada Nu’man bin Basyir *radhiallahu ‘anh*, dikeluarkan oleh Ahmad, Ibn Abi ‘Ashim, al-Bazzar, Ibn Abi Dunya, al-Qudho‘i dan al-Baihaqi (*Syu‘abu al-Iman*), dinukil oleh al-Munziri dalam *al-Targib wa al-Tarhib* dan dinilai *hasan* oleh para penyemaknya: Muhyiddin Dibb Mastu, Samir Ahmad ‘Atha & Yusuf ‘Ali Badiwi.

¹³⁵ **Hasan:** Hadis daripada ‘Abdulullah ibn ‘Umar *radhiallahu ‘anh*, dikeluarkan oleh al-Tirmizi dan di dalam *isnadnya* terdapat kelemahan. Namun bahagian awal hadis ini memiliki beberapa penguatan dari sudut *sanad* dan *matan* sehingga dapat diangkat ke taraf *sahih*, demikian penilaian Nasr al-Din al-Albani dalam *Sahih Sunan al-Tirmizi – no: 2167 (Kitab al-Fitan, Bab Keperluan kepada al-Jamaah)*. Bahagian akhir hadis: *dan sesiapa yang mengasingkan diri, maka dia mengasing ke neraka* tidak memiliki penguatan dari sudut *sanad* tetapi memiliki kebenaran dari sudut *matan* sebagaimana disokongi oleh beberapa hadis dalam bab ini yang telah dikemukakan di atas. Oleh itu al-Suyuti menilai keseluruhan hadis ini sebagai *hasan*, lihat *al-Jamii’ al-Sagheir – no: 1818*.

بُحْبَحَةُ الْجَنَّةِ فَلِيَلْزَمُ الْجَمَاعَةَ.

Wahai manusia, berjamaahlah kalian dan janganlah kalian berpecah-belah. Sesiapa yang hendak tempat di tengah-tengah syurga maka hendaklah dia selalu berjamaah.¹³⁶

سَيَكُونُ بَعْدِي هَنَاتُ وَهَنَاتُ. فَمَنْ رَأَيْتُمُوهُ فَارِقَ الْجَمَاعَةِ،
أَوْ يُرِيدُ أَنْ يُفَرِّقَ بَيْنَ أُمَّةٍ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَأَمْرُهُمْ جَمِيعٌ،
فَاقْتُلُوهُ كَائِنًا مَنْ كَانَ، فَإِنَّ يَدَ اللَّهِ مَعَ الْجَمَاعَةِ، وَإِنَّ الشَّيْطَانَ مَعَ
مَنْ فَارَقَ الْجَمَاعَةَ يَرْتَكِضُ.

Akan datang sesudah aku orang-orang yang berbuat fitnah, keburukan dan kejahatan. Maka sesiapa kamu yang melihatnya memecah-belahkan al-Jamaah atau hendak memecah-belahkan antara umat Muhammad shallallahu ‘alaihi wasallam atau memecah-belahkan urusan mereka, maka bunuhlah dia siapapun orangnya.

Sesungguhnya tangan Allah bersama al-Jamaah dan sesungguhnya Syaitan berlari bersama orang yang

¹³⁶ **Sahih:** Hadis daripada ‘Umar bin al-Khattab *radhiyallahu ‘anh*, dikeluarkan oleh Ibn Abi ‘Ashim dan dinilai *sahih* oleh Nasr al-Din al-Albani dalam *Kitab al-Sunnah* – no: 897.

memecah-belahkan al-Jamaah.¹³⁷

Demikian beberapa hadis Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* yang memerintah umat untuk berjamaah dan ancaman keras bagi mereka yang memecah-belahkan jamaah atau mengasingkan diri darinya.

Timbul persoalan seterusnya, bagaimanakah seharusnya kita umat Islam hidup berjamaah?

Sepertimana yang telah diterangkan, dari sudut bahasa *al-Jamaah* adalah *persatuan* di mana lawannya adalah *perpecahan*. Dari sudut istilah, *al-Jamaah* adalah persatuan umat Islam di atas kebenaran dan usaha mereka untuk menjauhkan perpecahan, pengasingan dan pemulauan sesama umat sama ada dalam bentuk yang kecil atau besar. Untuk memperincikan konsep *al-Jamaah* memerlukan sebuah buku yang berasingan kerana ini adalah satu subjek yang luas dan penting. Justeru berikut ini hanya digariskan perkara-perkara

¹³⁷ **Sahih:** Hadis daripada Arfajah bin Syuraihin *radhiallahu 'anh*, dikeluarkan oleh Ahmad, Ibn Abi Syaibah, Abu Daud, al-Nasa'i (*al-Sunan & al-Kubra*), Ibn Hibban, al-Hakim dan lain-lain, di atas dengan lafadz Ibn Hibban dan dinilai *sahih* oleh Syu'aib al-Arna'uth dalam *Sahih Ibn Hibban* – no: 4577 (*Kitab al-Siyar, Bab Taat kepada pemimpin*), demikian juga oleh Nasr al-Din al-Albani dalam *Sahih al-Jamii' al-Sagheir* – no: 3621. Juga dikeluarkan secara ringkas oleh Muslim dalam kitab *Sahihnya*, no: 1852.

penting tentang konsep berjamaah dalam Islam:

Pertama:

Berjamaah adalah di atas kebenaran. Umat Islam bersatu di atas kebenaran yang berasal dari al-Qur'an dan al-Sunnah yang *sahih*. Tidak boleh bersatu di atas sesuatu yang batil atau terkeluar dari batas-batas Islam. Ini adalah dasar pertama yang terpenting sehingga Abdullah ibnu Mas'ud radhiallahu 'anh pernah berkata: *al-Jamaah adalah apa yang menepati kebenaran sekalipun engkau bersendirian.*¹³⁸

Namun perlu diingatkan bahawa *kebenaran* itu sendiri adalah sesuatu yang sangat luas, justeru hendaklah ia ditentukan oleh seseorang mujahid atau sekumpulan ilmuan yang jujur dan adil. Jika didapati seseorang atau sesebuah kumpulan itu jelas menyalahi kebenaran, maka tidak perlu berjamaah dengannya seperti orang yang menyindir Rasulullah atau kumpulan tariqat yang meletakkan syari'at Islam di tangga kedua selepas shaikh mereka.

¹³⁸ **Sahih:** Dikeluarkan oleh Ibn 'Asakir dalam *Tarikh Damshq* (Dar al-Kutub al-Ilmiah, Beirut 1999), *jld 46, ms 409* dan dinilai *sahih* oleh Nasr al-Din al-Albani sepetimana jelas beliau dalam notakaki *Misykat al-Masabih* (Maktabah al-Islami, Beirut 1985), *jld 1, ms 61*. Juga dinukil oleh al-Mizzi dalam *Tahzib al-Kamal* (Muasasah al-Risalah, Beirut 1980), *jld 22, ms 264*.

Kedua:

Berjamaah adalah kepada satu pemimpin yakni seorang khalifah Islam. Dalam suasana tidak ada khalifah pada masa kini, berjamaah adalah kepada pimpinan al-Qur'an dan al-Sunnah dan para ahlinya. Dalam ertikata lain, para ilmuan Islam yang berdiri di atas al-Qur'an dan al-Sunnah bertindak sebagai pemimpin umat Islam masa kini sehingga lahir sistem khalifah yang berwibawa.

Ketiga:

Berjamaah bukanlah bererti persatuan pendapat tetapi adalah toleran terhadap beberapa pendapat yang sedia ada. Sebahagian ahli hikmah berkata: *Yang dibolehkan adalah perbezaan pendapat sementara yang dilarang adalah perpecahan umat*. Namun perlu diingatkan bahawa sikap toleran hanyalah terhadap beberapa pendapat dan bukannya semua pendapat kerana pendapat yang batil wajib ditolak atau diperbetulkan.

Keempat:

Berjamaah adalah saling menghormati antara satu sama lain. Namun di waktu yang sama gerakan dakwah dan

'amar ma 'aruf nahi mungkar wajib berjalan sesama ahli termasuk pemimpinnya supaya kebenaran sentiasa berada bersama jamaah. Seandainya pemimpin memerintahkan sesuatu yang bercanggah dengan al-Qur'an dan al-Sunnah maka tidak ada ketaatan kepada perintah tersebut melainkan kewajipan membetulkannya. Seandainya pemimpin tetap berdegil maka hendaklah diusahakan perlantikan atau penggantian pemimpin yang baru secara bermesyuarat sesama jamaah (*Majlis Syura*). Semua ini tetap dijalankan dalam jamaah, tidak di luarnya.

Demikian beberapa dasar utama konsep jamaah dalam Islam. Berjamaah berlandaskan dasar-dasar di atas wajib ditegakkan dan dipelihara sesama umat Islam tanpa mengira mazhab fiqh dan fikrah politik. Tidak boleh memecahkan jamaah semata-mata kerana perbezaan pendapat dalam hukum fiqh. Tidak boleh membahagi-bahagikan jamaah semata-mata kerana perbezaan pandangan dalam berpolitik. Tidak boleh saling memulau antara jamaah semata-mata kerana sesuatu amalan bid'ah yang tidak jelas kebid'ahannya. Sesiapa yang memecah-belahkan jamaah atau menyisihkan diri atau memulau daripada jamaah maka dia termasuk salah satu daripada 72 kumpulan yang akan masuk ke dalam neraka.

KATA PENUTUP.

Sabda Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*:

نَصَرَ اللَّهُ اِمْرَأً سَمِعَ مِنَا حَدِيْثًا فَحَفِظَهُ حَتَّىٰ يُبَلَّغَهُ عَيْرُهُ، فَرَبَّ حَامِلٍ فِيْهِ إِلَىٰ مَنْ هُوَ أَفْقَهُ مِنْهُ، وَرُبَّ حَامِلٍ فِيْهِ لَيْسَ بِفَقِيهٍ.

Semoga Allah mengurniakan pencerahan (hikmah dan hidayah) kepada orang yang mendengar suatu hadis daripada aku lalu dia memeliharanya sehingga disampaikannya kepada orang lain.

Boleh jadi seseorang membawa ilmu kepada orang yang lebih faham daripadanya, dan boleh jadi ada orang yang membawa ilmu tetapi dia tidak memahaminya.¹³⁹

Sejak awal lagi Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* telah menerangkan kemungkinan akan timbulnya orang yang tidak faham dengan hadis-hadis baginda. Orang tersebut mungkin seorang penghafal, penulis, pembawa dan pengajar hadis tetapi ini tidak bererti dia adalah seorang yang benar-benar faham akan maksud dan pengajaran hadis.

¹³⁹ **Sahih:** Hadis mutawatir yang dikeluarkan oleh Abu Daud, al-Tirmizi, Ibn Majah dan lain-lain, dinilai sahib oleh Nasr al-Din al-Albani dalam *Sahih Sunan al-Tirmizi* – no: 2656 (*Kitab Ilmu, Bab Anjuran menyampaikan apa yang didengar*).

Justeru Rasulullah menganjurkan agar hadis-hadisnya disampaikan kepada orang lain kerana mungkin sahaja orang tersebut lebih faham secara tepat dan benar.

Secara lebih terperinci hadis ini memiliki beberapa pengajaran penting:

Pertama:

Keutamaan kepada orang yang mendengar, memelihara dan menyampaikan hadis-hadis Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*. *Mendengar hadis* bererti menerima sesebuah hadis dengan cara lisan atau dengan cara membaca tanpa terbatas kepada apa-apa *medium* tertentu. *Memelihara hadis* adalah orang yang menghafal atau menulis hadis yang diterimanya dan disimpan dengan baik. *Menyampaikan hadis* dilakukan dalam rangka memberi nasihat, dakwah, kuliah dan sebagainya.

Seseorang yang mendengar hadis lalu dia memelihara dan menyampaikannya, maka dia akan dikurniakan *pencerahan* oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* iaitu pengurniaan ilmu pengetahuan dan ilmu makrifat yang memuliakannya daripada manusia biasa di dunia dan akhirat. Pengurniaan ini adalah khas baginya sehingga tertanam di hati

dan tercermin di wajahnya kebahagiaan dan keriangan.¹⁴⁰

Kedua:

Tidak semua orang yang mendengar, memelihara dan menyampaikan hadis terdiri daripada orang yang memahaminya. Atau mungkin dia faham tetapi kefahamannya tidak tepat. Maka dalam hadis di atas Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* menganjurkan seseorang itu menyampaikan hadis-hadisnya kepada orang lain kerana mungkin orang yang disampaikan itu lebih faham akan maksudnya.

Dalam erti kata lain, Rasulullah menganjurkan kita untuk saling bertanya, berbincang dan bertukar-tukar pandangan akan hadis-hadisnya. Hanya dengan cara ini umat Islam akan memperoleh kefahaman yang tepat akan hadis-hadis Rasulullah.

Ketiga:

Pengajaran yang terakhir lagi terpenting adalah, janganlah seseorang itu terburu-buru menolak dan menghukum *batil* atau *maudhu'* akan sesbuah hadis

¹⁴⁰ Lebih lanjut tentang maksud *Pencerahan*, lihat keterangan al-Mubarakfuri dalam *Tuhfat al-Ahwazi Syarah Jamii al-Tirmizi* (Dar al-Kutub al-Ilmiah, Beirut tp thn), jld 7, ms 347-348.

Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* semata-mata kerana ia kelihatan aneh, pelik atau memusykilkkan. Tidak boleh menolak hadis semata-mata kerana kejahilan seseorang untuk memahaminya.

Sepertimana yang telah dikupas sejak dari awal buku ini, terdapat banyak faktor yang mengakibatkan sesebuah hadis kelihatan musykil dan pada waktu yang sama terdapat banyak kaedah untuk menghilangkan kemasykilan tersebut. Maka hendaklah setiap orang mencermati faktor-faktor dan kaedah-kaedah yang telah digariskan. Jika masih menghadapi kebuntuan, maka kaedah terakhir yang dipegangi oleh para ahli hikmah ialah menangguhkan (*tawaqquf*) maksud hadis tersebut sehingga ditemui penjelasan yang sebenarnya.

Buku-buku lain oleh Hafiz Firdaus Abdullah

Boleh dipesan terus dari jahabersa di nombor 07-2351602 atau pesanan *online* di www.jahabersa.com.my. Boleh juga dirujuk dalam bentuk e-book atau muat turun di www.hafizfirdaus.com

1. Zikir-Zikir Selepas Solat Fardhu.
2. Menangani Persoalan Doa Qunut: Dibaca Atau Tidak?
3. Marilah Berselawat Ke Atas Rasulullah.
4. Marilah Mendirikan Sembahyang.
5. Pedoman-Pedoman Bermazhab Dalam Islam.
6. Panduan Ibadah Dalam Musafir Penerbangan.
7. Solat Tarawikh: Satu Perbahasan Ke Atas Fatwa Yang Menetapkannya Kepada 20 Rakaat.
8. 20 Hujah Golongan Anti Hadis Dan Jawapannya.
9. Kaedah Memahami Hadis-Hadis Yang Saling Bercanggah.
10. Kaedah Memahami Hadis-Hadis Musykil.
11. Pembongkaran Jenayah Ilmiah Buku *Salafiyah Wahabiyah: 73 Penilaian Semula Ke Atas Penilaian Zamihan Mat Zin Al-Ghari*.

12. Apakah Jihad Di Jalan Allah? Buku 1: Definisi, Kepentingan dan Kemuliaan Jihad.
13. Apakah Jihad Di Jalan Allah? Buku 2: Hukum dan Syarat-Syaratnya.
14. Jawapan Ahl al-Sunnah kepada Syi‘ah al-Rafidah dalam Persoalan Khalifah. Siri Pertama: Definisi Syi‘ah al-Rafidah, Sejarah Kelahiran Syi‘ah al-Rafidah dan 5 Strategi Asas Syi‘ah al-Rafidah Dalam Berhujah.
15. Jawapan Ahl al-Sunnah kepada Syi‘ah al-Rafidah dalam Persoalan Khalifah. Siri Kedua: Jawapan Ahl al-Sunnah Kepada Ayat-Ayat Al-Qur’ān Yang Dijadikan Hujah Oleh Syi‘ah Dalam Persoalan Khalifah.
16. Jawapan Ahl al-Sunnah kepada Syi‘ah al-Rafidah dalam Persoalan Khalifah. Siri Ketiga: Jawapan Ahl al-Sunnah Kepada Hadis-Hadis Rasulullah Yang Dijadikan Hujah Oleh Syi‘ah Dalam Persoalan Khalifah.
17. Jawapan Ahl al-Sunnah kepada Syi‘ah al-Rafidah dalam Persoalan Khalifah. Siri Keempat: Jawapan Ahl al-Sunnah Berkenaan Sejarah dan Keutamaan Para Sahabat.
18. Amalan-Amalan Di Bulan Ramadhan.
19. Marilah Berkenalan Dengan al-Qur’ān.

20. Let's Get Acquainted With Al-Qur'an. (Edisi terjemahan Inggeris Marilah Berkenalan Dengan al-Qur'an)
21. Wahai Ibu! Wahai Ayah!
22. Dear Mom & Dad. (Edisi Terjemahan Inggeris Wahai Ibu! Wahai Ayah!)
23. 13 Perkara Yang Mencemari Kemurnian Tauhid.
24. Mencari Rahmat Allah Di Sebalik Perbezaan Pendapat
25. Looking For Allah's Blessing Behind Differences of Opinion. (Edisi Terjemahan Inggeris Mencari Rahmat Allah Di Sebalik Perbezaan Pendapat)
26. Marilah Berkenalan Dengan Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah.
27. 7 Tipu Daya Syaitan Ke Atas Umat Islam.
28. Membongkar Aliran Islam Liberal.
29. Menjawab 17 Fitnah Terhadap Syaikh al-Islam Ibn Taimiyyah. (Ulasan kepada karya asal Syaikh Murad Syukri yang diterjemah oleh Ustaz Badrul Hisham bin Sulaiman).
30. Himpunan Risalah Dalam Beberapa Persoalan Ummah. Buku 1.

31. Himpunan Risalah Dalam Beberapa Persoalan Ummah. Buku 2.
32. Himpunan Risalah Dalam Beberapa Persoalan Ummah. Buku 3.
33. Himpunan Risalah Dalam Beberapa Persoalan Ummah. Buku 4.
34. Himpunan Risalah Dalam Beberapa Persoalan Ummah. Buku 5.
35. Himpunan Risalah Dalam Beberapa Persoalan Ummah. Buku 6.
36. Berdakwah Melalui Penulisan Efektif.
37. Fiqh Harta: Satu Pengenalan.
38. Cahaya Rohani (Buku 1)
39. Cahaya Rohani (Buku 2)
40. Hukum dan Adab Berjamaah Dalam Islam.
41. Islam, Seks dan Jantina.
42. 36 Kritikan Ke Atas Buku *Amalan Sunnah Selepas Solat Dan Kelebihannya*.

43. Catatan-Catatan Ilmiah Ke Atas Buku Makna Sebenar Bid'ah: *Beberapa Semakan Teliti Ke Atas Satu Penjelasan* (Yang Didakwa) Rapi.
44. Catatan Dari 40,000 Kaki (Buku 1).
45. 47 Persoalan Qadar dan Qadha.
46. 202 Pelajaran Berkenaan Poligami.

Penulis anda, Hafiz Firdaus bin Abdullah lahir di Kuala Lumpur pada tahun 1971 dan mendapat pendidikan rendah dan menengah di St. John's Institution, Bukit Nanas, Kuala Lumpur. Pada tahun 1989 beliau menyertai Penerangan Malaysia (*Malaysia Airlines*) sebagai seorang juruterbang sehingga ke hari ini.

Hafiz Firdaus mula menulis sejak tahun 1999. Manhaj beliau ialah mengkaji sesuatu topik daripada sumber khazanah ilmu tokoh-tokoh terdahulu lalu menyusun dan menyampaikannya dalam bentuk yang mudah lagi relevan dengan isu-isu terkini.

Ringkasnya, sesiapa jua yang memiliki manhaj mengkaji dan menganalisa dalam berinteraksi dengan ilmu-ilmu agama akan mendapati buku-buku Hafiz Firdaus sebagai sumber kajian dan analisa yang sesuai untuk mereka.

Hafiz Firdaus tinggal di Lembah Klang bersama tiga keluarganya. Di samping menulis buku, beliau menulis artikel dan kolumn bulanan bagi beberapa majalah, juga memberi kuliah-kuliah agama di pusat pengajian tinggi, pejabat dan rangkaian TV tempatan.